


Jilid II
BU. 5



Hari Isnin
14hb Mac 1988

MALAYSIA

PENYATA RASMI PARLIMEN
PARLIAMENTARY DEBATES

DEWAN RAKYAT
House of Representatives

PARLIMEN KETUJUH
Seventh Parliament

PENGGAL KEDUA
Second Session

KANDUNGANNYA

JAWAPAN-JAWAPAN MULUT BAGI PERTANYAAN-PERTANYAAN
[Ruangan 717]

RANG UNDANG-UNDANG DIBAWA KE DALAM MESYUARAT
[Ruangan 790]

USUL:

**Ucapan Terima Kasih kepada D.Y.M.M. Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan
Agong—Y.B. Dr Abdul Hadi bin Derani [Ruangan 791]**

MALAYSIA
DEWAN RAKYAT YANG KETUJUH

Penyata Rasmi Parlimen

PENGGAL YANG KEDUA

AHLI-AHLI DEWAN RAKYAT

Yang Berhormat Tuan Yang di-Pertua, TAN SRI DATO' MOHAMED ZAHIR BIN HAJI ISMAIL, P.M.N., S.P.M.K., D.S.D.K., J.M.N.

Yang Amat Berhormat Perdana Menteri, Menteri Dalam Negeri dan Menteri Kehakiman, DATO' SERI DR MAHATHIR BIN MOHAMAD, S.S.D.K., S.S.A.P., S.P.M.S., S.P.M.J., D.P., D.U.P.N., S.P.N.S., S.P.D.K., S.P.C.M., S.S.M.T., D.U.N.M., p.i.s. (Kubang Pasu).

.. Timbalan Perdana Menteri dan Menteri Pembangunan Negara dan Luar Bandar, TUAN ABDUL GHAFAR BIN BABA (Jasin).

Yang Berhormat Menteri Pengangkutan, DATO DR LING LIONG SIK, D.P.M.P. (Labis).

.. Menteri Kerjaraya, DATO' S. SAMY VELLU, S.P.M.J., D.P.M.S., P.C.M., A.M.N. (Sungai Siput).

.. Menteri Perusahaan Utama, DATO' DR LIM KENG YAIK, D.P.C.M. (Beruas).

.. Menteri Pertahanan, Y.B.M. TENGKU DATO' AHMAD RITHAUDDEEN, AL-HAJ BIN TENGKU ISMAIL, S.P.M.P., S.S.A.P., P.M.K. (Kota Bharu).

.. Menteri Tenaga, Telekom dan Pos, DATUK LEO MOGGIE ANAK IROK, P.N.B.S. (Kanowit).

.. Menteri Perdagangan dan Perindustrian, DATIN PADUKA RAFIDAH AZIZ, D.P.M.S., A.M.N. (Kuala Kangsar).

.. Menteri Kemajuan Tanah dan Kemajuan Wilayah, DATO' DR SULAIMAN BIN HAJI DAUD, S.I.M.P., P.N.B.S., J.B.S. (Santubong).

.. Menteri Pertanian, DATUK SERI SANUSI BIN JUNID, D.S.D.K., D.G.S.M., S.M.K. (Jerlun-Langkawi).

.. Menteri Sains, Teknologi dan Alam Sekitar, DATUK AMAR STEPHEN YONG KUET TZE, D.A., P.N.B.S. (Padawan).

.. Menteri Pendidikan, TUAN ANWAR BIN IBRAHIM (Permatang Pauh).

.. Menteri Luar Negeri, DATO' ABU HASSAN BIN HAJI OMAR, D.P.M.S., S.M.T., P.I.S. (Kuala Selangor).

.. Menteri Kewangan, DATO' PADUKA DAIM ZAINUDDIN (Merbok).

.. Menteri Kesihatan, DATO' CHAN SIANG SUN, S.I.M.P., D.I.M.P., J.S.M., A.M.N., P.J.K., J.P. (Bentong).

Yang Berhormat Menteri Buruh, TUAN LEE KIM SAI, P.P.N. (Hulu Langat).

- „ Menteri Belia dan Sukan, DATO' SERI HAJI MOHD. NAJIB BIN TUN HAJI ABDUL RAZAK (ORANG KAYA INDERA SHAHBANDAR), S.S.A.P., S.I.M.P., D.S.A.P. (Pekan).
- „ Menteri di Jabatan Perdana Menteri, TUAN KASITAH BIN GADDAM (Kinabalu).
- „ Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan, TUAN NG CHENG KIAT (Klang).
- „ Menteri Penerangan, DATO' MOHAMED BIN RAHMAT, S.P.M.J., S.S.I.J., S.I.M.P., D.P.M.J., P.N.B.S., K.M.N. (Pulai).
- „ Menteri Kebudayaan dan Pelancongan, DATO' HAJI SABBARUDDIN CHIK, D.S.A.P., S.M.S. (Temerloh).
- „ Menteri Perusahaan Awam, DATO NAPSIAH BINTI OMAR, D.S.N.S. (Kuala Pilah).
- „ Menteri di Jabatan Perdana Menteri, DATO' DR MOHAMAD YUSOF BIN HAJI MOHAMED NOR, D.P.M.T., J.M.N., S.M.T., P.P.T. (Setiu).
- „ Menteri Kebajikan Masyarakat, TUAN MUSTAFFA BIN MOHAMMAD, S.M.J., K.M.N., p.i.s., B.s.i. (Sri Gading).
- „ Timbalan Yang di-Pertua, DATO' MOHAMED AMIN BIN HAJI DAUD, D.I.M.P., A.M.N., A.M.P. (Rompin).
- „ Timbalan Yang di-Pertua, TUAN D. P. VIJANDRAN (Kapar).
- „ Timbalan Menteri Kesihatan, DATO' K. PATHMANABAN, D.S.N.S., K.M.N. (Telok Kemang).
- „ Timbalan Menteri Pertahanan, DATO' ABANG ABU BAKAR BIN DATU BANDAR ABANG HAJI MUSTAPHA, D.S.A.P., P.N.B.S., J.M.N. (Paloh).
- „ Timbalan Menteri Kerjaraya, TUAN LUHAT WAN (Baram).
- „ Timbalan Menteri Pertanian, TUAN MOHD. KASSIM BIN AHMED (Machang).
- „ Timbalan Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan, DATO' S. SUBRAMANIAM, D.S.N.S., S.M.J. (Segamat).
- „ Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri, DATO' Oo GIN SUN, D.S.D.K., S.D.K., A.M.K., J.P. (Alor Setar).
- „ Timbalan Menteri Dalam Negeri, DATO' MEGAT JUNID BIN MEGAT AYOB, D.P.C.M., A.M.P., A.M.K. (Pasir Salak).
- „ Timbalan Menteri Perusahaan Awam, TUAN HAJI DAUD BIN DATO' HAJI TAHA (Batu Pahat)..
- „ Timbalan Menteri Pembangunan Negara dan Luar Bandar, TUAN NG CHENG KUAI, A.M.P. (Lumut).

- Yang Berhormat Timbalan Menteri Pembangunan Negara dan Luar Bandar, DATO' MOHD. TAJOL ROSLI BIN MOHD. GHAZALI, D.P.M.P., A.M.P. (Gerik)-
- „ Timbalan Menteri Pertanian, DATO' ALEXANDER YU LUNG LEE, D.P.M.P. (Batu).
- „ Timbalan Menteri Buruh, DATO' WAN ABU BAKAR BIN WAN MOHAMED, D.I.M.P. (Jerantut).
- „ Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri, DATO' DR SITI ZAHARAH BINTI HAJI SULAIMAND, D.I.M.P. (Mentakab).
- „ Timbalan Menteri Perdagangan dan Perindustrian, DATO' KOK WEE KIAT, A.M.N. (Selandar).
- „ Timbalan Menteri Pendidikan, TUAN WOON SEE CHIN, A.M.N., P.I.S. (Senai).
- „ Timbalan Menteri Buruh, TUAN KALAKAU UNTOL (Tuaran).
- „ Timbalan Menteri Kewangan, TUAN LOKE YUEN YOW, A.M.P. (Tanjong Malim).
- „ Timbalan Menteri Kerjaraya, TUAN OSU BIN HAJI SUKAM (Papar).
- „ Timbalan Menteri Penerangan, TUAN RAILEY BIN JAFFREY (Silam).
- „ Timbalan Menteri Sains, Teknologi dan Alam Sekitar, TUAN LAW HIENG DING, K.M.N., p.B.s. (Sarikei).
- „ Timbalan Menteri Pengangkutan, DATIN PADUKA HAJAH ZALEHA BINTI ISMAIL, D.P.M.S., S.M.S., K.M.N. (Selayang).
- „ Timbalan Menteri Perusahaan Utama, TUAN ALIAS BIN MD. Au, S.M.T., K.M.N., P.J.K. (Hulu Terengganu).
- „ Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri, RAJA DATO ARIFFIN BIN RAJA SULAIMAN, S.M.S. (Baling).
- „ Timbalan Menteri Kemajuan Tanah dan Kemajuan Wilayah, DATO HAJI MOHD. KHALID BIN MOHD. YUNUS, D.S.N.S. (Jempol).
- „ Timbalan Menteri Pendidikan, DR LEO MICHAEL TOYAD (Mukah).
- „ Timbalan Menteri Luar Negeri, TOH MUDA DR ABDULLAH FADZIL BIN CHE WAN, P.C.M. (Bukit Gantang).
- „ Timbalan Menteri Tenaga, Telekom dan Pos, TUAN ABDUL GHANI BIN OTHMAN (Ledang).
- „ Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri, DRS SULEIMAN BIN MOHAMED (Titiwangsa).
- „ Setiausaha Parlimen Kementerian Belia dan Sukan, TUAN HAJI AWANG BIN JABAR, S.M.T., A.M.N., P.J.K. (Dungun).
- „ Setiausaha Parlimen Kementerian Penerangan, DATO' HAJI DUSUKI BIN HAJI AHMAD, D.I.M.P. (Tumpat).

Yang Berhormat Setiausaha Parlimen Kementerian Kesihatan, CIK TENG GAIK KWAN, A.M.N., P.P.N. (Raub).

- .. Setiausaha Parlimen Kementerian Kebajikan Masyarakat, TUAN PETER CHIN FAH KUI (Lambir).
- .. Setiausaha Parlimen Kementerian Tenaga, Telekom dan Pos, TUAN ONG TIN KIM (Teluk Intan).
- .. Setiausaha Parlimen Kementerian Perdagangan dan Perindustrian, TUAN M. G. PANDITHAN, K.M.N. (Tapah).
- .. Setiausaha Parlimen Kementerian Kebudayaan dan Pelancongan, TUAN ABDUL RAMAN BIN SULIMAN (Parit Buntar).
- .. Setiausaha Parlimen di Jabatan Perdana Menteri, TUAN OTHMAN BIN ABDUL (Pendang).
- .. Setiausaha Parlimen Kementerian Pembangunan Negara dan Luar Bandar, TUAN MOHAMED BIN JAMRAH, A.M.P., P.P.T. (Bagan Datok).
- .. Setiausaha Parlimen Kementerian Kemajuan Tanah dan Kemajuan Wilayah, TUAN ADAM BIN ABDUL KADIR (Kuantan).
- .. TUAN ABDOL MULO K AWANG DAMIT (Labuan).
- .. DATO' ABDUL AJIB BIN AHMAD, D.G.S.M., D.P.M.J., B.S.I. (Mersing).
- .. DR ABDUL HADI BIN DERANI, K.M.N., A.M.K. (Kota Setar).
- .. DATO' ABDUL KADIR BIN HAJI SHEIKH FADZIR, D.S.D.K., A.M.K. (Kulim-Bandar Baharu).
- .. TUAN HAJI ABDUL MANAP BIN HAJI AHMAD, A.M.N., A.M.P., P.J.K. (Sungai Petani).
- .. TUAN ABDUL RAHMAN BIN BAKAR (Marang).
- .. TUAN HAJI ABDUL RAZAK BIN ABU SAMAH, D.S.M., A.M.N., P.J.K. (Lembah Pantai).
- .. DATUK PATINGGI HAJI ABDUL TAIB MAHMUD, D.P., D.A., S.P.M.J., P.G.D.K. (Samarahan).
- .. DATO' ABDULLAH AHMAD, S.J.M.K., D.P.M.K., P.N.B.S., A.D.K. (Kok Lanas).
- .. DATUK ABDULLAH BIN HAJI AHMAD BADAWI, D.M.P.N., D.J.N., K.M.N. (Kepala Batas).
- .. TUAN HAJI NIK ABDULLAH BIN HAJI ARSHAD (Pengkalan Chepa).
- .. DATO' DR AFFIFUDIN BIN HAJI OMAR, D.S.D.K., J.S.M., K.M.N., B.C.K. (Padang Terap).
- .. TUAN AHMAD BIN OMAR, P.P.N. (Pagoh).
- .. TUAN HAJI BASRI BIN BAJURI, K.M.N., P.J.K. (Kuala Langat).
- .. TUAN BERNARD GILUK DOMPOK, P.G.D.K. (Penampang).

- Yang Berhormat TUAN HAJI BUJANG BIN HAJI ULIS (Simunjan).
- „ DR CHEN MAN HIN (Seremban),
- „ TUAN CHEW KAM HOY, A.M.K., J.P. (Padang Serai).
- „ TUAN CHIAN HENG KAI (Bukit Mertajam).
- „ TUAN SAMSON CHIN CHEE Tsu (Tawau).
- „ TUAN CHUA JUI MENG (Bakri).
- „ DR V. DAVID (Puchung).
- „ TUAN DOUGLAS UGGAH EMBAS, A.B.S., P.B.S. (Betong).
- „ DR ENG SENG CHAI (Petaling Jaya).
- „ TUAN FUNG KET WING (Sandakan).
- „ TUAN GERARD MATH LEE MIN, A.S.D.K. (Gaya).
- „ TUAN HAJI GHAZALI BIN AHMAD, A.M.N., P.C.K. (Jerai).
- „ DR GOH CHENG TEIK (Nibong Tebal).
- „ TUAN GOO HOCK SENG (Bukit Bendera).
- „ TUAN HASHIM BIN SAFIN *alias* SHAFAIN, A.M.N. (Tanah Merah).
- „ TUAN HSING YIN SHEAN (Tanjong Aru).
- „ TUAN HAJI HUSSEIN BIN HAJI TAIB, P.P.N., P.J.K. (Sabak Bernam).
- „ TUAN HU SEPANG (Rasah).
- „ TUAN HAJI IBRAHIM BIN ALI (Pasir Mas).
- „ TUAN HAJI IBRAHIM AZMI BIN HASSAN (Kuala Nerus).
- „ TUAN ISMAIL *alias* MANSOR BIN SAID, S.M.T., A.M.N. (Kemaman).
- „ TUAN JAWAH ANAK GERANG (Lubok Antu).
- „ TUAN JIMBUN ANAK PUNGGGA *alias* JAMES JIMBUN ANAK PUNGGGA, P.B.S. (Kapit).
- „ TUAN JUSTINE ANAK TEMENGGONG JINGGUT (Ulu Rajang).
- „ DATUK KADOH AGUNDONG, P.G.D.K. (Padas).
- „ DATO' HAJI KAMARUZAMAN BIN HAJI AHMAD, D.P.M.S., J.M.N., A.M.N., J.P. (Tanjung Karang).
- „ TUAN R. KARPAL SINGH (Jelutong).
- „ TUAN LAINUS ANAK ANDREW LUWAK (Serian).
- „ TUAN LAU DAK KEE (Pasir Pinji).
- „ TUAN LAW LAI HENG *alias* GOH LAI HENG, P.I.S., B.S.I., K.M.N., A.M.N. (Pontian).
- „ TUAN LEE LAM THYE (Bukit Bintang).
- „ DATO' PAUL LEONG KHEE SEONG, D.P.C.M. (Taiping).

Yang Berhormat TUAN LIEW AH KIM (Seputeh).

- „ DR LIM ANN KOON, S.S.A., P.J.K. (Ampang Jaya).
- „ TUAN LIM GUAN ENG (Kota Melaka).
- „ TUAN LIM Krr SIANG (Tanjong).
- „ PUAN LING CHOOI SIENG (Kluang).
- „ TUAN MADATANG BIN MOREJAL (Bandau).
- „ TUAN MAIDOM BIN PANSAI *alias* PAUL PANSAI (Kota Belud).
- „ TUAN MICHAEL ASANG, B.s.K. (Jambongan).
- „ TUAN HAJI MOHAMAD BIN AeouLLAH, P.J.K. (Maran).
- „ DATO' HAJI MOHAMED BIN HAJI ALI, D.J.M.K., K.M.N., A.M.N., P.B. (Nilam Puri).
- „ TUAN MOHAMED BIN HAJI ISA, A.M.N., p.s. (Kuala Kerai).
- „ TUAN MOHAMED SAM BIN HAJI SAILAN, A.M.N., P.I.S., B.S.I. (Muar).
- „ TUAN MOHAMED TAWFIK BIN TUN DR ISMAIL (Sungai Benut).
- „ TUAN HAJI MOHAMED BIN YAAKOB (Rantau Panjang).
- „ DATO' HAJI MOHAMMAD ABU BAKAR BIN RAUTIN IBRAHIM, D.S.D.K., K.M.N. (Kuala Kedah).
- „ TUAN MOHAMMAD SUBKY BIN HAJI ABDUL RAOF, A.M.N., P.J.M. (Balik Pulau).
- „ TUAN MOHAMMED YUSOFF BIN ABDUL LATIFF, J.P. (Tasek Gelugor).
- „ DATUK SERJ HAJI MOHD. ADIB BIN HAJI MOHD. ADAM, D.G.S.M. (Alor Gajah).
- „ TUAN MOHD. NOH BIN RAJAB (Tampin).
- „ TUAN MOHD. SHARIF BIN JAJANG, A.M.N., P.J.K. (Sepang).
- „ TUAN MOHD. TAMRIN BIN ABDUL GHAPAR (Batu Berendam).
- „ TUAN HAJI MOHD. ZAIN BIN ABDULLAH, S.M.K. (Bachok).
- „ TUAN MOHD. ZIHIN BIN MOHD. HASSAN (Larut).
- „ DATO' MUSA BIN HTTAM, S.P.M.J., s.s.u., S.P.M.S., D.U.N.M., S.P.N.S. (Kota Tinggi).
- „ TUN DATU HAJI MUSTAFA BIN DATU HARUN (Limbawang).
- „ TUAN MUTANG TAGAL (Bukit Mas).
- „ TUAN NASRUDDIN BIN ALANG SAIDIN (Parit).
- „ TUAN NGOI THIAM WOH (Kampar).
- „ DR NICHOLAS MUNONG ANAK IBAU (Rajang).
- „ TUAN NURNIKMAN BIN ABDULLAH (Kimanis),

- Yang Berhormat TUAN JOE OJIHI SUPIRING (Marudu).
- „ DATUK JOSEPH PAIRIN KITINGAN (Keningau).
- „ DR PATAU RUBIS, P.B.S. (Mas Gading).
- „ TUAN P. PATTO (Ipoh).
- „ TUAN PETER PAUL DASON (Bayan Baru).
- „ DATUK PETER TINGGOM ANAK KAMARAU, P.N.B.S., P.C., K.M.N., A.M.N. (Saratok).
- „ ITING BIN HAJI MOHD. ALI (Kinabatangan).
- „ DATO' RADZI BIN SHEIKH AHMAD, D.P.M.P. (Kangar).
- „ DATIN PADUKA HAJJAH RAHMAH BINTI OTHMAN, D.P.M.S., J.S.M., S.M.S., A.M.P., P.J.K. (Shah Alam).
- „ DATO' RAIS YATIM, D.S.N.S. (Jelebu).
- „ Y.B.M. TENGKU TAN SRI RAZALEIGH HAMZAH, D.K., P.S.M., S.P.M.K., S.S.A.P., S.P.M.S. (Gua Musang).
- „ PATO' HAJI SAIDIN BIN HAJI MAT PIAH, D.P.M.P., P.M.P., A.M.N., P.J.K. (Tasik Chenderoh).
- „ DATUK HAJI SAKARAN BIN DANDAI, S.P.D.K., J.P. (Semporna).
- „ TUAN SHAHIDAN BIN KASSIM, A.M.P. (Arau).
- „ DATO SHAHRIR BIN ABDUL SAMAD, D.P.M.J., P.I.S. (Johor Bahru).
- „ PUAN HAJJAH SHARIFAH DORAH BINTI DATO' SYED MOHAMMED, S.M.J., A.M.N., P.I.S., B.S.I. (Parit Sulong).
- „ TUAN SIM KWANG YANG (Bandar Kuching).
- „ TUAN S. S. SUBRAMANIAM, P.J.K., A.M.S. (Hulu Selangor).
- „ TUAN TAIMAN BIN LUMAING (Pensiangan).
- „ DATUK DANIEL TAJEM ANAK MIRI (Batang Lupar).
- „ TUAN TAN KOK WAI (Sungai Besi).
- „ DR TAN SENG GIAW (Kepong).
- „ TUAN TEOH TEIK HUAT (Bagan).
- „ TUAN THOMAS SALANG SroEN (Julau).
- „ TUAN TIEU SUNG SENG *alias* TIU SUNG SENG (Sibu).
- „ TUAN TING CHEK MING (Batu Gajah).
- „ DR TING CHEW PEH (Gopeng).
- „ TUAN TING LING KIEW (Bintulu).
- „ TUAN HAJI WAN OMAR BIN WAN MAJID, S.M.K., P.P.N. (Pasir Puteh).
- „ TUAN WANG CHOON WING, A.M.N. (Lipis).

Yang Berhormat DATUK HAJI YAHAYA BIN MOHD. SHAFIE (Tambun).

- „ PUAN SITI ZAINABON BINTI ABU BAKAR (Tebrau).
- „ DATO' ZAINAL ABIDIN BIN JOHARI, D.S.D.K., K.M.N., P.P.N.,
B.K.M., P.J.K., J.P. (Sik).
- „ DATO' ZAINAL ABIDIN BIN ZIN, D.P.M.P., P.M.P. (Bagan Serai).
- „ DATO' HAJI ZAKARIA BIN HAJI ABDUL RAHMAN, D.P.M.T., K.M.N.,
P.J.K. (Besut).
- „ TUAN ZUBIR BIN EMBONG (Kuala Terengganu).

DEWAN RAKYAT

PEGAWAI-PEGAWAI KANAN

Setiausaha Dewan Rakyat: Datuk Azizul Rahman bin Abdul Aziz, D.P.M.P.,
J.M.N., S.M.P., P.P.T.

Ketua Penolong Setiausaha: Haji Mohd. Salleh bin Abu Bakar.

Penolong Setiausaha: Ghazali bin Haji Abdul Hamid, A.M.N.

Penolong Setiausaha: Abdullah bin Abdul Wahab.

BAHAGIAN PENYATA RASMI PARLIMEN

Ketua Penyunting: Haji Yahya Manap.

Penyunting Kanan: P. B. Menon.

Penyunting Kanan: Haji Osman bin Sidik.

Penolong Penyunting: N. Ramaswamy.

Penolong Penyunting: Amran bin Ahrmad.

Pelapor Perbahasan Parlimen:

Suhor bin Husin.

Mohd, Saleh bin Mohd. Yusof.

Hajjah Juliah binti Awam.

Supiah binti Dewak.

Ismail bin Hassan.

Shamsiah binti Mohd. Yusof.

Hajjah Kalsom binti Ghazali.

Mohamed bin Osman.

Norishah binti Mohd. Thani.

Zaharah binti Naim.

BENTARA MESYUARAT

Mejar (B) Mohd. Kassim bin Hashim.

MALAYSIA

DEWAN RAKYAT

 Isnin, 14hb Mac, 1988

Mesyuarat dimulakan pada pukul 2.30 petang.

DOA

(Timbalan Yang di-Pertua *mem-*
pengerusikan Mesyuarat)

JAWAPAN-JAWAPAN
MULUT BAGI
PERTANYAAN-
' PERTANYAAN

JALAN RAYA BEAUFORT/
SEPLITANG/KUALA PENYU—
MENGETAR

1. Tun Datu Haji Mustapba bin Datu Harun minta Menteri Kerja Raya menyatakan sejauh mana yang diketahui bahawa jalan raya dari Beaufort ke Sepitang dan dari Beaufort ke Kuala Penyu telah lama dibina yang berupa jalan gravel sahaja. Oleh yang demikian bolehkah Menteri Kerja Raya dapat memberitahu bilakah masanya bagi Kementerian Kerja Raya untuk mengetarkan jalan-jalan tersebut.

Menteri Kerja Raya (Dato' S. Samy Vellu): Tuan Yang di-Pertua, Jalan raya Beaufort/Sepitang/Sindumin adalah dibahagikan kepada 2 "package", iaitu Jalan Beaufort—Mesapol dan Mesapol—Sindumin. Bahagian Jalan Beaufort—Mesapol, kerja-kerja merekabentuk baru saja disiapkan dan sekiranya peruntukan diperolehi kerja akan dapat dilaksanakan. Manakala bahagian Jalan Mesapol—Sindumin, tender dijangka dipanggil pada bulan April dan kerja-kerja dijangka mula pada butan Jun, 1988.

Mengenai projek mengetarkan Jalan Beaufort—Kuala Penyu pula sememangnya kelulusan di dalam Rancangan Malaysia Kelima, tetapi oleh kerana keadaan kewangan yang tidak mengizinkan, kerja-kerja mengetarkannya ditangguhkan buat sementara waktu.

INDUSTRI ELEKTRONIK—
PENINGKATAN NILAI TAMBAHAN

2. Dato' Dr Affudin bin Haji Omar minta Menteri Perdagangan dan Perindustrian menyatakan apakah ikhtiar yang dilakukan oleh Kerajaan untuk meningkatkan nilai tambahan (added value) di dalam industri elektronik dan chips yang selama ini hanya menyumbangkan pendapatan buruh (labour income) sahaja kepada ekonomi negara; setakat ini berapa banyakkah firma yang mengeluarkan barang-barang ini yang habis taraf perintis dan mula membayar corporate tax dan berapa ramaikah yang angkat bungkus selepas pioneering status.

Timbalan Menteri Perdagangan dan Perindustrian (Dato' Kok Wee Kiat): Tuan Yang di-Pertua, untuk meningkatkan nilai tambahan dalam industri elektronik, Kerajaan berusaha menggalakkan penubuhan projek-projek yang mengeluarkan komponen-komponen dan bahagian-bahagian yang digunakan oleh firma-firma elektronik yang beroperasi. Kerajaan juga menggalakkan pengeluaran barang-barang elektronik siap, misalnya alat-alat audio dan peti

televisyen supaya dapat membangunkan industri-industri sampingan. Di samping itu Kerajaan menggesa firma-firma yang wujud supaya mencantumkan proses-proses dan keluaran-keluaran yang berteknologi tinggi yang menyumbang nilai tambahan yang besar ke dalam operasi mereka. Misalnya "wafer fabrication" bagi firma-firma 'semi-conductor'. Langkah-langkah yang diambil ke arah ini termasuklah kegiatan penggalakan melalui misi-misi pelaburan, perbincangan antara Kerajaan dengan syarikat-syarikat, pemberian galakan, penubuhan Institut Sistem Mikro Elektronik Malaysia (MIMOS) dan penubuhan Taman Teknologi.

Syarikat-syarikat elektronik di Malaysia telah memberikan sumbangan bukan sahaja kepada pendapatan pekerja tetapi juga kepada pendapatan bagi berapa khidmat, misalnya pengangkutan dan perhubungan (transport and communication) serta beberapa industri sampingan.

Mengikut perangkaan keluaran kasar industri elektronik berjumlah hampir.

Timbalan Yang di-Pertua (Dato' Mohamed Amin bin Haji Daud): Teruskan Yang Berhormat, tidak ada apa-apa.

Dato' Kok Wee Kiat: Keluaran kasar industri elektronik berjumlah hampir \$6.5 billion pada tahun 1986. Sumbangan industri elektronik kepada Keluaran Dalam Negeri Kasar (Gross Domestic Product) telah meningkat dari 0.8% pada tahun 1973 kepada 3% pada tahun 1986. Sumbangannya kepada nilai ditambah dalam sektor perindustrian telah meningkat dari 5.1% kepada 12% dalam tempoh yang sama. Dari segi eksport barang-barang pengilangan dan sumbangannya telah meningkat dari 20% kepada hampir 50% pada tahun 1986.

Sejak penubuhan industri "semi-conductor" yang merupakan kegiatan utama dalam industri elektronik di Malaysia pada tahun 1972 terdapat 26 buah projek 'semi-conductor', 19 daripadanya telah tamat tempoh taraf perintisnya. Tidak ada satu pun projek yang telah dipindahkan dari Malaysia ke negara-negara lain. Begitu jugalah keadaannya dengan syarikat-syarikat pengeluar barang-barang elektronik yang lain.

Tuan Mohd. Tamrin bin Abdul Ghafar: Terima kasih. Yang Berhormat Timbalan Menteri menyatakan bahawa ada lebih kurang 26 industri elektronik di dalam negara kita ini. Bolehkah Yang Berhormat menyatakan di dalam Dewan ini, daripada 26 kilang elektronik yang ada, berapakah jumlah pekerja yang dapat disediakan oleh kilang-kilang tersebut. Dan tidak berapa lama dahulu ada terdapat beberapa kilang elektronik telah menutup kilangnya dan ini menyebabkan ramai pekerja telah diberhentikan. Apakah langkah-langkah yang boleh diambil oleh Kerajaan untuk menentukan supaya kilang-kilang yang ada pada hari ini, terutama sekali yang telah habis tempoh pioneer status, dengan izin, yang mereka dapat supaya mereka tidak menutup kilang-kilang tersebut?

Dato' Kok Wee Kiat: Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat dari Batu Berendam ada tiga soalan. Yang pertama, tentang 26 buah kilang-kilang elektronik. Di sini saya maklumkan jumlah pekerja dalam sektor elektronik, minta maaf, saya tidak ada angka untuk factory masing-masing, ialah lebih kurang 70 ribu pekerja. Soalan yang keduanya itu tentang menutup kilang elektronik dan pekerja diberhentikan, sejauh mana saya tahu, tidak ada kilang-kilang sedang ditutup oleh kerana pioneer status sudah tamat. Di sini saya ingin mengambil kesempatan untuk menjelaskan satu salah faham, satu

misconception iaitu syarikat-syarikat elektronik telah tutup selepas tamat tempoh taraf perintis (pioneer status).

Sukacita saya mengulangi bahawa tidak satu pun projek yang telah dipindahkan dari Malaysia ke negara-negara lain selepas tamat tempoh taraf printis. Sebaliknya di antara syarikat-syarikat Semi-conductor yang tamat tempoh taraf perintisnya ada beberapa yang telah membesar-, mempelbagai dan memodenkan projek dan prestasi mereka. Misalnya, Intel, National Semi-conductor, Motorola. Syarikat-syarikat seperti Hewlett Packard dan National Semi-conductor dan Motorola telah diluluskan untuk menjalankan kegiatan "water fabrication" yang akan meningkatkan nilai ditambah dalam pengeluaran semi-conductor. Selain daripada syarikat-syarikat semi-conductor, syarikat-syarikat elektronik yang lain juga ada yang sudah tamat tempoh taraf printis, disini saya memaklumkan mereka terus beroperasi di dalam negara kita. Misalnya, Robert Bosch, Northern Telecoms Industries dan Sharp Roxy Corporation.

Tuan Shahidan bin Kassim: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Daripada jawapan Yang Berhormat yang pertama dan kedua tadi menunjukkan bahawa terdapat peningkatan dari segi nilai tambahan ataupun added value bagi industri elektronik. Tetapi saya dimaklumkan pada masa sekarang cuma 20% sahaja syarikat-syarikat yang telah pun dapat meningkatkan nilai tambahan mereka, sementara 80% lagi masih di peringkat mengeluarkan barangan semi-conductor. Jadi, saya ingin bertanya kepada Yang Berhormat, bilakah masanya yang mana syarikat-syarikat ini boleh meningkatkan prestasi mereka sampai mungkin ke peringkat sekurang-kurang 80% dan bukan 20% seperti yang ada sekarang.

Dato' Kok Wee Kiat: Tuan Yang di-Pertua, sebenarnya jawapan itu tidak tahulah oleh kerana bergantung dengan pelabur-pelabur masing-masing. Tetapi di sini saya menyatakan dasar Kerajaan ialah menggalak mengeluarkan lebih barangan elektronik pengguna seperti TV dan Radio oleh kerana sekarang peratus itu 13% sahaja dan 7% ialah barangan elektronik industri, misalnya alat-alat telekomunikasi, komputer dan scientific peripheral, alat-alat automatic untuk pejabat berjumlah 20%, yang lain 80% itu untuk komponen sahaja pada masa sekarang.

ELAUN BULANAN ORANG-ORANG TUA

3. Dr Chen Man Hin minta Menteri Kebajikan Masyarakat menyatakan:

- (a) sebab-sebab penghuni-penghuni di Rumah Orang Tua (Old Folks Home) tidak diberikan elaun bulanan sebanyak \$50 sejak dari tahun dahulu; yang telah menyebabkan pelbagai kesulitan kehidupan; dan
- (b) nyatakan sama ada pendapatan dari Loteri Kebajikan Sosial digunakan kepada tujuan-tujuan selain daripada kerja-kerja kebajikan.

Menteri Kebajikan Masyarakat (Tuan Mustaffa bin Mohammad): Tuan Yang di-Pertua, untuk menjawab soalan (a), sukacita saya memberitahu bahawa elaun bulanan yang dimaksudkan itu telah pun dibayar.

- (a) untuk makluman Yang Berhormat juga bahawa penghuni-penghuni yang tinggal di Rumah Orang Tua yang dimaksudkan itu adalah di bawah jagaan dan pentabiran sebuah badan sukarela sebenarnya, yang diberi nama Majlis Pusat Kebajikan Semenanjung Malaysia.

Pada ' Kelazimannya, pembayaran bantuan dibuat oleh Majlis Pusat Kebajikan sebulan sekali kepada penghuni-penghuni yang berkenaan, akan tetapi terdapat juga kelewatan pembayaran yang berlaku dari masa ke masa. Hal ini berlaku kerana pada masa sekarang cara pembayaran yang dibuat oleh Kerajaan kepada Majlis Pusat Kebajikan adalah secara pembayaran balik, dengan izin, reimbursement dan berdasarkan kepada tuntutan yang dibuat tiap-tiap suku tahun. Oleh yang demikian, jika sekiranya sesebuah Majlis Pusat Kebajikan Cawangan Negeri yang berkenaan melambatkan tuntutannya, maka pembayaran balik juga akan terlewat. Walau bagaimanapun, pihak kementerian bersama dengan pihak-pihak lain yang berkenaan telah mengambil tindakan untuk melicinkan lagi peraturan yang sedia ada supaya segala masalah dan kerumitan yang dihadapi sekarang dapat diatasi. Sebagai langkah pertama bantuan kepada Majlis Pusat Kebajikan Malaysia tidak lagi akan dibayar secara pemberian geran tahunan mulai tahun ini.

- (b) segala pendapatan dari Loteri Kebajikan Masyarakat dimasukkan ke dalam
- Kumpulan Wang Yang Disatukan, dengan izin. Consolidated Fund dan sejumlah yang sama digunakan untuk membiayai kerja-kerja kebajikan dan juga untuk tujuan pembaikan dan peningkatan keadaan sosial orang awam sebagaimana yang diperuntukan oleh Seksyen 10(4) Akta Lembaga Loteri Perkhidmatan Masyarakat dan Kebajikan Tahun 1962.

Tuan Tan Kok Wai: Tuan Yang di-Pertua, saya ingin bertanya Yang Berhormat adakah Kementeriannya memberi sumbangan wang atau subsidi kepada Rumah Orang-orang Tua yang ditubuh dan diuruskan oleh badan-badan kebajikan. Dan kalau ada, berapakah jumlahnya dan kalau tidak, mengapa? Yang kedua, adakah Yang Berhormat sedar terdapat beberapa Rumah Orang-orang Tua swasta di beberapa bandar dan kota dalam negara ini dan penghuninya dikenakan bayaran beberapa ratus ringgit sebulan. Adakah kawalan terhadap Rumah Orang-orang Tua swasta ini dan adakah mereka diperlukan memegang lesen. Sila jawab.

Tuan Mustaffa bin Mohammad: Tuan Yang di-Pertua, apa yang saya nyatakan dalam jawapan saya tadi itu adalah semuanya bermaksud untuk sebagai menyatakan bantuan yang diberikan oleh Kerajaan masa kini pada pertubuhan-pertubuhan sukarela yang saya menyatakan Majlis Pusat Kebajikan Semenanjung Malaysia tadi. Dakwaan yang mengatakan bahawa tidak ada sebarang bantuan kepada persatuan ini tidaklah benar.

Mengenai pertanyaan yang kedua mengenai rumah-rumah yang dijalankan oleh pihak swasta yang mengenakan bayaran, pada waktu ini memang tidak ada sebarang kawalan berhubung dengan rumah-rumah seperti ini dan bayaran itu adalah dikenakan kepada yang mampu dan saya kira kegiatan seperti ini adalah satu perkara yang sihat dan baik yang boleh memberikan perkhidmatan yang lebih baik kepada orang-orang tua yang berkemampuan.

Dr Chen Man Hin: Tuan Yang di-Pertua, adakah Menteh yang berkenaan sedar masaJah orang tua ialah bertambah tiap-tiap tahun. Malaysia juga ada banyak orang tua sekarang. Ini menjadi satu masalah

yang besar bukan sahaja dari segi wang tunai tiap-tiap bulan tetapi facilities yang lain untuk menjaga kesihatan dan lain-lain dan tempat perlindungan mereka. Saya rasa tempat perlindungan sekarang, "Old Folks Home" tidak mencukupi untuk orang-orang tua yang ada di negara kita. Bolehkah ini dapat ditambah dan juga facilities yang lain?

Tuan Mustaffa bin Mohammad:

Tuan Yang di-Pertua, mengenai facilities ini bergantung kepada kemampuan kita untuk memberi, tetapi satu perkara yang harus kita sedar ialah bahawa tanggungjawab untuk menjaga kebajikan orang-orang tua ini janganlah hendaknya dipujuk kepada Kerajaan semata-mata, adalah menjadi tanggungjawab kita semua sebagai anggota masyarakat untuk turut memberikan apa juga perkhidmatan yang boleh bagi menjaga kebajikan mereka itu.

Tuan Abdul Rahman bin Bakar:

Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Saya ingin mengetahui sejauh manakah pndapatan- dari Loteri Kebajikan Social itu bercanggh dengan penerapan nilai-nilai Islam kini dan bagaimana pendapat Kementerian dalam soal ini supaya tidak melibatkan dari segi hukum hakam dan sebagainya?

Tuan Mustaffa bin Mohammad:

Tuan Yang di-Pertua, saya kira pertanyaan itu tidak berkaitan dengan soalan asal.

Timbalan Yang di-Pertua (Dato' Mohamed Amin bin Haji Daud): Saya pun berfahaman begitu juga.

BUKU TEKS PENDIDIKAN MORAL KBSM

4. Tuan Chua Jui Meng minta Menteri Pendidikan menyatakan langkah-langkah positif yang diambil

untuk menjamin buku-buku Pendidikan Moral KBSM yang akan dipilih itu dapat menggambarkan 16 nilai moral secara memuaskan tanpa meninggung mana-mana golongan penganut agama utama di negara ini. Adakah Kementerian Pendidikan membenarkan orang-orang awam meneliti sesebuah buku teks Pendidikan Moral KBSM itu sebelum menetapkan secara akhir untuk menggunakan buku tersebut.

Timbalan Menteri Pendidikan (Dr

Leo Michael Toyad): Tuan Yang di-Pertua, untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Kementerian Pendidikan memang mempunyai langkah-langkah tertentu untuk memastikan semua buku teks yang akan digunakan di sekolah-sekolah, termasuk Buku Pendidikan Moral, memenuhi kehendak kurikulum.

Semasa menggubal Kurikulum Bersepadu Sekolah Menengah (KBSM), Kementerian Pendidikan memang melibatkan orang-orang awam daripada berbagai pihak, dan pandangan-pandangan mereka ini telah diambilkira untuk memastikan buku-buku yang akan dihasilkan nanti tidak menyinggung mana-mana pihak. Selain daripada itu, buku-buku teks yang diluluskan untuk digunakan di sekolah-sekolah terlebih dahulu dinilai oleh Kementerian Pendidikan supaya buku-buku tersebut mempunyai mutu yang dihasratkan.

Dato' Haji Zakaria bin Haji Abdul

Rahman: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Apakah kriteria yang digunakan untuk menilai kebaikan atau keburukan moral kerana ada juga pendapat yang mengatakan bahawa sikap kurang ajar atau tanpa menjadi "pak turut" sahaja adalah juga merupakan nilai moral yang positif?

Dr Leo Michael Toyad: Tuan Yang di-Pertua, dalam Sukatan Pelajaran Pendidikan Moral di KBSM, garis-panduannya adalah berasaskan atas

nilai-nilai yang telah dibincang dan disetujui di peringkat-peringkat yang telah mengadakan mesyuarat dan termasuklah nilai-nilai seperti nilai baik hati, berdikari, berhemah tinggi, hormat menghormati, keadilan, kebebasan dan keberanian dari separuh dari 16 nilai-nilai garis panduan yang telah disediakan untuk Sukatan Pelajaran Pendidikan Moral.

Tuan Haji Nik Abdullah bin Haji Arshad: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Terima kasih di atas usaha Menteri Pendidikan untuk mengadakan buku-buku yang boleh memandu pelajar-peiajar supaya sentiasa melakukan sifat bermoral tetapi saya ingin tahu juga adakah dalam usaha Menteri Pendidikan ini untuk mengkaji dan menilaikan jenis-jenis permainan ataupun sukan yang dilakukan dalam sekotah supaya sesuai dan tidak bercanggah teori dan praktikal yang berlaku dalam sekolah itu misalnya kalau dahulu di zaman penjajah ataupun sebelum merdeka murid perempuan diajar menyulam, diajar memasak, diajar menenak dan sebagainya. Begitu juga murid lelaki diajar menanam, diajar bertukang, berkebun dan sebagainya.

Tetapi hari ini cerita yang saya sebutkan itu sudah tidak ada kerana diganti dengan permainan yang kasar seperti bola, sepakraga dan sebagainya.

Timbalan Yang di-Pertua (Dato' Mohamed Amin bin Haji Daud): Soalnya?

Tuan Haji Abdullah bin Haji Arshad: Macam-macam permainan dan. . . .

Timbalan Yang di-Pertua (Dato' Mohamed Amin bin Haji Daud): Soalnya Yang Berhormat?

Tuan Haji Nik Abdullah bin Haji Arshad: Dengan adanya permainan ini, saya ingin tahu adakah dari sudut

pendidikan tidak bercanggah dengan apa yang disebutkan moral? Dan kalau bercanggah, adakah pihak Kerajaan akan membuat garis panduan dalam buku-buku moral itu sebagai satu contoh, Tuan Yang di-Pertua

Timbalan Yang di-Pertua (Dato' Mohamed Amin bin Haji Daud): Tidak payah contoh Yang Berhormat, sudah panjang itu.

Tuan Haji Nik Abdullah bin Haji Arshad: Tidak mahu panjang.

Timbalan Yang di-Pertua (Dato' Mohamed Amin bin Haji Daud): Sudah panjang.

Tuan Haji Nik Abdullah bin Haji Arshad: Tidak mahu panjang, jawablah yang saya tanya dulu.

Dr Leo Michael Toyad: Tuan Yang di-Pertua, untuk jawapan soalan Yang Berhormat tadi bahawa dalam kurikulum-kurikulum yang kita ada di sekolah sekarang tidak adalah bercanggah apa-apa yang telah disebutkan. Yang Berhormat boleh dapat lebih maklumat lagi dan jelas kalau menelitikan program di Kementerian Pendidikan untuk penjelasan yang seterusnya.

Tuan Haji Nik Abdullah bin Haji Arshad: Penjelasan ialah tidak bercanggah. Jadi, saya ingin tahu adakah murid-murid perempuan bagi orang Islam mendedahkan surat tidak bercanggah dengan pendidikan? Kalau bercanggah, mengapakah dalam buku teori begini tetapi dalam praktikal amalannya begini. Tetapi saya dukacitalah Timbalan Menteri kata tidak bercanggah.

Timbalan Yang di-Pertua (Dato' Mohamed Amin bin Haji Daud): Yang Berhormat, soalan itu keluar daripada tajuk.

Dr Ting Chew Peh: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Saya ingin mengetahui, yang pertama sekali, bilakah pendidikan moral KBSM bagi Tingkatan 1 akan dimulakan?

Kedua memandangkan ada sungutan bahawa sukatan pelajaran pendidikan moral KBSM sudah diubah beberapa kali, apakah langkah-langkah Kementerian untuk menjamin buku-buku pendidikan moral KBSM diterbitkan pada waktu yang dirancangan tanpa menjejaskan mutu buku-buku itu?

Dr Leo Michael Toyad: Tuan Yang di-Pertua, tadi langkah-langkah yang telah diambil oleh Kementerian Pendidikan untuk memastikan supaya mutu buku-buku untuk pendidikan moral akan dapat mencapai hasrat yang dikehendaki telah disebutkan. Untuk menjelaskan lebih lanjut lagi, pelaksanaan buku-buku ini belum dipastikan setakat ini di Kementerian. Jadual buku yang akan dipilih masih di peringkat Jawatankuasa dan tarikh terakhir untuk menghantar skrip-skrip buku tersebut ialah pada bulan April 1988 ini. Dan Jawatankuasa Bahan Pengajaran dan Pembelajaran yang dipengerusikan oleh Ketua Pengarah Pendidikan akan memutuskan jadual-jadual buku tersebut setelah mendapat persetujuan daripada -Yang Berhormat Menteri.

Timbalan Yang di-Pertua (Dato' Mohamed Amin Haji Daud): Yang Berhormat Tuan Haji Ibrahim bin Ali.

(Soalan No. 5 Y.B. Tuan Haji Ibrahim bin Ali tidak hadir),

BAYARAN RAWATAN PESAKIT DI HOSPITAL — TUNGGAKAN

6. Datuk Haji Sakaran bin Dandai minta Menteri Kesihatan menyatakan sama ada Kementerian betiau bercadang untuk mengkaji semula keputusan mengenakan bayaran ke atas pesakit-pesakit yang menerima rawatan di hospital-hospital Kerajaan

memandangkan rawatan-rawatan di hospital daerah dan luar bandar terdiri daripada orang-orang miskin walaupun mereka dikecualikan daripada pembayaran dengan mendapatkan surat sokongan daripada Ketua-ketua Kampung atau wakil-wakil rakyat, tetapi tindakan tersebut sering menimbulkan masalah kepada mereka terutama sekali penduduk-penduduk yang tinggal di luar bandar negeri Sabah.

Timbalan Menteri Keselamatan (Dato' K. Pathmanaban): Tuan Yang di-Pertua, Kementerian Kesihatan tidak bercadang untuk mengkaji semula keputusan mengenakan bayaran ke atas pesakit-pesakit yang menerima rawatan di hospital-hospital Kerajaan.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, ada peruntukan di bawah Akta Fee (Perubatan), 1982 yang memberi kuasa kepada Ketua Hospital atau orang-orang yang dilantiknya untuk mengecualikan pesakit dari membayar fee hospital bagi mereka yang miskin atau tidak mampu. Terpulanglah kepada pesakit yang tidak mampu itu untuk memohon pengecualian.

Dalam memberikan pengecualian kepada pesakit yang miskin, pihak berkuasa hospital akan menemu-bual pesakit dan perhatian yang lebih diberikan kepada maklumat yang diperolehi dari temubual itu. Surat-surat dari Wakil Rakyat dan Penghulu dan sebagainya adalah hanya sebagai sokongan sahaja.

Tuan Pitting bin Haji Mohd. Ali: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Adakah Kementerian Kesihatan bercadang hendak membina rumah-rumah klinik lebih banyak lagi di kawasan pedalaman di Sabah khususnya di kawasan saya iaitu di Kinabatangan?

Dato' K. Pathmanaban: Tuan Yang di-Pertua, saya perlukan notis bagi menjawab soalan yang agak berlainan itu.

Tuan Pitting bin Haji Mohd. Ali: Soalan tambahan itu berkaitan, Tuan Yang di-Pertua.

Timbalan Yang di-Pertua (Dato' Mohamed Amin bin Haji Daud): Yang Berhormat, dia perlukan notis.

Tuan Haji Bujang bin Haji Ulis: Tuan Yang di-Pertua, saya ingin bertanya dengan Yang Berhormat Timbalan Menteri kerana baru-baru ini dan pernah pula di masa lalu diumumkan bahawa ramai para pesakit yang keluar dari hospital-hospital di negara ini gagal membayar yuran yang sepatutnya dibayar oleh mereka. Apakah langkah yang akan diambil oleh pihak Kementerian ke atas mereka ini dan adakah kajian teliti dibuat seterusnya? Walaupun semua mereka di hospital telah ditemuduga sama ada mereka benar-benar miskin atau tidak tetapi dalam proses menentukan yang belum membayar itu benar-benar tak boieh membayar, apakah langkah yang diambil untuk menentukan supaya ada juga yang tak membayar sekarang tidak akan diambil tindakan, supaya mungkin dapat mereka itu dilonggarkan dari kesulitan yang dihadapi oleh mereka?

Dato' K. Pathmanaban: Tuan Yang di-Pertua, memang terdapat segolongan pesakit yang tidak membayar bil-bil hospital apabila mereka dikeluarkan dan Kementerian sedang mengambil tindakan susulan untuk mengutip bayaran-bayaran itu. Saya dapat mengatakan bahawa keadaan pada masa ini adalah bertambah baik dan kebanyakan tunggakan itu dapat dikutip. Untuk membolehkan kutipan ini berjalan dengan secara lebih berkesan, Kementerian telah mengaturkan beberapa cara pentadbiran dan juga pada masa ini sedang merancangkan

untuk mengadakan kemudahan komputer bagi merekodkan butir-butir pesakit, alamat, pekerjaan dan sebagainya untuk kita dapat mengambil tindakan yang berkesan bagi mengutip tunggakan-tunggakan yang terdapat itu.

PROTON SAGA — PENINGKATAN PENGELUARAN

7. Tuan Nurnikman bin Abdullah: minta Perdana Menteri menyatakan adakah Edaran Otomobil Nasional (EON) bercadang menambah pengeluaran kereta Proton Saga memandangkan permintaan yang menggalakkan dari dalam dan luar negeri. Sudahkan EON mencatatkan keuntungan setakat ini atau sebaliknya. Adakah EON bercadang untuk mengeluarkan model baru selain daripada yang ada sekarang demi untuk menandingi jenis kereta lain yang ada di negara ini.

Menteri di Jabatan Perdana Menteri (Tuan Kasitah bin Gaddam): Tuan Yang di-Pertua, saya percaya soalan yang dikemukakan oleh Yang Berhormat itu ditujukan kepada Proton sebagai pengeluar kereta Proton Saga. Edaran Otomobil Nasional (EON) adalah syarikat pengedar kereta Proton Saga.

Memang benar Proton Saga bercadang meningkatkan keluarannya bagi memenuhi permintaan dalam dan luar negeri. Setakat ini Proton Saga belum mencatat keuntungan. Mengikut perancangan jangka panjang, Proton ada cadangan untuk mengeluarkan model baru yang mengikut trend industri kereta.

Tuan Sim Kwang Yang: Tuan Yang di-Pertua, saya ada dua soalan di atas harga jualan pengeksporan bagi Proton Saga, contohnya di Amerika Syarikat dan Ireland baru-baru ini. Berapakah harga jualan bagi Proton Saga di Ireland umpamanya dalam ringgit Mataysia? Adakah pihak

Kerajaan memberi subsidi bagi pengeksportan kereta nasional negara kita ini?

Soalan yang kedua, Tuan Yang di-Pertua. Tadi Yang Berhormat Menteri memberitahu kepada Dewan ini bahawa model baru akan didesignkan sekiranya ada trend baru yang memerlukannya. Memandangkan bahawa setiap hari saya datang ke Parlimen ini saya menyaksikan semua Yang Berhormat Menteri-menteri, Timbalan Menteri-Timbalan Menteri dan Setiausaha-setiausaha Parlimen, semua menggunakan kereta mewah yang diimport seperti BMW, Mercedes yang besar, baru dan cantik, bukan seperti Mercedes yang tua yang digunakan oleh Ahli-ahli dari Pembangkang (*Ketawa*), maka soalan saya, oleh sebab keadaan ini tidak sihat di mana terdapat orang yang tidak mampu membayar bil-bil rawatan, perubahan tetapi ada pula orang menggunakan kereta mewah

Timbalan Yang di-Pertua (Dato' Mohamed Amin bin Haji Daud): Yang Berhormat, teruskan dengan soalan tambahannya.

Tuan Sim Kwang Yang: Boleh. Soalannya ialah apakah pihak Proton Saga bercadang untuk mengeluarkan suatu model baru yang lebih mewah sedikit supaya ianya boleh dijadikan kereta rasmi Kerajaan untuk Yang Berhormat Menteri-menteri dan sebagainya?

Tuan Kasitah bin Gaddam: Tuan Yang di-Pertua, bagi menjawab soalan yang kedua itu, jawapannya setakat ini tidak ada cadangan untuk mengeluarkan model baru yang dipanggilkan sebagai jenis mewah. Kerajaan setakat ini puas hati dengan Proton Saga dan Kerajaan tetap akan menjaga industri kereta di negara ini pada keseluruhannya.

Jadi setakat ini Proton tidak bercadang- untuk membuat kereta mewah sepertimana yang dicadangkan oleh Ahli Yang Berhormat dari Bandar Kuching itu.

Untuk menjawab soalan yang kedua, harga yang sebenar untuk kereta Proton Saga ini tidak ada dalam tangan saya sekarang dan memang harga ini adalah mengikut kadar pertukaran wang pada satu-satu masa yang dibuat. Ini adalah juga merupakan satu daripada "secret trade", dengan izin, kepada Proton Saga.

Dato' Haji Mohammad Abu Bakar bin Rautin Ibrahim: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Saya difahamkan bahawa kilang Proton tidak mengeluarkan kereta-kereta Proton Saga ini mengikut keupayaan atau capacity, dengan izin, yang ada kepada kilang ini. Saya ingin tahu sehingga hari ini berapa peratuskah daripada keupayaan (capacity) kilang Proton ini yang dapat mengeluarkan kereta-kereta Proton Saga pada hari ini?

Soalan kedua, sebentar tadi Yang Berhormat telah mengatakan banyak permintaan-pennintaan daripada dalam dan luar negeri berkenaan dengan kereta Proton Saga ini. Saya ingin tahu berapakah jumlah kesemuanya tiap-tiap tahun unit-unit kereta Proton Saga ini yang boleh mencukupi untuk memenuhi permintaan tersebut.

Tuan Kasitah bin Gaddam: Tuan Yang di-Pertua, soalan pertama mengenai keupayaan ataupun peratus pengeluaran Proton Saga setakat ini. Keupayaan kilang ini adalah lebih kurang 80,000 unit setahun. Tetapi setakat ini kita mengeluarkan sebanyak lebih kurang 2,000 unit sebulan, iaitu lebih kurang 24,000 unit setahun. Walau bagaimanapun syarikat Proton sentiasa akan mengubahsuai dasar pengeluarannya

mengikuti kehendak dan permintaan pasaran dalam negeri dan di luar negeri.

Soalan kedua, mengenai banyaknya kereta-kereta yang telah dieksport ke luar negeri. Setakat ini yang telah ditempah dan telah pun dieksport adalah lebih kurang 520 buah. Tetapi mengikuti permintaan dan mengikuti apa yang telah kita terima daripada pesanan-pesanan daripada luar negeri dalam masa dua tahun ini, permintaan ini mungkin melebihi daripada 40,000 kalau sekiranya pasaran yang kita aturkan di United States, Amerika Syarikat akan dapat ditunaikan mengikuti yang telah dijanjikan ataupun telah dipersetujui sebelum ini, maka permohonan-permohonan ataupun permintaan mengenai kereta Proton Saga ini akan terus meningkat dari masa ke semasa.

Tuan Lee Lam Thye: Tuan Yang di-Pertua, bolehkah Yang Berhormat Menteri yang berkenaan memberitahu Dewan ini tentang apakah langkah yang telah diambil untuk meraperhebatkan kempen mencari pasaran baru di luar negeri untuk Proton Saga memandangkan bahawa usaha-usaha yang telah diambil sehingga hari ini belum cukup hebat.

Tuan Kasitah bin Gaddam: Tuan Yang di-Pertua, sebagai sebuah syarikat nasional, proton akan terus menggunakan semua kemudahan-kemudahan yang ada di Embassy-embassy kita di seluruh negara. Kita akan mengenal pasti dan menambah bilangan negara-negara pengimport kereta nasional di dalam bentuk sekarang iaitu tanpa sebarang pindaan, khususnya daripada segi badan dan kita akan mengenal pasti negara-negara yang akan menggunakan kereta itu seperti juga di sini iaitu "right-hand drive". Itu satu tujuan dan bukan pula mengubah kalau di negara lain yang mana ianya "left-hand drive". Itu satu sasaran kita.

Kedua, kita akan juga mengenal pasti pasaran-pasaran daripada seluruh negara seperti negara-negara yang besar seperti Amerika Syarikat, Australia dan juga United Kingdom. Ini juga telah dibuat dan Proton akan terus mengambil usaha-usaha gigih untuk menurunkan kos pengeluarannya supaya ia akan lebih competitive daripada kereta-kereta yang setanding dengannya di negara-negara yang lain.

INDUSTRI KRAFTANGAN NEGARA—LANGKAH MEMAJUKAN

8. Tuan Ahmad bin Omar minta Menteri Pembangunan Negara dan Luar Bandar menyatakan selaras dengan usaha memajukan industri Kraftangan negara, apakah langkah-langkah pasti yang akan diambil oleh Kementerian ke arah pengwujudan sebuah Pelan Induk Industri Kraftangan Negara.

Setiausaha Parlimen Kementerian Pembangunan Negara dan Luar Bandar (Tuan Mohamed bin Jamrah): Tuan Yang di-Pertua, pengwujudan Perbadanan Kemajuan Kraftangan Malaysia (PKKM) di bawah undang-undang Malaysia Akta 222, Akta Perbadanan Kemajuan Kraftangan Malaysia pada tahun 1979, usaha ke arah menjadi industri kraftangan sebagai satu aktiviti ekonomi dalam pembangunan negara menjadi lebih bermakna. Langkah-langkah yang diambil ialah ke arah menjadikan industri kraftangan sebagai satu sektor ekonomi yang berupaya untuk memberi sumbangan yang lebih besar kepada ekonomi negara amnya dan khususnya ekonomi penduduk desa. Kerajaan juga telah memberi berbagai sokongan dan galakan dalam berbagai bentuk seperti bantuan peralatan, latihan, kajian, pasaran, promosi dan lain-lain yang boleh meningkatkan imej barangan kerajinan buatan Malaysia.

Kerajaan sedang mengkaji satu dasar yang menyerluruh dalam membangunkan perusahaan kecil di negara ini. Dasar tersebut akan meliputi pembangunan industri kraf.

LANTIKAN AHLI LEMBAGA
PENGARAH PETRONAS

9. Datuk Peter Tinggom anak Kamarau minta Perdana Menteri menyatakan sama ada beliau akan memberi pertimbangan terhadap perlantikan seorang ahli Lembaga Pengarah PETRONAS yang dicalonkan oleh Kerajaan Sarawak memandangkan Sarawak adalah pengeluar utama minyak dan gas negara ini.

Tuan Kasitah bin Gaddam: Tuan Yang di-Pertua, sebagai sebuah syarikat nasional ahli-ahli Lembaga Pengarah PETRONAS adalah dilantik daripada orang-orang yang dipercayai, boleh membuat sumbangan secara berkesan kepada pentadbiran syarikat itu. Oleh itu perlantikan ahli-ahli Lembaga Pengarah tersebut bukanlah mengikut negeri-negeri yang mempunyai sumber petroleum. Sungguhpun demikian, negeri Sarawak adalah menjadi ahli kepada Majlis Penasihat Petroleum Negara yang bertanggungjawab untuk menasihati di atas semua dasar-dasar petroleum negara.

Tuan Shahidan bin Kassim: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Saya ingin bertanya kepada Yang Berhormat Menteri, pada masa sekarang ini berapa orang ahli Lembaga PETRONAS. Yang keduanya, apakah tugas penasihat PETRONAS dan berapakah elaun yang telah dibayarkan kepadanya.

Tuan Kasitah bin Gaddam: Tuan Yang di-Pertua, soalan yang pertama, iaitu setakat ini kita mempunyai sebanyak 10 ahli-ahli Lembaga

Pengarah PETRONAS. Tugas penasihat itu sebagai sifatnya menjadi penasihat, memang dia menjadi penasihat kepada Koporat, kepada PETRONAS. Mengenai gaji, saya rasa soalan ini sudah terkeluar daripada soalan ini dan saya tidak suka untuk menjawabnya.

Tuan Sim Kwang Yang: Tuan Yang di-Pertua, oleh kerana soal PETRONAS ini satu soalan politik yang paling sensitif di negeri Sarawak oleh kerana ia mengeluarkan 1/3 jumlah pengeluaran minyak di negara kita iaitu sumbangan kepada pendapatan negara. Oleh kerana itu hasrat rakyat Sarawak ialah supaya kepentingan Sarawak dapat dilindungi dan walaupun bukanlah menjadi wajib supaya seseorang dari Sarawak menjadi pengarah, tetapi adakah cadangan Yang Berhormat dari Saratok dipertimbangkan ataupun diketepikan sahaja oleh kerana ini satu jawapan tetap yang diperlukan oleh negeri Sarawak dalam konteks Persekutuan kita.

Tuan Kasitah bin Gaddam: Tuan Yang di-Pertua, sebagaimana dalam jawapan tadi, kelayakan untuk menjadi ahli pengarah PETRONAS bukanlah oleh kerana negeri itu mempunyai pengeluaran sumber petroleum, tetapi terletak kepada kewibawaan dan kelayakan orang-orang yang dilantik itu, Ahli-ahli Lembaga Pengarah PETRONAS yang telah dilantik adalah terdiri daripada mereka yang mempunyai pengalaman yang mendalam dan yang banyak dalam segi pentadbiran dan juga dari segi koporat dan mereka juga mempunyai pengalaman yang lama dalam syarikat-syarikat di tempat yang lain. Juga mereka ini terdiri daripada pegawai-pegawai Kerajaan yang sekarang ini berkhidmat sebagai Ketua Pengarah atau Ketua Setiausaha dalam satu-satu Kementerian yang kita fikir perlu menjadi ahli lembaga dalam PETRONAS oleh kerana cadangan

dan contribution, dengan izin, daripada mereka ini akan menguntungkan PETRONAS pada keseluruhannya.

Tuan Haji Bujang bin Haji Ulis: Tuan Yang di-Pertua, Kerajaan Negeri Terengganu menyanjung tinggi akan sumbangan PETRONAS terhadap negeri Terengganu dan kebajikan negeri Terengganu. Dan mungkin juga ada dari negeri Sarawak menyanjung tinggi akan sumbangan PETRONAS terhadap negeri Sarawak dan juga Sabah. Tetapi mengikut pandangan saya sumbangan PETRONAS di negeri Terengganu melebihi apa yang disumbangkan kepada negeri Sarawak dan Sabah dari segi kebajikan. Jadi, dapatkah Yang Berhormat Menteri memberitahu Dewan yang mulia ini satu-persatu, kalau dapat, sumbangan-sumbangan yang telah diberi oleh PETRONAS bukan dari segi personel, Ahli-ahli Lembaga dan sebagainya kepada negeri Sarawak dan Sabah dalam bentuk sumbangan kebajikan dan kemajuan membantu Kerajaan negeri Sarawak serta Sabah dan sebagainya setakat ini dan di masa yang akan datang kalau dapat.

Tuan Kasitah bin Gaddam: Tuan Yang di-Pertua, PETRONAS memang mempunyai hasrat untuk membantu semua pihak yang berkenaan. PETRONAS juga setakat ini memang telah pun memberi bantuan dari segi perkhidmatan kemasyarakatan. Dan soalan Yang Berhormat dari Simunjan tadi memang susah dijawab dengan tepat dan oleh kerana soalan ini memang pun terkeluar dahpada soalan asal saya tidak suka menjawab. Tetapi kalau mahu boleh tanya dalam satu pertanyaan supaya kita boleh memberi jawapan yang sebenar.

**LEMBAGA LETRIK NEGARA/
JABATAN PERKHIDMATAN
POS—PENSWASTAAN**

10. Dr Eng Seng Chai minta Menteri Tenaga, Telekom dan Pos menyatakan

apakah sebab-sebab Lembaga Letrik Negara dan bekalan elektrik akan diswastakan pada tahun 1988. Bilakah laporan cadangan pengswastaaan LLN akan diumumkan.

28-3-88

30. Tuan Samson Chin Chee Tsu minta Menteri Tenaga, Telekom dan Pos menyatakan:

- (a) Program utama dan insentif yang telah dicadangkan oleh Kementerian mengenai pen-swastaaan Lembaga Letrik Negara dan Jabatan Perkhidmatan Pos;
- tb) kepentingan sampingan dalam jangkamasa yang panjang kepada Kerajaan dan pihak awam.

Menteri Tenaga, Telekom dan Pos (Datuk Leo Moggie anak Irok): Tuan Yang di-Pertua, saya bercadang rnenjawab pertanyaan dari Yang Berhormat Dr Eng Seng Chai bersama dengan soalan Yang Berhormat Tuan Samson Chin Chee Tsu yang dijadualkan pada 18-3-88 mengenai perkara yang sama pada hari ini.

Kerajaan telah mengumumkan bahawa Dasar Pengswastaaan adalah sebagai salah satu langkah yang telah dikenalpasti untuk mencapai objektif-objektif seperti berikut:

- (a) Meringankan beban kewangan dan pentadbiran Kerajaan;
- (b) Menggalakkan persaingan, meningkatkan taraf kecukapan dan daya pengeluaran;
- (c) Mempercepatkan kadar pertumbuhan ekonomi negara menerusi penggalakkan keusahawanan dan pelaburan sektor swasta;
- (d) Mengurangkan saiz dan penglibatan sektor swasta awam di dalam aktiviti ekonomi negara;

- (e) Mempertingkatkan penglibatan sektor swasta dalam pembangunan negara; dan
- (J) Memberi sumbangan ke arah pencapaian matlamat Dasar Ekonomi Baru melalui penghabatan usahawan bumiputera.

Kerajaan akan meneruskan dasar penswastaan ini dan jentera pelaksanaannya ialah sebuah Jawatan-kuasa Antara Agensi Kerajaan Mengenai Penswastaan yang telah ditubuhkan di Unit. Perancang Ekonomi, Jabatan Perdana Menteri.

Tuan Yang di-Pertua, Lembaga Letrik Negara dan Jabatan Pos telah pun disenaraikan sebagai perkhidmatan yang mungkin dan layak untuk diswastakan. Oleh itu Kementerian mengambil langkah mengkaji kemungkinan dan daya maju kedua-dua perkhidmatan ini untuk diswastakan atau sebaliknya. Walau bagaimanapun sehinggalah setakat ini Kerajaan belum membuat keputusan muktamad sama ada kedua-dua perkhidmatan ini akan diswastakan dan juga bentuk-bentuk penswastaan yang difikirkan sesuai.

Dr Eng Seng Chai: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Ada dilaporkan hartanah dan aset-aset Lembaga Letrik Negara yang bernilai lebih kurang \$10,000 juta nilai di pasaran iaitu \$10 billion akan diswastakan kepada syarikat dengan satu nilai \$3,000 juta iaitu \$3 billion sahaja. Tidakkah itu akan merugikan pihak awam kepada satu syarikat swasta yang akan untung pada mulanya, dengan ini rancangan penswastaan sudah lebih kurang \$7,000 juta dengan nilai hartanah dan aset. Adakah cadangan Kerajaan mengkaji semula cadangan penswastaan ini \$3 billion sahaja.

Datuk Leo Moggie anak Irok: Tuan Yang di-Pertua, seperti yang saya terangkan sebentar tadi Kerajaan belum membuat keputusan adakah

Lembaga Letrik Negara akan diswastakan atau sebaliknya. Begitu juga kita belum menetapkan sekiranya diswastakan apakah bentuk penswastaan itu akan diwujudkan. Oleh itu saya hairan kenapa Ahli Yang Berhormat itu menyoalkan soalan yang nampaknya tidak berasas. Dan saya berharap cerita Yang Berhormat yang sedemikian tidaklah dipanjangkan lagi.

Tuan Mohd. Tamrin bin Abdul Ghafar: Tuan Yang di-Pertua, untuk Kerajaan membuat keputusan sama ada hendak diswastakan atau tidak Lembaga Letrik Negara ini saya percaya sudah barang tentu Kerajaan akan melantik sebuah firma perunding untuk membuat kajian ataupun cadangan. Soalan saya sama ada Kerajaan telah membuat perlantikan ini dan kalau boleh sebutkan nama syarikat atau firma perunding yang telah dilantik dan fees, dengan izin yang dipersetujui oleh Kerajaan untuk consultation itu.

Datuk Leo Moggie anak Irok: Tuan Yang di-Pertua, Kerajaan telah melantik satu syarikat bank saudagar iaitu Bank Bumiputra Merchant Bankers, dengan izin, untuk membuat kajian berhubung dengan kemungkinan melaksanakan penswastaan Lembaga Letrik Negara. Jadi bank ini telah mengemukakan laporannya kepada pihak Kerajaan dan sekarang laporan itu masih dalam peringkat pertimbangan dan kajian Kerajaan sendiri. Bersabit dengan soalan yang kedua itu saya tidak ada maklumat yang tepat bersabit dengan ongkos pembayaran yang telah dipersetujui.

KAMPUNG TRADISIONAL — MEMAJUKAN

11. Tuan Haji Mohd. Zain bin Abdullah minta Menteri Pembangunan Negara dan Luar Bandar menyatakan sejauh manakah kemajuan yang telah

dicapai sejak Kementeriannya memberikan tumpuan bagi memajukan kampung-kampung tradisional melalui program penempatan semula halacara baru. Nyatakan setakat ini berapa banyak kampung tradisional dan bilangan penduduk yang terlibat.

Tuan Mohamed bin Jamrah: Tuan Yang di-Pertua, pada keseluruhannya pelaksanaan projek-projek perintis hala-cara baru berjalan dengan baik. Walau bagaimanapun, penilaian secara terperinci masih belum sesuai dilakukan memandangkan projek-projek tersebut baru berusia tiga tahun. Setakat ini 25 projek telah dipilih oleh Kerajaan Negeri. Dari jumlah tersebut sebanyak lima buah projek berjalan dengan memuaskan dari aspek penempatan semula penduduk kampung secara teratur, mengadakan kemudahan-kemudahan prasarana dan meningkatkan pendapatan penduduk melalui pertambahan dan mewujudkan aktiviti-aktiviti ekonomi kawasan projek. Projek-projek tersebut ialah:

- (1) Projek Titi Tinggi, Perlis.
Jenis Aktiviti—Ternakan Lembu Tenusu;
- (2) Projek Seri Mendapat, Melaka.
Jenis Aktiviti—Kelapa Sawit;
- (3) Projek Parit Saraya, Johor.
Jenis Aktiviti—Kelapa Sawit;
- (4) Projek Mulong Lanting, Kelantan.
Jenis Aktiviti—Padi; dan
- (5) Projek Salong, Pekan, Pahang Darulmakmur.
Jenis Aktiviti—Kelapa Sawit.

Bagi 20 buah projek lagi tahap perlaksanaannya adalah berbagai-bagai peringkat bergantung kepada masalah pelaksanaan dan sambutan peserta-peserta. Namun demikian, agensi-agensi pelaksana sedang

berusaha mengatasi masalah-masalah tersebut bagi menjayakan projek-projek ini. Setakat ini sejumlah 125 buah kampung terlibat dengan projek perintis hala-cara baru dengan melibatkan penduduk seramai 35,113 orang.

JETI GELUGOR

12. Tuan Mohamad Subky bin Haji Abdul Raof minta Menteri Pengangkutan menyatakan bilakah jeti Gelugor di Pulau Jerjak akan dibaiki semula, jika sekiranya kawasan tersebut sudah tidak sesuai, di manakah tempat yang dicadangkan. Di samping itu, bolehkah Yang Berhormat Menteri memberi jaminan bahawa jeti sementara yang sedang digunakan ini selamat.

Timbalan Menteri Pengangkutan (Datin Paduka Hajjah Zaleha binti Ismail): Tuan Yang di-Pertua, Jeti Gelugor yang dimaksudkan ialah jeti Jabatan Laut yang terletak di-Gelugor. Pulau Pinang bukan di-Pulau Jerjak seperti dalam soalan. Jeti tersebut telah rosak dan ditutup bagi penggunaan orang ramai pada 1-9-1987. Dengan demikian, sebuah jeti yang dikenali sebagai jeti Lembaga Lebuhraya Malaysia (LLM) digunakan sebagai langkah sementara bagi pengguna-pengguna dari Gelugor ke Pulau Jerjak. Jeti ini dijamin selamat untuk kegunaan sementara dan tiada pembaikan struktur yang perlu dijalankan.

Mengenai pembinaan semula Jeti Gelugor, Kementerian Pengangkutan sedang merancang pembinaan sebuah jeti baru bagi menggantikan jeti Jabatan Laut yang telah rosak itu. Projek ini akan dilaksanakan setelah kelulusan diperolehi dari semua pihak berkenaan termasuk Kerajaan Persekutuan dan Kerajaan Negeri Pulau Pinang.

**KHUTUB-KHANAH LUAR
BANDAR**

13. Dr Ting Chew Peh minta Menteri Pembangunan Negara dan Luar Bandar menyatakan:

- (a) jumlah khutub-khanah luar bandar yang telah didirikan mengikut negeri;
- (b) masalah-masalah yang dihadapi oleh khutub-khanah luar bandar itu; dan
- (c) rancangan-ancangan untuk memperluaskan kemudahan khutub-khanah itu, jika ada.

Tuan Mohamed bin Jamrah: Tuan Yang di-Pertua,

- (a) Kementerian Pembangunan Negara dan Luar Bandar telah mewujudkan sebanyak 155 buah khutub-khanah luar bandar di bawah pengawasan KEMAS. Taburan mengikut negeri-negeri adalah seperti berikut:

<i>Negeri</i>	<i>Bilangan</i>
Perlis	5
Kedah	12
Pulau Pinang	10
Perak	11
Selangor	10
Wilayah Persekutuan	8
Negeri Sembilan	17
Melaka	12
Johor	16
Terengganu	12
Kelantan	12
Pahang	24
Sabah	5
Sarawak	1
Jumlah ..	155

(b) Masalah-masalah yang dihadapi oleh khutub-khanah luar bandar adalah seperti berikut:

- (i) Sejumlah 134 buah khutub-khanah luar bandar ditempatkan di bangunan awam yang terhad keluasannya. Keadaan ini mewujudkan suasana yang kurang selesa di kalangan pengguna dan menyulitkan pihak pentadbir untuk memastikan khutub-khanah berkenaan bersih dan selamat.
- (ii) Khutub-khanah luar bandar juga menghadapi masalah kekurangan bahan-bahan rujukan dan peralatan.
- (iii) Di samping itu, Kementerian ini menghadapi kekurangan tenaga dan kemahiran bagi meningkatkan prestasi khutub-khanah luar bandar.
- (iv) Peruntukan yang terhad juga merupakan faktor yang utama yang menghalang perkembangan khutub-khanah luar bandar.

(c) Kementerian Pembangunan Negara dan Luar Bandar hercadang untuk memperluaskan sebahagian khutub-khanah luar bandar mengikut beberapa strategi yang telah disusun. Antaranya ialah:

- (i) Mengadakan 14 buah pusat kegiatan desa bagi menempatkan sebahagian khutub-khanah luar bandar untuk mengatasi masalah keselamatan dan keselamatan.
- (ii) Kementerian ini juga sedang menyusun semula kegiatan yang merangkumi kegiatan integrasi dan perubahan masa.

- (iii) Di samping itu, Kementerian akan memberi pendedahan yang lebih luas kepada pentadbiran khutub-khanah luar bandar melalui kursus bengkel dan penempatan.
- (iv) Selain dari itu program anak angkat juga akan diperkenalkan bagi mempertingkatkan dan memperluaskan kegiatan khutub-khanah luar bandar.

JALAN TANI—PEMBINAAN

14. Tuan Lainus anak Andrew Luwak minta Menteri Pertanian menyatakan bahawa adakah Kementerianya sedia memberi peruntukan untuk membantu petani-petani kita membaiki atau memberi batu kepada jalan-jalan tani yang diusahakan oleh petani kita sendiri.

Timbalan Menteri Pertanian (Dato' Alexander Yu Lung Lee); Tuan Yang di-Pertua, Kementerian Pertanian tidak mengamalkan pemberian bantuan, peruntukan atau bahan-bahan pemhinaan jalan-jalan kepada petani. Kementerian hanyalah terlibat dengan pembinaan jalan-jalan ladang (farm roads), jalan masuk (access roads) dan jalan pertengahan (secondary roads) yang kebanyakannya dirancang dan dibina di bawah Projek-projek Pembangunan Pertanian Bersepadu. Walau bagaimanapun, sekiranya jalan-jalan tani yang dinyatakan oleh Yang Berhormat itu termasuk di dalam perancangan pembinaan jalan-jalan yang disebut tadi maka ianya bolehlah dipertimbangkan.

Timbalan Yang di-Pertua (Dato' Mohamed Amin bin Haji Daud): Masa sudah cukup.

(Masa untuk pertanyaan bagi Jawab Mulut telah cukup dan Jawapan bagi Pertanyaan No. 5 dan 15 hingga 44 adalah diberi di bawah ini).

PERSIDANGAN KETUA-KETUA NEGARA KOMANWEL- ANGGARAN BELANJA

5. Tuan Haji Ibrahim bin Ali minta Menteri Luar Negeri Menyatakan berapakah "anggaran belanja" bagi Malaysia menjadi tuan rumah tarikh sebenar Persidangan Ketua-ketua Negara Komanwel pada tahun 1989. Bilakah tarikh sebenar Persidangan dan apakah menafaat yang diperolehi oleh negara kita. Apakah nasihat Yang Amat Berhormat Perdana Menteri Kepada rakyat Malaysia sekarang dalam membuat persiapan dengan kedatangan Ketua-ketua Negara Komanwel ke negara kita kelak,

Menteri Luar Negeri (Dato' Abu Hassan bin Haji Omar): Anggaran belanja bagi Malaysia menjadi tuan rumah kepada Persidangan Ketua-ketua Negara Komanwel pada tahun 1989 sedang dalam proses persiapan. Kementerian-kementerian/Jabatan-jabatan yang tertibat di dalam persiapan persidangan ini telah pun diminta mengemukakan anggaran belanja masing-masing. Adalah dijangka anggaran belanja tersebut dapat disiapkan dalam masa dua bulan dari sekarang.

Tarikh Persidangan Ketua-ketua Kerajaan Komanwel pada tahun 1989 juga masih lagi belum ditetapkan. Walau bagaimanapun ianya akan diadakan pada satu tarikh di antara bulan September hingga bulan November 1989. Tarikh Persidangan ini akan ditetapkan dan dibincang pada Mesyuarat Pegawai-pegawai Kanan Negara Komanwel yang akan diadakan di Seychelles pada bulan November 1988.

Banyak manfaat yang akan diperolehi oleh Negara kita sebagai tuan rumah kepada Persidangan Ketua-ketua Kerajaan Komanwel. Di

antaranya:

- (i) Pemilihan Malaysia sebagai tuan rumah adalah satu penghormatan kepada negara dan pemimpin-pemimpin kita dan juga kepercayaan Negara-negara Ahli Komanwel mengenai keupayaan Malaysia mengendalikan satu persidangan yang sebesar ini.
- (ii) Dengan adanya persidangan yang sebesar ini Malaysia akan mendapat publisiti yang amat luas dengan beratus-ratus orang pemberita dari seluruh dunia termasuk dari Negara-negara maju yang akan bertumpu ke Malaysia untuk mengikuti perkembangan persidangan.
- (iii) Hasil daripada publisiti yang luas ini, akan memberikan pendedahan yang luas pula dari segi pelancongan ke negara kita, selaras dengan polisi industri pelancongan negara semasa ini.
- (iv) Selain dari itu secara tidak langsung, kemungkinan bertambahnya pelaburan luar dan perdagangan dengan negara-negara Komanwel tidaklah dapat diketepikan, terutama dengan negara-negara maju Komanwel.
- (v) Sempena dengan Persidangan ini juga Ratu Elizabeth akan diundang untuk melawat Malaysia sebagai Tetamu Malaysia dan untuk bersama-sama dengan Ketua-ketua Kerajaan Negara-negara Komanwel. Ini akan menambah lagi tumpuan media luar ke negara ini.
- (vi) Persidangan ini juga akan dapat merapat dan meningkatkan lagi hubungan dua hala Malaysia dengan Negara-negara Ahli Komanwel dan

meninggikan lagi peranan Malaysia di peringkat antarabangsa.

- (vii) Persidangan Ketua-ketua Kerajaan Komanwel ini mestilah dianggap sebagai satu usaha bukan sahaja dari pihak Kerajaan tetapi juga penglibatan semua lapisan rakyat di negara ini. Memandangkan Malaysia akan menjadi tumpuan dunia seluruhnya semasa persidangan tersebut, maka kebersihan semua tempat di negara kita perlu diutamakan dan dipertingkatkan daripada sekarang.

**TAHANAN AHLI PARLIMEN
DI BAWAH AKTA
KESELAMATAN DALAM
NEGERI**

15. Tuan Teoh Teik Huat minta Menteri Dalam Negeri menyatakan berapakah negara-negara luar dan organisasi-organisasi yang berpangkalan di negara-negara luar yang telah menghantar telegram-telegram atau surat-surat kepada Kerajaan menunjukkan akan perasaan memandang berat atau menentang ke atas penangkapan dan penahanan 7 orang Ahli Parlimen dan lain-lain di bawah Akta Keselamatan Dalam Negeri baru-baru ini, dengan memberi nama negara-negara dan organisasi-organisasi tersebut dan juga memberi nama negara-negara luar dan organisasi-organisasi luar yang telah menghantar telegram-telegram dan surat-surat kepada Kerajaan menyokong tindakan Perdana Menteri dalam penahanan mereka di bawah Akta Keselamatan Dalam Negeri baru-baru ini.

**Timbalan Menteri Dalam Negeri
(Dato' Megat Junid bin Megat Ayob):**
Sehingga akhir bulan Februari 1988

sebanyak 69 surat dan telegram yang membuat bantahan atau pertanyaan telah diterima dari negara asing mengenai tindakan Kerajaan di bawah Akta Keselamatan Dalam Negeri pada bulan Oktober tahun lalu. Dari jumlah ini 40 adalah daripada pertubuhan-pertubuhan dan 29 dari orang perseorangan. Tidak ada Kerajaan asing yang menyatakan tentangan mengenai tindakan Kerajaan itu.

Kerajaan telah tidak menerima surat atau telegram yang menyokong secara langsung tindakan tersebut, tetapi pada umumnya banyak negara-negara telah menyokong tindakan tegas Kerajaan yang telah memulihkan keadaan keselamatan dan menjamin kestabilan ekonomi.

Senarai Pertubuhan/Orang Perseorangan yang mengemukakan bantahan di bawah Akta Keselamatan Dalam Negeri, 1960

1. Pertubuhan

- 1.1. Harjono Tjitrosocbono, Chairman
Maruli Simorangkir
Secretary General
Indonesian Lawyers Association
- 1.2. The Congress of
The Socialist Party of Austria
- 1.3. Ashiya Wakami
Coordinador
Asian Women's Association
Shibuya Coop Rm 211
14-10, Sakuragaoka,
Shibuya-Ku, Tokyo 150, Japan
- 1.4. Aidan White
General Secretary
International Federation of Journalists
- 1.5. Luis Ayala Assistant
General Secretary
Socialist International
- 1.6. Louis Le Pensec
Secretaire National Du Parti Socialiste
AUX
Internationales, Depute, Acien
Ministr
- 1.7. NZUMS
- 1.8. Amnesty International New Zealand
- 1.9. Freedom House
48, East 21 Streeogoe York
NY 10010, United States

- 1.10. Foe-International-John Hontelez
(Chairman)
Foe-Holland-P. Lammers (Chairman)
- 1.11. Takako Doi
Chairperson of Socialist Party of Japan
- 1.12. Friends of the Earth
530 7 St. Southeast
Washington DC 20003
Tel: 202-543-4312
- 1.13. Swiss Social Democratic Party
- 1.14. HJCPrincen
Yap Thiam Hien
Jl. Menteng Kecil No 10
Jakarta Pusat
- 1.15. Lawyers Committee for Human Rights
5106005783 LCHR NYK
- 1.16. Sir Gordon Linancere
President
The International Federation of
Newspaper
Publishers (FIEJ)
- 1.17. Kenneth Prewitt
Cive President
Rockefeller Foundation
- 1.18. Margaret John,
Coordinator for Maiaysia
Amnesty Intl; Canada
- 1.19. Trans Nationals Infonation Centre
London
- 1.20. The Pinnish Social Democratic Party
Pertti Paasio, Chairman
Ulpu Ilvari General Secretary
- 1.21. Mission For Pilipino Migrant Workers
Asia Pacific Mission for Migrant
Filipinos.
Hong Kong Christian Industrial
Committee.
International Movement of Catholic
Students, Asia
Committee of Asian Women
Young Christian
Asian Regional Exchange for New
Altcrnatives
Asian Human Rights Commission
Centor for Progress of Peoples
Documentation for Action Groups in
Asia
- 1.22. Transport Equipments Workers Union
Transport & General Workers Union
Members at Vauxhall Motors Ellesmere
Port England
- 1.23. The European Parliament:
Mr Van Der Lek (The Netherlands)
Mrs. D'Ancona (The Netherlands)
Mr Muntingh (The Netherlands)
Mr Balfe (United Kingdom)
Mr Filinis (Greece)
Mrs Heinrich (West Germany)

Mr Roelants Du Vivier (Belgium)**Mr States (Belgium)**

Contact: Bram Van Der Lek, Korte
Boslaan 12
3722 Br Bilthoven/The
Netherlands.

- 1.24. R.I. Kilroy, International President
J.F. Othero, International Vice
President & Member
ITF Executive Board
for Transportation-Communications
International Union (TUC)
- 1.25 Julian Piloehowski
President. CIDSE
(Cooperation Internationale Pour Le
Development Et La Solidarite)
- 1.26. International Group 105 Canada
- 1.27. General Secretary
Edek Socialist Party Cyprus
- 1.28. Oscar Eid Franco
General Secretary
M.I.R. Bolivia
- 1.29. Adi Sosano
Country Coordinador for Indonesia
Roberto Verzola, Country Coordinator
for the Philippines
Sulhy Prasartset, Country Coordinator
for Thailand
- 1.30. Niall Macdermot
Secretary-General
The International Commission of
Jurists
- 1.31. V.E. Bourgeois
Canadian Vice President
The International Association of
Machinists & Aerospace Workers
- 1.32. Charles Bauer
International Affairs Dept.
Canadian Labour Congress
- 1.33. Asian Cultural Forum On Development
232/9. Nares Rd., Si Phraya,
Bangkok, Thailand
- 1.34. Christian Workers Fellowship
Sri Lanka
- 1.35. International Women's Development
Agency
Australia
- 1.36. United Nations Declaration of Human
Rights
- 1.37. Sindh Rural Workers Co-operative
Organization
Pakistan
- 1.38. United Nations Declaration of Human
Rights
New Zealand

1 39. Amnesty Intenational
Marktgasse 36
8180 Zurich-Bulach
Switzerland

1 40. Amnesty Intemational
Canada Group 1005
Canada

**PROPAGANDA PENUNTUT
MALAYSIA BENCI
KERAJAAN**

16. Tuan Mohd. Zihin bin Mohd. Hassan minta Menteri Luar Negeri memberitahu apakah langkah-langkah yang telah/sedang dan akan diambil oleh Kementerian mengenai setengah-setengah penuntut-penuntut Malaysia dalam propaganda supaya orang-orang asing benci kepada negara kita dan justeru itu enggan melabur dan melancong. Adakah ucapan-ucapan pemimpin kepada penuntut-penuntut di luar negeri memberi kesan dan apakah maklumat-maklumat yang mereka perolehi semasa berada di luar negeri.

Dato' Abu Hassan bin Haji Omar: Kementerian Luar Negeri telah dan sedang mengambil beberapa langkah untuk menentukan bahawa pelajar-pelajar kita di luar negeri mengetahui segala perkembangan yang berlaku di Malaysia, dan dengan itu tidak bersikap negatif dan tebih lagi, tidak mengambil tindakan yang akan membawa kesan yang negatif terhadap kita.

Pengiriman bahan-bahan berita seperti telegram akhbar BERNAMA dan juga akhbar-akhbar tempatan kita kepada pelajar-pelajar kita tersebut merupakan sebahagian dari usaha ini. Selain dari itu akhbar khas Malaysia Digest keluaran Kementerian Luar Negeri, yang mengandungi berita-berita mengenai perkembangan-perkembangan di sektor perdagangan, perindustrian dan ekonomi negara, yang pada hakikatnya ditujukan kepada pihak-pihak tertentu di sektor perdagangan,

perindustrian dan ekonomi di luar negeri, juga diedarkan kepada pelajar-pelajar kita di luar negeri.

Seterusnya, pertemuan-pertemuan semuka antara pihak-pihak perwakilan-perwakilan kita dengan kumpulan-kumpulan pelajar-pelajar kita di luar negeri juga diadakan dari semasa ke semasa. Pertemuan tersebut juga melibatkan taklimat dan dialog yang menyentuh tentang perkembangan-perkembangan terbaru yang berlaku di Malaysia.

Selain dari pertemuan semuka antara pihak-pihak perwakilan kita di luar negeri dengan para pelajar tersebut, perwakilan-perwakilan kita juga memang berusaha mengaturkan pertemuan di antara para pemimpin-pemimpin kita yang melawat keluar negeri dengan pelajar-pelajar kita bilamana lawatan-lawatan tersebut diadakan dengan tujuan untuk memberikan gambaran yang sebenarnya mengenai perkembangan-perkembangan terbaru yang berlaku di Malaysia dari semasa ke semasa.

Adalah didapati bahawa langkah-langkah, seperti yang disebutkan tadi, bukan sahaja telah dapat memaklumkan kepada para pelajar kita di luar negeri tentang perkembangan-perkembangan yang baharu di Malaysia, bahkan juga, pada keseluruhannya, telah berjaya juga membendung apa-apa kemungkinan mereka mengambil tindakan yang negatif terhadap negara kita.

Maklumbalas yang diterima juga menunjukkan bahawa pertemuan-pertemuan tersebut dan ucapan-ucapan yang telah disampaikan oleh para pemimpin kita kepada pelajar-pelajar kita di luar negeri semasa lawatan-lawatan mereka keluar negeri seperti disebutkan tadi, telah pun menghasilkan kesan yang positif dalam konteks usaha ini.

Seterusnya, adalah didapati juga bahawa pemimpin-pemimpin kita,

pada keseluruhannya adalah berpuashati tentang kesan pertemuan dan dialog mereka dengan pelajar-pelajar kita tersebut.

BANDUAN DIPENJARA

17. Dato' Haji Kamaruzzaman bin Haji Ahmad minta Menteri Dalam Negeri menyatakan bilangan banduan-banduan yang dibunuh dalam penjara dan apakah motif pembunuhan ini, sama ada bertujuan untuk mengelakkan pendakwaan atas kesalahan yang lebih besar, dan apakah tindakan pihak penjara supaya perkara seperti ini tidak berlaku.

Dato' Megat Junid bin Megat Ayob: Setakat ini tidak berlaku sebarang pembunuhan di kalangan banduan-banduan di penjara-penjara negara ini

MALAYSIA—MEMPERKENALKAN DI SELURUH DUNIA

18. Tuan Haji Abdul Manat bin Haji Ahmad minta Menteri Kebudayaan dan Pelancongan menyatakan sama ada ia merancang memperkenalkan Malaysia di bandar-bandar jauh dari bandar-bandar besar di luar negeri kerana banyak penduduk-penduduk tempatan tidak mengetahui tentang sumber tarikan pelancong di negara kita. Bolehkah pelajar-pelajar kita yang tinggal di tempat-tempat terpencil di luar negeri menganjurkan satu-satu aktiviti untuk memperkenalkan negeri kita dengan bantuan kewangan dari agensi-agensi pelancongan kita.

Setiausaha Parlimen Kementerian Kebudayaan dan Pelancongan (Tuan Abdul Raman bin Suliman): Di dalam program pemasaran pelancongan, Kementerian ini berhasrat untuk memperkenalkan Malaysia di seluruh dunia. Walau bagaimanapun memandangkan kepada faktor-faktor tertentu seperti masalah perubungan udara, keupayaan berbelanja oleh

penduduk di tempat-tempat tertentu, sekatan undang-undang yang tidak membenarkan rakyat sesuatu negara melancong ke luar negeri, pihak Kementerian telah menumpukan program pemasaran pelancongan di pasaran-pasaran terpilih. Pasaran utama pelancongan Malaysia di luar negeri yang telah dikenalpasti ialah negara-negara Jepun, United Kingdom, Australia, Taiwan, Germany dan Amerika Syarikat. Pasaran-pasaran 'secondary' ialah negara-negara Perancis, Italy, Negara-negara Timor Tengah, Korea Selatan dan negara-negara Scandinavia.

Usaha-usaha pemasaran pelancongan ini ditumpukan di bandar-bandar besar di mana jumlah penduduknya adalah besar. Penekanan terhadap bandar-bandar kecil sukar dibuat kerana kos pemasaran yang tinggi. Walau bagaimanapun Kementerian yakin bahawa iklan-iklan mengenai Malaysia yang dimuatkan dalam media-massa pasti sampai ke bandar-bandar kecil tersebut.

Di dalam aspek pemasaran ini, Kementerian bukan sahaja mengharap kepada pelajar-pelajar kita di luar negeri untuk memperkenalkan Malaysia di kalangan masyarakat dimana mereka menuntut tetapi setiap rakyat Malaysia yang cinta dan setia kepada negara ini bertanggungjawab untuk memperkenalkan Malaysia secara positif baik di mana mereka berada. Cara ini adalah cara yang lebih berkesan bagi menarik pelancong-pelancong ke negara kita.

Pelajar-pelajar Malaysia yang menuntut di luar negeri memang digalakkan untuk mengadakan aktiviti-aktiviti untuk memperkenalkan Malaysia. Persatuan-persatuan pelajar tidak berapa lama lagi boleh meminjam peralatan-peralatan tertentu yang diperlukan untuk aktiviti mereka daripada Pusat-pusat Sumber Kebudayaan dan Pelancongan yang

akan ditubuhkan oleh Kementerian di Kedutaan-kedutaan kita di beberapa bandar besar di luar negeri, seperti London, Los Angeles dan lain-lain lagi. Kementerian berpandangan bahawa dengan menyediakan peralatan-peralatan ini adalah lebih berkesan di dalam membantu pelajar-pelajar kita untuk memperkenalkan Malaysia dari memberi bantuan dalam bentuk kewangan.

PROJEK LEBUHRAYA UTARA-SELATAN — SIASATAN RASUAH

19. Tuan Fung Ket Wing minta Menteri Dalam Negeri menyatakan sama ada pihak polis telah menamatkan penyiasatan ke dalam laporan polis yang dibuat oleh Ketua Pembangkang Parlimen, Yang Berhormat Lim Kit Siang, terhadap Menteri-menteri UMNO dan Menteri Kerjaraya kerana amalan-amalan curang yang berlaku berkait dengan pemberian kontrak lebuhraya Utara-Selatan bernilai \$3.4 billion kepada United Engineers Malaysia Berhad; jika ya, apakah tindakan yang diambil terhadap mereka yang terlibat itu.

Dato' Megat Junid bin Megat Ayob: Untuk makluman Ahli Yang Berhormat berkenaan, polis masih beium selesai menyiasat laporan yang dibuat oleh Ketua Pembangkang itu. Apabila selesai, hasil siasatan itu akan diserahkan kepada Peguam Negara untuk tindakan selanjutnya.

KAWASAN PERLINDUNGAN HIDUPAN LIAR

20. Dr Abdul Hadi bin Derani minta Menteri Sains, Teknologi dan Alam Sekitar menyatakan sejauh manakah langkah-langkah telah diambil untuk menambah kawasan-kawasan Perlindungan Hidupan Liar di negara ini seperti yang dicadangkan oleh pihak Kementerian dalam sesi Parlimen yang lalu.

Menteri Sains, Teknologi dan Alam Sekitar (Datuk Stephen Yong Kuet Tze): Usaha-usaha untuk mewujudkan lebih banyak kawasan Perlindungan Hidupan Liar telah bermula sejak tahun 1967 lagi. Beberapa kawasan telah pun dikenalpasti yang berpotensi untuk tujuan ini. Dalam tahun 1977, permohonan rasmi telah dikemukakan kepada pihak-pihak Kerajaan Negeri. Sehubungan dengan permohonan ini, beberapa tindakan susulan telah dibuat sama ada melalui surat mahupun perjumpaan dan perbincangan dengan pegawai-pegawai pihak Kerajaan-kerajaan Negeri yang berkenaan. Usaha susulan ini juga telah dibuat oleh saya sendiri yang telah mengadakan perjumpaan dan perbincangan dengan Menteri-menteri Besar yang berkenaan. Usaha-usaha untuk mendapatkan Perlindungan Hidupan Liar tambahan masih diteruskan hingga ke hari ini. Walaupun demikian, terpujanglah kepada pihak Kerajaan Negeri untuk memberi pertimbangan terhadap setiap permohonan yang dikemukakan.

GURU-GURU DI SRJK(C)— KENAIKAN PANGKAT

21. Tuan Liew Ah Kim minta Menteri Pendidikan menyatakan bilangan mesyuarat yang telah diadakan oleh Jawatankuasa Lima Anggota yang ditubuhkan oleh Kabinet untuk berunding dan menyelesaikan masalah kenaikan pangkat di Sekolah-sekolah Jenis Kebangsaan Rendah Cina, dan apakah langkah-langkah yang berkesan telah diambil setakat ini dalam perkara ini.

Dr Leo Michael Toyad: Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Jawatankuasa berkenaan telah mengadakan mesyuaratnya pada 9-11-1987, 5-1-1988 dan 12-1-1988 bagi menyelesaikan isu masalah penempatan guru-guru Cina yang tidak mempunyai kelayakan Bahasa

Mandarin ke jawatan Kenaikan Pangkat di SRJK(C). Isu ini telah pun diselesaikan. Untuk masa akan datang, jawatan-jawatan naik pangkat di Sekolah-sekolah Rendah Kebangsaan Cina akan diisi oleh pegawai-pegawai yang mempunyai kelayakan yang berkenaan.

TANAMAN PADI

22. Tuan Haji Mohamed bin Yaacob minta Menteri Pertanian menyatakan apakah Kementerian sedar bahawa ada di antara petani kita berminat menanam padi malangnya apabila padi mereka hampir mengeluarkan buah, air di dalam sawah padi mereka kering dan mereka mengalami kerugian yang besar. Apakah tindakan Kementerian ini di masa-masa akan datang.

Dato' Alexander Yu Lung Lee: Untuk makluman Yang Berhormat, terdapat 3 kategori kawasan tanaman padi di negara ini. Kategori pertama ialah kawasan jelapang padi di mana punca bekalan air adalah teratur dan mencukupi untuk tanaman dua kali setahun. Kategori kedua ialah kawasan padi yang ditanam sekali setahun dan menerima bekalan air untuk tanaman semusim sahaja. Terdapat juga kawasan-kawasan padi yang bergantung sepenuhnya kepada air hujan.

Kebanyakan kawasan-kawasan tanaman padi yang bergantung sepenuhnya kepada air hujan mengalami berbagai masalah dan tertakluk kepada keadaan cuaca. Bagaimanapun pihak Jabatan Parit dan Taliair akan cuba membantu petani-petani di kawasan-kawasan ini menyelamatkan padi-padi mereka yang terancam dengan menyediakan pam-pam bergerak bila diperlukan.

Oleh kerana soalan yang dikemukakan oleh Yang Berhormat adalah terlalu umum, maka jawapan yang diberikan tidak spesifik. Bagaimanapun sekiranya Yang

Berhormat dapat memberikan nama tempat atau kawasan yang tertentu pihak Kementerian akan mengkaji dan meneliti masalah ini dengan lebih mendalam lagi.

PELAN UNTUK PEMBANGUNAN PELANCONGAN

23. Tuan Gerard Math Lee Min minta Menteri Kebudayaan dan Pelancongan menyatakan:

- (i) bilakah Pelan Induk Pembangunan Pelancongan Kebangsaan akan disiapkan;
- (ii) bagaimana Pelan tersebut boleh membangunkan sektor pelancongan; dan
- (iii) apakah langkah-langkah yang akan diambil bagi mengelakkan para graduan yang menganggur dan yang lain-lain menyertai bidang industri dan pelancongan.

Tuan Abdul Raman bin Suliman: Pelan Induk Pembangunan Pelancongan yang dimaksudkan ialah Pelan Pembangunan Pelancongan yang dibuat oleh Kementerian dengan kerjasama dari Agensi Kerjasama Antarabangsa Jepun (JICA). Tujuan kajian ini ialah bagi mengumpulkan segala sumber dan tarikan pelancongan yang terdapat di negara ini. Kajian yang dibiayai oleh Kerajaan Jepun ini akan dijadikan sebagai panduan untuk Pelan Induk Pelancongan Negara. Fasa satu kajian ini telah pun disiapkan pada bulan Disember 1987. Fasa dua kajian ini akan bermula pada pertengahan bulan Mac 1988 dan dijangka siap pada bulan Disember 1988.

Pelan Pembangunan Pelancongan ini dapat membantu pembangunan sektor pelancongan dengan menentukan kawasan-kawasan dan tarikan yang harus diberi perhatian untuk dipertingkatkan dan dimajukan lagi. Pelan tersebut akan dapat membantu di

dalam pembangunan product-product pelancongan kita. Ini dapat dilaksanakan dengan memperbaiki dan memperbagaikan tarikan-tarikan di negara ini dan dengan mengadakan garis panduan supaya Kerajaan Pusat dan Kerajaan Negeri boleh bergiat dengan cara sistematik tanpa sebarang pertindihan di antara usaha Kerajaan Pusat, Kerajaan Negeri dan pihak swasta.

Berkenaan dengan para graduan menganggur, pihak Perbadanan Kemajuan Pelancongan Malaysia telah pun mengadakan ceramah-ceramah pada tahun 1987 mengenai industri pelancongan dan peluang-peluang pekerjaan yang terdapat di sektor ini. Para graduan digalakkan menjadi pemandu-pemandu pelancong. Memandangkan kebanyakan peluang-peluang pekerjaan ini adalah terdapat di sektor-sektor swasta yang terlibat, maka Kementerian ini sedang berusaha meningkatkan peranan dan sumbangan ini di industri pelancongan.

MESIN CETAK CUKAI JALAN/ LESEN MEMANDU

24. Tuan Haji Wan Omar bin Wan Majid minta Menteri Pengangkutan menyatakan adakah Kementerian mempunyai rancangan bagi menggantikan MESIN CETAK CUKAI JALAN dan MESIN CETAK LESEN MEMANDU yang telah iama, dan berkemungkinan rosak pada bila-bila masa yang akan menyusahkan orang ramai dan merugikan Kerajaan, khususnya bagi Pejabat JPJ Negeri Kelantan.

Datin Paduka Hajjah Zaleha binti Ismail: Kementerian Pengangkutan memang ada rancangan untuk menggantikan MESIN CETAK CUKAI JALAN dan MESIN CETAK LESEN MEMANDU yang telah lama. Bagi pejabat Jabatan Pengangkutan Jalan Negeri Kelantan,

permohonan telah dibuat untuk membeli 5 mesin yang baru sebagai menggantikan mesin yang lama.

PENDAFTARAN LEWAT S J I L KELAHIRAN

25. **Tuan Jawah anak Gerang** minta Menteri Dalam Negeri menyatakan sama ada beliau sedar bahawa ramai masyarakat luar bandar di Sarawak telah menghadapi masalah pendaftaran lewat sijil kelahiran dan jika sedar apakah beliau bercadang untuk mengadakan lawatan oleh pegawai-pegawai dari Jabatan Pendaftaran Negara ke rumah-rumah panjang supaya masalah ini dapat diatasi. Sama ada beliau sedar bahawa pegawai-pegawai sedar yang bukan berketurunan bangsa Dayak ejaan menimbulkan banyak masalah ejaan nama-nama penghuni rumah panjang (sebab tidak fasih) yang membuat kad pengenalan dan sijil kelahiran.

Dato' Megat Junid bin Megat Ayob: Menteri Dalam Negeri memang sedar bahawa ramai penduduk-penduduk luar bandar di Sarawak menghadapi masalah pendaftaran lewat sijil kelahiran. Sebagai salah satu langkah untuk mengatasi masalah ini, Jabatan Pendaftaran Negara di Sarawak telahpun melancarkan gerakan pendaftaran secara meluas dengan menghantar kakitangan ke kawasan-kawasan pendalaman di negeri Sarawak sejak awal tahun 1986.

Menteri Dalam Negeri juga sedar bahawa berlakunya masalah kesilapan ejaan nama-nama penghuni rumah panjang waktu mereka membuat pendaftaran kad pengenalan dan sijil kelahiran. Masalah ini timbul kerana pemohon-pemohon kad pengenalan dan sijil lahir berkenaan membebankan maklumat-maklumat yang tidak tepat dan jelas. Ianya bukan disebabkan oleh kakitangan kurang fasih dalam tugas mereka. Namun begitu masalah ini boleh diatasi kerana peruntukan

undang-undang membolehkan kesilapan-kesilapan seperti ini diperbetulkan oleh Jabatan Pendaftaran Negara.

PROJEK KAWASAN PARLIMEN BUKIT MERTAJAM

26. **Tuan Chiang Heng Kai** minta Perdana Menteri menyatakan apakah setiap projek dengan kosnya antara jumlah perbelanjaan sebanyak \$184,370.50 yang telah dibelanjakan bagi Kawasan Parlimen Bukit Mertajam di bawah Unit Penyelarasan Pelaksanaan, Jabatan Perdana Menteri dalam tahun 1987.

Setiausaha Parlimen di Jabatan Perdana Menteri (Tuan Othman bin Abdul): Sebanyak 72 projek kecil telah dilaksanakan dalam Kawasan Parlimen Bukit Mertajam dalam tahun 1987 dengan jumlah perbelanjaan sebanyak \$184,922.87. Tidak perlulah saya menyebut setiap satu projek berkenaan kerana akan mengambil masa yang panjang. Memadailah saya nyatakan bahawa projek-projek berkenaan terbahagi kepada empat (4) kategori iaitu:

	\$
(i) Infrastruktur	69,786.75
(ii) Sosial	58,558.62
(iii) Keagamaan	54,486.50
(iv) Ekonomi	3,436.00

Bagaimanapun, bagi mendapatkan maklumat yang lebih lanjut Yang Berhormat bolehlah menghubungi Pejabat Kemajuan Negeri Pulau Pinang seterusnya.

TABONG KHAS BUMIPUTERA

27. **Tuan Abdul Rahman bin Bakar** minta Menteri Kewangan menyatakan:

- (i) bilakah Tabung Khas Bumiputera yang dicadangkan oleh Yang Amat Berhormat Perdana

Menteri baru-baru ini akan dilancarkan. Apakah matlamat dan prinsip Tabung tersebut diwujudkan. Berapakah jumlah peruntukan yang akan diberikan;

- (ii) apakah syarat-syarat yang akan dikenakan pada para peminjam—adakah syarat tersebut akan mengambilkira keadaan, kemampuan dan golongan usahawan-usahawan bumiputera secara keseluruhan termasuk usahawan-usahawan bumiputera yang menghadapi kesulitan kewangan kini; dan
- (iii) sejauh manakah ianya dapat berperanan dalam mempercepatkan pertumbuhan dan pencapaian Dasar Ekonomi Baru (DEB).

Menteri Kewangan (Dato' Paduka Daim Zainuddin):

- (i) Tabung Khas Bumiputera atau yang akan dikenali dengan nama khasnya "Tabung Pemulihan Usahawan-usahawan" masih lagi dalam peringkat pembentukan dan tarikh pelancarannya akan ditetapkan tidak berapa lama lagi. Peruntukan yang diberikan kepada tabung ini adalah sebanyak \$500 juta. Pada amnya matlamat dan prinsip penubuhan tabung ini ialah untuk membantu memulihkan usahawan-usahawan Bumiputera yang mempunyai daya-maju, tetapi menghadapi masalah buat sementara waktu khususnya dalam keadaan kemelesetan ekonomi sekarang.
- (ii) Oleh kerana tabung ini masih lagi dalam peringkat pembentukan, syarat-syarat pinjaman yang akan dikenakan ke atas peminjam-peminjam daripada tabung ini belum dapat ditentukan lagi. Walau

bagaimanapun, saya ingin memaklumkan bahawa bantuan kewangan daripada tabung ini hanya akan diberi kepada usahawan-usahawan yang mempunyai kemahiran pengurusan dan projek-projek yang berpotensi, manakala projek-projek yang tidak ada keupayaan untuk berdaya maju tidak akan diberi pertimbangan.

- (iii) Pelaksanaan tabung ini adalah merupakan salah satu daripada usaha gigit Kerajaan untuk membantu ke arah pertumbuhan ekonomi dan pencapaian Dasar Ekonomi Baru. Ini adalah kerana melalui bantuan daripada tabung ini, usahawan-usahawan Bumiputera yang terjejas akibat daripada kemelesetan ekonomi sekarang ini, akan dapat mempergiatkan semula aktiviti-aktiviti perniagaan mereka dan dengan itu bilangan usahawan Bumiputera yang sedia ada akan dapat dikekalkan di mana kegiatan mereka itu akan juga memberi sumbangan ke arah pemulihan ekonomi negara.

PASPOT YANG DIRAMPAS

28. **Tuan Tan Kok Wai** minta Menteri Dalam Negeri menyatakan:

- (i) bilangan paspot yang dirampas dan ditahan oleh Jabatan Imigresen;
- (ii) bilangan paspot yang dikeluarkan atau dikembalikan selepas dirampas; dan
- (iii) sebab-sebab mengapa paspot ditahan atau dirampas.

Dato' Megat Junid bin Megat Ayob:

- (i) Bilangan paspot yang ditarik balik dan ditahan oleh Jabatan

Imigresen Malaysia hingga 28 Februari, 1988 ialah sebanyak 4,926 buah.

- (u) Jumlah yang dikembalikan setakat ini ialah 243 buah.
- (iii) Jabatan Imigresen Malaysia telah menarik balik dan menahan passport-pasport tersebut kerana pemegang-pemegangnya didapati telah melakukan pelbagai kesalahan seperti berikut:
 - (a) Terlibat dalam kegiatan pengedaran dadah.
 - (b) Didapati telah membuat lawatan tanpa izin Kerajaan Malaysia ke Republik Rakyat China.
 - (c) Pemegang yang terlibat dengan kesalahan-kesalahan di bawah Akta Imigresen 1959/63 dan Akta Pasport 1966 dan juga kes-kes kebangkerapan yang dirujuk oleh pihak Mahkamah atau Pejabat Pemegang Harta.

KADAR PENGANGGURAN

29. Tuan S. S. Subramaniam minta Perdana Menteri menyatakan:

- (a) apakah kadar pengangguran di negara kita pada tahun 1987 dan apakah langkah-langkah yang telah diambil oleh Kerajaan dalari tahun 1988 untuk mengatasi masalah tersebut; dan
- (b) dengan kadar pengangguran yang begitu tinggi adakah dasar 70 juta penduduk untuk negara kita sesuai dengan kadar pengangguran tersebut.

Tuan Othman bin Abdul:

- (a) Kadar pengangguran bagi tahun 1987 dianggarkan sebanyak 8.7%. Walaupun kadar ini

dianggap tinggi, terdapat tanda-tanda yang menunjukkan bahawa kedudukan gunatenaga semakin bertambah baik berikutan dengan pemulihan ekonomi. Bagi tahun 1988, Kerajaan akan terus mengambil langkah-langkah yang positif untuk menggalakkan pertumbuhan ekonomi supaya lebih banyak peluang pekerjaan dapat diwujudkan. Untuk tujuan ini, Kerajaan telah pun membuat beberapa kelonggaran dan pengubahsuaian kepada dasar-dasar pelaburan untuk menarik pelaburan. Langkah ini akan diteruskan.

Kerajaan juga bercadang mengawal kadar kenaikan upah sebagai satu langkah mengurangkan kos buruh kepada majikan supaya dapat meningkatkan penggunaan tenaga kerja.

Di samping itu juga Kerajaan akan terus melaksanakan langkah-langkah jangka pendek untuk mengurangkan masalah pengangguran seperti yang disyorkan oleh Jawatankuasa Khas Kabinet mengenai Kemelesetan Ekonomi Negara.

- (b) Sebagaimana Yang Berhormat sedia maklum, dasar 70 juta penduduk merupakan satu dasar bagi tempoh jangka panjang. Kadar pengangguran yang tinggi pada masa sekarang bukan merupakan akibat langsung daripada dasar ini. Ianya lebih berpunca daripada kelemahan pasaran • buruh mewujudkan peluang pekerjaan memandangkan keadaan ekonomi pada tahun-tahun kebelakangan ini yang lembab. Walau bagaimanapun, kadar pertambahan pengangguran adalah dijangka akan berkurangan jika pemulihan

ekonomi yang dialami sekarang berkekalan.

EKONOMI PEKEBUN KECIL

30. Tuan Haji Abdul Rahman bin Bakar minta Menteri Kemajuan Tanah dan Kemajuan Wilayah menyatakan:

- (a) adakah Kerajaan sedar tentang wujudnya beberapa golongan yang cuba melemahkan terus semangat ahli-ahli Jawatankuasa Kemajuan Rancangan (JKKR) pekebun-pekebun kecil di negara ini. Kalau sedar, apakah langkah-langkah Kementerian bagi mengatasi masalah ini;
- (b) apakah program dan rancangan baru Kementerian dalam usaha meningkatkan prestasi dan kedudukan ekonomi para pekebun kecil.

Menteri Kemajuan Tanah dan Kemajuan Wilayah (Dato' Dr Sulaiman bin Haji Daud):

- (a) Soalan Yang Berhormat adalah berhubung dengan ahli Jawatankuasa Kemajuan Rancangan (JKKR). Oleh itu, pekebun-pekebun kecil yang dimaksudkan mungkin terdiri daripada mereka yang telah menjadi peneroka-peneroka FELDA. Walau bagaimanapun, saya ingin juga menyentuh sedikit tentang pekebun-pekebun kecil yang terdapat di bawah Rancangan RISDA.
 1. Sebagai sebuah agensi Kerajaan yang besar, FELDA tidak dapat mengelakkan diri dari golongan yang irihati dan cuba menjadi jaguh di kalangan peneroka. FELDA tidak menyerang balas golongan yang cuba

melemahkan fungsi JKRR. FELDA melaksanakan strategi memperbaiki dan mempertingkatkan keberkesanan JKRR itu sendiri.

2. Usaha peningkatan keberkesanan JKRR dilaksanakan seiring dengan tahap pembangunan rancangan. Pada tahun 1960an, JKRR berperanan sebagai Badan Penyalur Masalah, kemudian pada tahun 1970an, peranan JKRR adalah sebagai Badan Permesyuaratan Tertinggi Peneroka, dan pada tahun 1980an, JKRR adalah sebagai Badan Penyelaras Pengurusan Rancangan. Penglibatan dan penyertaan peneroka dalam tadbiran rancangan dipertingkatkan dan diperluaskan dari masa ke semasa. Di peringkat rancangan penglibatan peneroka dilaksanakan melalui JKRR, di peringkat Wilayah melalui Gabungan JKRR Wilayah dan di peringkat Nasional melalui Jawatankuasa Perunding Peneroka dan Perwakilan Ketua-ketua Peneroka dalam Lembaga FELDA dan Lembaga Perbadanan-perbadanan FELDA. Melalui penglibatan ini, Ketua-ketua Peneroka diberi peluang bersama-sama pentadbiran FELDA untuk merancang dan memutuskan dasar yang berkaitan dengan pembangunan peneroka.
3. Pemilihan Ketua-ketua Peneroka dilaksanakan secara musyawarah, ke-raudian dipersetujui oleh Kerajaan Negeri, Sistem pemilihan ini memantapkan

- kedudukan Ketua-ketua Peneroka yang menjadi ahli JKKR kerana ketua Peneroka disokong oleh pengikut dan direstui oleh Kerajaan Negeri.
4. Bagi membolehkan Ketua-ketua Peneroka dilatih mentadbir dan menguruskan rancangan, Ketua-ketua Peneroka di peringkat rancangan dikehendaki menghadiri Mesyuarat Mingguan Pengurusan Rancangan. Melalui kehadiran Ketua-ketua dalam Mesyuarat Pengurusan Rancangan ini juga Ketua-ketua Peneroka sentiasa diperlengkapkan dengan perkembangan dan dasar terbaru FELDA. Dengan ini, kewibawaan Ketua-ketua Peneroka sebagai ahli JKKR sentiasa dapat dipertingkatkan.
 5. Peningkatan pengetahuan di kalangan Ketua-ketua Peneroka dilaksanakan melalui kursus dan latihan berhubung dengan dasar-dasar dan peraturan-peraturan FELDA. Di samping itu Pengarah-pengarah dan Pegawai FELDA memperbanyakkan lagi perjumpaan dengan JKKR bagi menjelaskan dasar-dasar FELDA dan menjawab sebarang kemusykilan yang ditimbulkan oleh masyarakat peneroka rancangan.
 6. Usaha merapatkan hubungan ketua-ketua Peneroka dengan peneroka-peneroka dilaksanakan melalui Lawatan Naib-naib Pengerusi Gabungan JKKR Wilayah ke rancangan dilaksanakan. Naib-naib Pengerusi Gabungan JKKR

- Wilayah diatur untuk melawat dan berjumpa peneroka-peneroka rancangan 4 kali bagi sesuatu bulan. Melalui perjumpaan ini banyak masalah telah dapat diselesaikan di peringkat yang lebih awal.
7. Kementerian Kemajuan Tanah dan Kemajuan Wilayah yakin bahawa golongan-golongan tertentu yang cuba melemahkan JKKR ini tidak mendapat sambutan daripada sebilangan besar peneroka kerana sasaran mereka adalah kepada peneroka yang tidak tetap haluannya sahaja. Walau bagaimanapun, usaha membendung kegiatan melemahkan JKKR supaya tidak menular liar dilaksanakan melalui mempertingkatkan prestasi JKKR dan kewibawaan Ketua-ketua Peneroka sendiri dari masa ke semasa.
 8. Bagi RISDA, Rancangan di bawah Program Tanam Semula seperti Tanam Semula Berkelompok (TSB) dan Mini Estet sahaja yang mempunyai Jawatankuasa yang terdiri dari pekebun-pekebun kecil yang juga pemilik kebun-kebun Tanam Semula.
 9. Di samping itu, ada di antara mereka yang maju dari segi Pembangunan Sektor Pekebun Kecil telah dilantik oleh RISDA untuk membimbing dan memberi tunjukajar kepada pekebun-pekebun kecil lain di dalam bidang Pembangunan Tanah Pekebun Kecil.

10. Mereka juga memainkan peranan membantu Kerajaan untuk memberi nasihat sekiranya ada di antara Pekebun Kecil yang kurang faham dari segi dasar Pembangunan Kerajaan.
- (b) Mengenai perkara yang kedua yang dibangkitkan dalam soalan itu, usaha meningkatkan prestasi dan kedudukan ekonomi para pekebun kecil, RISDA telah memberi penekanan utama kepada Program Tanam Semula yang merangkumi projek Tanam Semula Individu, Tanam Semula Serentak, Tanam Semula Berkelompok, Projek Mini Estet dan Pemulihan. Dari segi pembangunan fizikal dan peruntukan belanjawan, butirannya adalah seperti berikut:

Tahun	Fizikal	Peruntukan (\$)
1988	191,795 hektar	153,479,826

Selain dari Program Tanam Semula, aktiviti-aktiviti sokongan pembangunan ekonomi telah juga dipergiatkan. Aktiviti-aktiviti yang berkaitan meliputi bekalan benih dan input pertanian; khidmat pengembangan, pemerosesan getah, pemasaran getah, SEPERDU dan pembangunan prasarana. Sistem Perkebunan bersepadu (SEPERDU) digalakkan sebagai aktiviti sampingan sama ada di dalam kebun atau di luar kebun untuk mempelbagaikan serta memaksimumkan pendapatan pekebun kecil. Antara aktiviti-aktiviti "on-farm" yang ditaksanakan ialah:

- (i) Ternakan biri;
- (ii) Penggemuk lembu daging dan cara makan kurung (teedlot);

- (iii) Tanaman jagung;
- (iv) pemeliharaan lebah madu;
- (v) Projek cendawan;

Aktiviti "off—farm" sebaliknya meliputi projek-projek berikut:

- (i) Kedai runcit;
- (ii) Tapak semaian;
- (iii) Jualan alat-alat menoreh/ bahan kimia pertanian;
- (iv) Menyewa jentera pertanian;
- (v) Membungkus dan mengeluarkan makanan siap;
- (vi) Membuat mee dan tauhu;
- (vii) Jualan petrol.

Pendekatan terhadap program/projek yang telah dinyatakan di atas telah dikemaskinikan untuk meningkatkan kedudukan ekonomi para pekebun kecil.

RUMAH KOS RENDAH

31. Tuan Samson Chin Chee Tsu minta Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan menyatakan jumlah permintaan dan beberapa peringkat pembangunan mengenai 7,000 buah rumah kos rendah di Negeri Sabah di bawah program 3 tahun pembangunan rumah-rumah khas yang telah dicadangkan setahun lalu.

Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan (Tuan Ng Cheng Kial): Mungkin apa yang dimaksudkan dengan "program 3 tahun pembangunan rumah-rumah khas" di Negeri Sabah itu ialah Program Khas Perumahan Kos Rendah. Untuk makluman Dewan yang mulia ini, jumlah unit rumah yang dicadang untuk dibina di Negeri Sabah di bawah

program tersebut adalah 9,667 unit. Pecahan unit-unit itu menurut tahunan adalah seperti berikut:

(a) Tahun Pertama (1986/87)	4,315 unit
(b) Tahun Kedua (1987/88)	5,352 unit
(c) Tahun Ketiga (1988/89)	Belum ditentukan
JUMLAH ..	<u>9,667 unit</u>

Jumlah permintaan untuk projek-projek tahun pertama (1986/87) setakat ini adalah seperti berikut:

- (a) Jumlah pemohon berdaftar 2,514 orang
- (b) Jumlah pemohon yang permohonan untuk pinjaman telah diluluskan oleh Institusi Kewangan 839 orang
- (c) Jumlah pemohon yang permohonan pinjaman masih dalam pertimbangan Institusi Kewangan 1,675 orang

Projek-projek di bawah Program Khas Perumahan Kos Rendah di Negeri Sabah bagi tahun kedua (1987/88) belum lagi diketahui jumlah pemohon berdaftar dan berkelayakan. Ini disebabkan pemaju untuk projek-projek tersebut (5 projek atau 5,352 unit) belum dikenalpasti dan sebarang kerja masih belum lagi dimulakan.

JALAN RAYA KOTA KINABALU — PENAMPANG

32. **Tuan Hsing Yin Shean** minta Menteri Kerjaraya menyatakan berapakah peruntukan yang diberi untuk pengendalian dan pembinaan jalan raya utama (Federal Trunk Road) di antara Kota Kinabalu — Penampang pada tahun 1988. Dan sama ada Kementerian beliau sedar bahawa jalan raya-jalan raya yang rosak dan berdebu ini telah mengganggu pengguna-pengguna jalan raya dan penduduk-penduduk khususnya mereka yang tinggal di antara Batu 3 dan Batu 4 1/2 di sepanjang jalan ini. Bilakah pembinaan akan dimulakan

dan berapa lamakah masa yang akan diambil untuk menyempurnakan pembinaan jalan raya ini sehingga batu 4 1/2

Dato' S. Samy Vellu: Jalan raya Kota Kinabalu-Penampang sedang dalam pembinaan. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, pembinaan memakan masa lama kerana jalan raya tersebut melalui kawasan tanah yang lembut yang mana terlebih dahulu perlulah diperkuatkan. Di samping itu lalulintas juga perlu dikekalkan kerana jalanraya tersebut merupakan jalan utama ke Kota Kinabalu. Keadaan-keadaan ini banyak mengganggu kerja-kerja pembinaan.

Peruntukan yang disediakan bagi menyiapkan bahagian daripada Batu 3 ke Batu 4 1/2 pada tahun 1988 adalah sebanyak \$2.4 juta.

Saya sememangnya sedar akan keadaan jalan raya tersebut yang berdebu. Ini adalah kerana bahagian jalan itu dalam proses pembinaan dan lalulintas yang banyak sentiasa melalui jalan yang sedang dalam pembinaan. Walau bagaimanapun untuk mengatasi masalah itu Jabatan Kerja Raya sentiasa membasahkan kawasan itu.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, bahagian jalan dari Batu 3 ke Batu 4 dijangka siap pada bulan Ogos 1988, manakala 1/2 batu lagi dijangka siap pada akhir tahun 1988 kerana keperluan untuk meletakkan paip air.

PERUSAHAAN GETAH ASLI/ MINYAK KEL APA SAWIT

33. **Tuan Mohamed Sam bin Haji Sailan** minta Menteri Perusahaan Utama menerangkan strategi Kerajaan pada masa ini di dalam perusahaan sawit dan getah asli. Ternyata banyak sekali pihak ladang dan pekebun kecil yang sedang menukar tanaman kebun mereka daripada getah kepada sawit.

Menteri Perusahaan Utama (Datuk Dr Lim Keng Yaik): Perusahaan getah asli dan minyak kelapa sawit terus memainkan peranan yang penting dalam ekonomi Malaysia. Ini digambarkan oleh sumbangan kepada nilai eksport negara di mana perusahaan getah menyumbang sebanyak \$3,885 juta dan \$3,943.6 juta pada tahun 1987.

Memandangkan bahawa industri getah dan minyak kelapa sawit begitu pentingnya bagi negara Kerajaan telah menggubal beberapa strategi untuk memperkukuhkan pengeluaran kedua barangan utama itu serta meningkatkan keupayaan untuk bersaing dengan berkesan di pasaran antarabangsa, termasuklah:

1. Memperkukuhkan penyelidikan dan pembangunan dalam aspek pengeluaran dan pemprosesan barangan utama untuk mencapai kekesan dan kecekapan kos yang lebih baik dan meningkatkan mutu.
2. Memberi insentif-insentif termasuk usaha-usaha fizikal untuk memaksimumkan keberkesanan dan memulihkan pengeluaran utama.
3. Memperhebatkan lagi usaha-usaha untuk mengukuhkan pasaran yang sedia ada dan menembusi pasaran-pasaran baru bagi barangan utama dalam bentuk mentah, separuh proses dan diproses menerusi pengurangan atau penghapusan halangan-halangan tarif dan bukan tarif.
4. Menggalakkan lagi pemprosesan barangan utama di negara ini supaya mendapat lebih nilai tokok, pendapatan, perkerjaan dan pendapatan tukaran wang asing.
5. Memperkuatkan perhubungan perdagangan dengan negara-negara lain termasuk negara-negara socialist, negara-negara

sedang membangun dan negara-negara perindustrian baru.

Sungguhpun begitu, pada beberapa tahun kebelakangan ini terdapat beberapa syarikat perladangan dan juga pekebun-pekebun kecil getah yang telah menukar tanaman getah kepada tanaman kelapa sawit dalam lingkungan 20,000-30,000 hektar setahun. Perkembangan ini didorongkan oleh harga minyak sawit yang lebih menarik di pasaran antarabangsa. Kadar pertukaran ini walau bagaimanapun dianggarkan menurun sejak satu atau dua tahun kebelakangan ini disebabkan oleh harga getah yang lebih lumayan.

Memandangkan bahawa perusahaan getah dan minyak kelapa sawit sama pentingnya kepada ekonomi negara, terpulanglah kepada pihak swasta sama ada mereka ingin menanam getah atau kelapa sawit berasaskan kepada kesesuaian tanah bagi kedua-dua tanaman dan kos pengeluaran yang boleh dicapai oleh sebab prospek-prospek jangkamasa panjang bagi kedua-dua tanaman ini adalah cerah.

TABUNG RAKYAT PALESTIN

34. Tuan Haji Hussein bin Haji Taib minta Menteri Luar Negeri menyatakan:

- (a) berapakah jumlah pungutan daripada orang ramai yang diberikan kepada Tabung Rakyat Palestin masa yang lalu;
- (b) adakah derma-derma itu dapat dipastikan sampai kepada sasarannya dan adakah jaminan daripada PLO mengenai penggunaan derma tersebut; dan
- (c) berapakah jumlah pungutan derma yang baru dilancarkan baru-baru ini dan bilakah derma itu diserahkan kepada Pertubuhan Pembebasan Palestine.

Dato' Abu Hassan bin Omar:

- (a) Sebagaimana Yang Berhormat maklum, pada tahun 1982 Kerajaan Malaysia telah pun menubuhkan satu Tabung yang bernama "Tabung bantuan Kemanusiaan Kepada Mangsa-mangsa Perang di Lubnan", iaitu untuk membantu orang-orang Palestin yang menjadi mangsa keganasan rejim Tel Aviv di Lubnan, berikutan dengan pemusnahan khemah-khemah orang Palestin di Shattila dan Sabra. Derma yang diterima oleh Tabung ini berjumlah \$335,626.00. Selain daripada itu beberapa Syarikat akhbar juga membuat kutipan masing-masing daripada orang ramai, dan ini berjumlah \$1,106,988.20. Oleh hal yang demikian, jumlah yang terkumpul kesemuanya ialah \$1,442,614.20.
- (b) Derma-derma telah disampaikan kepada Pertubuhan Pembebasan Palestin (PLO) melalui cek. Sumbangan itu telah digunakan oleh PLO untuk membantu orang-orang Palestin yang menjadi mangsa kekejaman Zionist ke atas khemah-khemah pelarian Palestin di Shattila dan Sabra, iaitu untuk membelikan pakaian, makanan, perubatan dan untuk memindahkan mereka kepada tempat-tempat yang lebih selamat, dan untuk tujuan-tujuan keperimusiaan yang lain.
- (c) Tabung yang ditubuhkan oleh Kerajaan Malaysia baru-baru ini pula, iaitu pada 15hb Januari 1988, adalah Tabung Rakyat Palestin, bagi membantu orang-orang Palestin, di Semenanjung Gaza dan Tebing Barat Sungai Jordan yang menjadi mangsa kezaliman rejim Tel Aviv. Setakat ini iaitu pada 5 Mac

1988, jumlah derma yang dipungut ialah \$251,783.40. Usaha-usaha sedang dibuat sekarang ini untuk menyerahkan sebahagian daripada derma kepada PLO, iaitu ke dalam akaun yang khas yang telah ditubuhkan oleh PLO di Tunis. Bakinya akan diserahkan pada suatu masa yang lain pula. Sementara itu, kutipan-kutipan akan terus dibuat untuk menambahkan lagi jumlah pungutan kepada Tabung Rakyat Palestin ini.

DOKTOR PALSU—PENYAMARAN

35. Tuan Zubir bin Embong minta Menteri Kesihatan menyatakan apakah langkah-langkah jangka pendek dan panjang untuk mencegah berlakunya penyamaran doktor-doktor palsu. Berapakah kes yang dapat ditangkap hingga Februari 1988.

Dato' K. Pathmanaban: Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Kementerian Kesihatan telah mengambil beberapa langkah untuk mencegah dari berlakunya penyamaran doktor-doktor palsu. Langkah-langkah tersebut adalah seperti berikut:

- (1) Menguatkuasakan penggunaan tanda nama bagi semua kakitangan di hospital-hospital.
- (2) Menguatkuasakan kad pengenalan diri. Penggunaan kad pengenalan tersebut sedang dilaksanakan di beberapa Hospital Besar dan kita sedang menyediakan garispanduan mengenai kawalan keselamatan di hospital-hospital termasuk cadangan penggunaan kad pengenalan diri di semua hospital.
- (3) Semua pegawai perubatan yang baru melaporkan diri untuk bertugas diperkenalkan kepada

semua kakitangan di wad dan kakitangan di Jabatan berkenaan.

- (4) Pemeriksaan mengejut dari masa ke semasa (random checking) dilakukan ke atas kad pengenalan diri untuk menentukan sama ada butir-butir maklumat yang terdapat pada kad tersebut adalah sama dengan pemegangnya.
- (5) Semua kakitangan telah diminta untuk melaporkan kepada pengawal keselamatan atau penyelia hospital sekiranya ada sesiapa yang mereka syaki merayau-rayau di dalam bangunan atau di dalam kawasan hospital.

Sehingga sekarang, terdapat 4 kes doktor palsu yang telah dapat ditangkap, iaitu dua di Hospital Besar Kuala Lumpur pada tahun 1980 dan 1982, satu di Hospital Besar Pulau Pinang pada tahun 1986 dan satu lagi Hospital Besar Kangar baru-baru ini.

BANJIR DI KOTA KINABALU

36. Tuan Gerard Math Lee Min minta Menteri Pertanian menyatakan:

- (i) sama ada Jabatan Parit dan Taliair Sabah telah menghubungi Kementerianya mendapatkan pertolongan dan bantuan bagi mengatasi masalah banjir di kawasan Kota Kinabalu; dan
- (ii) sama ada Kementerian tersebut dapat memperuntukkan sejumlah M\$27 juta yang dianggarkan akan dapat menyelesaikan masalah parit dan banjir di Sabah.

Dato' Alexander Yu Lung Lee:

- (i) Ya.
- (ii) Pada tahun 1981, Kerajaan Negeri Sabah telah menjalankan dua buah Kajian

Pelan Induk Saliran bagi Bandar Kota Kinabalu dan Bandar Inanam dengan tujuan dapat menyediakan satu program kerja-kerja saluran jangka panjang yang menyeluruh untuk mengatasi masalah banjir. Hasil daripada kajian-kajian tersebut, dua buah projek baru, iaitu Rancangan Tebatan Banjir Kota Kinabalu dan Rancangan Tebatan Banjir Inanam dengan kos anggaran \$27 juta telah dicadangkan pada tahun 1985 dan dikemukakan kepada Kerajaan Persekutuan untuk pertimbangan dan dilaksanakan dalam Rancangan Malaysia Kelima (1986-1990). Walau bagaimanapun kedua-dua projek baru tersebut telah tidak dapat diluluskan oleh sebab keadaan kemelesetan ekonomi yang dihadapi oleh negara sekarang.

AKHBAR STAR/SIN CHEW JIT POH/WATAN—PERMIT

37. Dr Eng Seng Chai minta Menteri Dalam Negeri menyatakan sama ada cadangan menimbangkan semula rayuan daripada akhbar "The Star", "Sin Chew Jit Poh" dan "Watan" mengizinkan mereka mengeluarkan suratkhbar masing-masing lagi.

Dato' Megat Junid bin Megat Ayob: Seperti saya memaklumkan dalam Dewan yang mulia ini pada 9-3-88, Akta Mesin Cetak dan Penerbitan 1984 (Pindaan) 1987 tidak mengandungi peruntukan bagi penerbit-penerbit akhbar yang dibatalkan perमितnya membuat rayuan.

PENYAKIT HEPATITIS B

38. Dr Chen Man Hin minta Menteri Kesihatan menyatakan:

- (a) sebab-sebab kelewatan dalam implementasi kempen "mass

vaccination" terhadap Hepatitis B khususnya kepada kanak-kanak dan bayi-bayi yang baru lahir;

- (b) juga nyatakan sama ada Menteri itu sedar bahawa "vaccine" yang baik dan selamat boleh didapati dari negara Korea Selatan dengan harga \$2.50 satu dos.

Dato' K. Pathmanaban:

- (a) Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, tidak terdapat kelewatan dalam rancangan immunisasi Hepatitis B. Kajian mengenai golongan-golongan yang benar-benar memerlukan immunisasi Hepatitis B telah pun selesai dijalankan di Kementerian. Sebuah Jawatankuasa Viral Hepatitis telah pun mengkaji serta menganalisa laporan kajian itu. Syor Jawatankuasa supaya immunisasi Hepatitis B diberi kepada semua kanak-kanak yang baru lahir dan mereka yang berisiko tinggi seperti kakitangan Hospital dan sebagainya diberi suntikan immunisasi telah pun diterima oleh Kementerian. Pendekatan seperti ini akan dapat menghapuskan penyakit ini dalam satu tempoh masa yang tertentu. Sekarang ini kami sedang berusaha mendapatkan peruntukan kewangan tambahan bagi melaksanakan rancangan immunisasi Hepatitis B ini dengan secepat mungkin.
- (b) Kementerian Kesihatan juga sedar tentang adanya vaksin yang agak murah dari Korea berharga \$2.50 satu dos tetapi vaksin ini masih baru dalam pasaran dunia. Kementerian Kesihatan sedang mengkajinya dari segi keselamatan dan efikasi sebelum vaksin tersebut boleh

dipertimbangkan untuk kegunaan secara am di Malaysia.

**LEBUHRAYA KUALA LUMPUR/
KARAK**

39. Tuan Mohamed bin Haji Isa minta Menteri Kerjaraya menyatakan sama ada beliau sedar bahawa lebuhraya Kuala Lumpur/Karak telah dibina beberapa tahun yang lalu dengan jumlah perbelanjaan yang begitu besar, tetapi sekarang ini berada dalam keadaan yang begitu buruk sekali:

- (a) adakah satu perancangan rapi dibuat/kaji di peringkat awal pembinaan Lebuhraya ini, atau adakah keadaan Lebuhraya sekarang ini berpunca dari kesilapan teknikal perancangan awal;
- (b) beberapa kos perbelanjaan awal Lebuhraya Kuala Lumpur/Karak dan berapakah kos penyelenggaraan pembaikan yang dijalankan sekarang ini; dan
- (c) bilakah pembaikan Lebuhraya ini dijangka siap sempurna.

Dato' S. Samy Vellu:

- (a) Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, perancangan yang rapi sememangnya telah dibuat terlebih dahulu sebelum pembinaan Lebuhraya Kuala Lumpur/Karak dilaksanakan. Kajian-kajian kejuruteraan awal dan kejuruteraan terperinci telah dibuat dengan teratur, dengan mengambilkira faktor-faktor keadaan mukabumi yang berbukit bukau; jajaran jalan raya untuk menghasilkan rekabentuk yang sesuai dan lebih ekonomik. Saya juga ingin memaklumkan kepada Ahli Yang Berhormat bahawa rekabentuk yang dihasilkan itu

telah dilakukan dengan secukupnya dengan mengambilkira keadaan kewangan kerajaan pada masa ini. Walau bagaimanapun pembinaan jalanraya tersebut sememangnya dirancang untuk ditingkatkan tarafnya di masa-masa akan datang apabila peruntukan diperolehi.

Oleh hal yang demikian, keadaan jalanraya sekarang bukanlah disebabkan dari kesilapan perancangan, tetapi ianya kerana kedudukan jalanraya tersebut di kawasan yang berbukit bukau dan perubahan cuaca yang ketara berlaku di kawasan itu. Punca utama berlakunya kerosakan adalah kerana limpahan hujan yang banyak yang mengakibatkan berlaku hakisan mukabumi dan perkara ini sememangnya sukar dielakkan. Oleh hal yang demikian Kerajaan telah memandang berat mengenai perkara ini dan kerja-kerja membaiki dan melandaikan cerun-cerun sedang dilaksanakan;

- (b) kos perbelanjaan awal jalanraya Kuala Lumpur/Karak termasuk bayaran pampasan tanah adalah berjumlah \$176 juta. Kos penyelenggaraan pembaikannya yang sedang dijalankan sekarang ialah \$46.02 juta;
- (c) kerja-kerja pembaikan jalanraya Kuala Lumpur/Karak di jangka siap sebelum akhir tahun ini.

BUKU TEKS SEKOLAH RENDAH

40. Tuan Haji Abdul Razak bin Abu Samah minta Menteri Pendidikan menyatakan tidakkah ada tindakan agar buku-buku teks Sekolah-sekolah Rendah seluruh negara yang mana tiap-tiap tahun ditukar ganti buku dan tajuknya agar dikekalkan sekurang-kurangnya 5 tahun bagi meringankan

beban penduduk luar bandar dan juga yang berpendapatan kecil kerana ini sering didengar rungutan daripada kalangan mereka yang tersebut di atas.

Dr Leo Michael Toyad: Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, adalah tidak benar bahawa buku-buku teks Sekolah Rendah ditukar pada tiap-tiap tahun. Mengikut peraturan judul-judul buku teks hanya akan ditukarkan sekiranya perlu ataupun sekiranya ada perubahan-perubahan yang besar dalam sesuatu sukatan pelajaran. Peraturan ini memang tidak membebankan keluarga-keluarga luar bandar ataupun mereka yang berpendapatan rendah, matahan adalah menjadi dasar Kerajaan untuk memberi bantuan buku teks kepada mereka, di bawah Skim Pinjaman Buku Teks.

TIMBALAN PERDANA MENTERI—RAWATAN PERUBATAN DI LONDON

41. Tuan Haji Nik Abdullah bin Haji Arshad minta Perdana Menteri menyatakan bahawa yang mempercepatkan pemergian Timbalan Perdana Menteri ke London akhir bulan tahun lalu adalah "kerana beliau memerlukan rawatan dengan segera bukan kerana beliau tidak bersetuju dengan langkah Perdana Menteri mengadakan tangkapan beramai-ramai di bawah ISA dan beliau tidak diberitahu terlebih dahulu akan tindakan itu.

Tuan Othman bin Abdul: Kedudukan sebenar mengenai rawatan perubatan yang telah dijalani oleh Yang Amat Berhormat Timbalan Perdana Menteri telahpun dijawab di Dewan ini pada 10-3-88.

Dengan itu tidak timbul masalah pemergian Yang Amat Berhormat Timbalan Perdana Menteri adalah kerana beliau tidak bersetuju dengan

keputusan Yang Amat Berhormat Perdana Menteri berhubung dengan tangkapan beramai-ramai di bawah ISA.

BADAN PENCEGAH RASUAH— MEMBASMI RASUAH

42. Tuan Lee Lam Thye minta Perdana Menteri menyatakan:

- (a) bilangan tangkapan Badan Pencegah Rasuah tahun-tahun 1985, 1986 dan tempoh sehingga akhir Pebruari 1988 dengan memberikan butir-butir yang menjeniskan orang-orang yang ditahan seperti ahli politik, kakitangan awam dan lain-lain;
- (b) daripada jumlah mereka yang ditangkap bagi tempoh yang sama, berapa ramai yang telah didakwa dan disabitkan kesalahan; dan
- (c) apakah langkah-langkah yang telah diambil oleh Ketua Pengarah Badan Pencegah Rasuah yang baru untuk menjadikan Badan Pencegah Rasuah lebih berkesan membasmi rasuah.

Tnbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri (Dato' Oo Gin Sun):

- (a) Badan Pencegah Rasuah telah menangkap seramai 846 orang untuk tempoh tahun 1985 hingga akhir bulan Februari 1988. Dari jumlah itu, seramai 314 orang terdiri daripada orang awam, 529 merupakan kakitangan Kerajaan dan tiga orang ahli politik.
- (b) Sejumlah 457 orang telah didakwa di mahkamah sepanjang tempoh yang sama dan bilangan yang disabitkan kesalahan ialah seramai 154 orang.

(c) Langkah-langkah yang telah diambil oleh BPR sebagai usaha ke arah pencegahan rasuah yang lebih berkesan dengan memberi penekanan kepada aktiviti-aktiviti pencegahan adalah seperti berikut:

- (i) mengadakan perjumpaan dan perbincangan secara tertutup dengan Ketua-ketua Jabatan dan pegawai-pegawai tinggi Kerajaan mengenai masalah rasuah dan cara-cara mengatasinya di jabatan berkenaan;
- (ii) menghendaki pegawai-pegawai Kerajaan yang mempunyai harta yang banyak supaya memberi penjelasan tentang cara harta-harta tersebut di perolehi;
- (iii) menjalankan kajian dan penyelidikan ke atas sistem pengurusan dan pentadbiran sesuatu jabatan untuk mengenalpasti peluang-peluang rasuah yang wujud dan seterusnya membuat perakuan-perakuan untuk mengatasinya;
- (iv) mengadakan lawatan-lawatan mengejut ke atas jabatan-jabatan Kerajaan yang mana BPR sering menerima maklumat rasuah dan penyelewengan;
- (v) mengadakan usahasama dengan pihak-pihak tertentu di dalam mengendalikn sekatan-sekatan jalan yang bertujuan untuk memberkas pemberi-pemberi rasuah;

- (vi) mengadakan pemeriksaan mengejut ke atas pegawai-pegawai penguatkuasa yang sedang bertugas di kaunter-kaunter untuk memastikan mereka tidak menerima rasuah; dan
- (vii) mempergiatkan lagi kempen pencegahan rasuah dengan menganjurkan ceramah-ceramah, sesi dialog, forum dan seumpamanya sebagai usaha untuk menyebarkan maklumat-maklumat mengenai rasuah dan kesan buruknya kepada semua lapisan masyarakat termasuk penuntut-penuntut.

DOKUMEN PERJALANAN LAKSANA PASPORT

43. Dr Tan Seng Giaw minta Menteri Dalam Negeri menyatakan sama ada Kerajaan sudah menerima pemberitahuan rasmi dari Kerajaan Indonesia mengenai dokumen jalan (Surat Perjalanan Laksana Pasport) yang dikeluarkan kepada rakyat mereka yang memasuki Malaysia secara haram atau tidak. Jika masih belum, apakah di antara butir-butir yang diketahui oleh Kerajaan Malaysia mengenai dasar Indonesia ini yang sebegitu menyakinkan sekali Timbalan Menteri bahawa langkah tersebut adalah baik dan boleh diterima. Bagaimanakah langkah ini dapat menolong Kerajaan Malaysia mengawasi kemasukan rakyat Indonesia secara haram. Jika sudah, maka, adakah Kerajaan Malaysia senantiasia diberitahu tentang bilangan kepingan dokumen jalan yang dikeluarkan. Jika tidak, bagaimanakah Kerajaan Malaysia dapat mengesahkan bilangan mahupun mengawasi pendatang haram yang

memasuki Malaysia dari Indonesia. Apakah bilangan mereka ini yang telah melaporkan diri kepada pihak Kerajaan Indonesia untuk mendapatkan dokumen tersebut. Pada pandangan Kerajaan, apakah bilangan orang Indonesia yang masih belum tampil ke hadapan untuk melaporkan diri.

Dato' Megat Junid bin Megat Ayob: Saya tidak menerima sebarang pemberitahuan mengenai perkara yang dibangkitkan oleh Ahli Yang Berhormat itu. Oleh yang demikian, saya tidak dapat membuat apa-apa ulasan mengenai perkara tersebut.

GURU-GURU CINA DISRJK (C) KENAIKAN PANGKAT

44. Dr Tan Seng Giaw minta Menteri Pendidikan menyatakan setakat ini kemajuan yang dicapai dalam penyelesaian isu guru-guru yang tidak mempunyai kelulusan dalam Bahasa Mandarin ditugaskan sebagai Penolong Kanan, Guru Besar serta Penyelia Ko-Kurikulum di Sekolah-sekolah Rendah Jenis Kebangsaan (Cina). Bilakah agaknya keputusan muktamad dapat diumumkan.

Dr Leo Michael Toyad: Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, isu penempatan guru-guru Cina yang tidak mempunyai kelayakan Bahasa Mandarin ke jawatan kenaikan pangkat di SRJK(C) telah pun diselesaikan.

RANG UNDANG-UNDANG DIBAWA KE DALAM MESYUARAT

RANG UNDANG-UNDANG PERKHIDMATAN BOMBA

Rang Undang-undang bernama Suatu Akta bagi membuat peruntukan yang perlu untuk Jabatan Perkhidmatan Bomba berfungsi

dengan berkesan daaeekap untuk melindungi manusia dan harta daripada risiko kebakaran dan untuk tujuan-tujuan yang berkaitan dengannya; dibawa ke dalam raesyuarat oleh Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan; dibaca kali yang pertama; akan dibacakan kali yang kedua pada Mesyuarat kali ini.

USUL

UCAPAN TERIMA KASIH KEPADA D.Y.M.M. SERI PADUKA BAGINDA YANG DI-PERTUAN AGONG

Aturan Urusan Mesyuarat dibacakan bagi menyambung semula perbahasan yang ditangguhkan atas masalah:

Bahawa suatu ucapan yang tidak sepertinya dipersembahkan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong, demikian bunyinya:

"Ampun Tuanku,

Patik Yang di-Pertua dan Ahli-ajrti: Dewan Rakyat Malaysia di datem Persidangan Parlimen, memohon ampun mempersembahkan suatu ucapan yang zalil daripada Majlis Dewan Rakyat mengucapkan berbilang-banyak syukur dan menjunjung kasih Kebawah Duli kerana Titah Ucapan Kebawah Duli pada masa membuka Penggal Kedua Parlimen Yang Ketujuh." (11hb Mac, 1988)

Perbahasan disambung semula.

Timbalan Yang di-Pertua (Dato' Mohamed Amin bin Haji Daud): Yang Berhormat dari Semporna menyambung semula perbahasan. Yang Berhormat ada lebih kurang 5 minit.

3.35 ptg.

Datuk Haji Sakaran bin Dandai (Semporna): Tuan Yang di-Pertua, menyambung balik ucapan saya hari Jumaat yang lalu, inginlah saya menyentuh balik di sini tentang keselamatan di pantai timur negeri Sabah.

Seperti yang kita semua sedia maklum, negeri kita sedang maju ke hadapan dan rakyat pada keseluruhannya rnerasa selamat dalam usaha menjalankan kegiatan memperbaiki taraf hidup ekonomi keluarga masing-masing. Sekalipun keselamatan negara pada keseluruhannya baik tetapi terdapat juga keselamatan rakyat terganggu dan terancam kegiatan hidup mereka.

Tuan Yang di-Pertua, di sebelah pantai timur Negeri Sabah iaitu khasnya di kawasan Semporna dan di Lahad Datu rakyat di bandar itu sentiasa hidup dalam kecemasan dan ketakutan kerana p rompak-perompak dan lanun-lanun dari negara jiran masih mengganas. Mereka merompak dan membunuh tanpa peri kemanusiaan. Mereka sepanjang masa mengintip mangsa. Perompak-perompak ini lengkap dengan senjata moden seperti yang kita ketahui senjata-senjata rifle, bom, roket. Rakyat dan nelayan-nelayan yang tidak berdosa dari kawasan yang selalu diancam seperti Semporna dan Lahad Datu selalu menjadi mangsa mereka itu. Sepanjang masa ini apabila mereka datang merompak harta-benda dan juga nyawa kadang-kadang terancam seperti baru-baru ini. Ini adalah kerana mereka ini senang datang ke kawasan-kawasan ini ialah sebab kedudukan Semporna/Lahad Datu dan juga Sandakan ini berdekatan dengan Pulau Tawi-Tawi di Filipina.

Tuan Yang di-Pertua, walaupun pasukan keselamatan kita sentiasa berusaha menjaga keselamatan tetapi pihak lanun mi sentiasa sahaja menukar taktik mereka dan bila Pasukan Keselamatan kurang memberi

Kawalan mereka pula bergerak. Mereka seolah-olah tahu tentang gerakan pasukan keselamatan kita ini. Justeru itu, Kerajaan hendaklah menempatkan beberapa pasukan keselamatan secara tetap di pulau-pulau, di kampung-kampung dan di tempat-tempat yang tertentu yang selalu menjadi sasaran perompak-perompak ini. Jika penempatan mereka di tempat-tempat tersebut dipindahkan atau ditarik balik, perompak-perompak ini akan kembali mengganas dan merompak seperti yang berlaku pada 10hb Mac, 1988 di pekan Semporna baru-baru ini. Pada hari itu perompak-perompak itu merompak sebuah kedai emas. Selepas merampas barang-barang kemas mereka itu melontarkan dua bom tangan bagi membolehkan mereka lari dan melepaskan tembakan. Orang ramai bertempiaran lari ketakutan. Pihak polis tidak dapat menembak mereka kerana bimbang keselamatan orang ramai yang lari bertempiaran. Dalam kejadian ini seorang anggota polis dan dua orang awam terbunuh dan enam orang lain yang cedera.

Tuan Yang di-Pertua, akibat dari peristiwa ini membawa kesan yang buruk, orang ramai di kawasan Semporna sekarang berada dalam ketakutan, menjalankan kerja harian dan perniagaan mereka selalu terganggu. Pekedai-kedai yang sentiasa berada dalam ketakutan, menutup lebih awal kedai-kedai mereka. Suasana menjadi lengang. Netayan-nelayan takut turun ke laut dan mata pencarian mereka terjejas.

Tuan Yang di-Pertua, nelayan-nelayan ini adalah mustahak kepada masyarakat di kawasan Semporna. Hasil penangkapan mereka ini menjadi sumber keperluan harian bukan sahaja di daerah Semporna tetapi juga bekalan kepada daerah-daerah yang lain seperti Tawau, Sandakan dan Kota Kinabalu.

Tuan Yang di-Pertua, peristiwa rompakan seperti ini juga telah berlaku di beberapa buah pekan di Pantai Timur seperti Lahad Datu, Sandakan, Tawau berturut-turut dalam masa beberapa bulan ini. Pasukan Keselamatan sedang berusaha keras hendak menghapuskan kegiatan lanun-lanun ini. Saya mengucapkan tahniah kepada Pasukan Keselamatan yang telah berjaya pada masa yang lalu menumpaskan beberapa rompakan dan membunuh serta membanteras beberapa lanun-lanun yang mengganas di Pantai Timur ini. Kejayaan mereka ini sangat dihargai dan disanjung tinggi oleh rakyat di negeh Sabah.

Tuan Yang di-Pertua, Kerajaan tidak boleh membiarkan kejadian serupa ini berlanjutan. Kerajaan mesti mencari jalan bagi membanteras dan menghapuskan kegiatan-kegiatan lanun ini demi keselamatan rakyat dan negara. Justeru ini, saya merayu kepada Kerajaan supaya menimbangkan dua cadangan yang sangat-sangat diharapkan oleh rakyat di kawasan saya ini

Pertama, saya merayu kepada Kerajaan supaya memperkuatkan lagi pasukan kawalan keselamatan di kawasan-kawasan Pantai Timur ini, khususnya di kawasan Semporna dan Lahad Datu bagi membanteras dan melindungi keselamatan rakyat. Rondaan-rondaan oleh anggota Pasukan Polis/Keselamatan hendaklah diperkuatkan dengan tambahan anggota Polis dan tambahan bot-bot yang baru dan laju kerana bot-bot yang ada sekarang ini sudah tua dan tidak dapat mengatasi keadaan-keadaan yang dihadapi dan jika perlu menggunakan helikopter ataupun kapal terbang. Kita tidak mahu peristiwa berdarah yang selalu berlaku ini akan terus berlaku dan bertambah buruk. Nampaknya perompak-perompak ini keadaannya serupa membahayakan kita sebab kedatangan mereka ini bersambung-sambung dalam beberapa bulan ini.

Kalau dikirakan lebih kerap lagi keganasan-keganasan mereka ini daripada masa-masa yang lalu.

Tuan Yang di-Pertua, cadangan yang kedua saya kepada Kerajaan supaya mengadakan dan memberi latihan sistem, dengan izin, "home guard" di kawasan-kawasan Pantai Timur khususnya di mana kawasan-kawasan yang sentiasa dilanda perompak ini. Dengan adanya sistem "home guard" ini rakyat akan dapat memberikan kerjasama yang lebih berkesan kepada pihak keselamatan apabila mereka ini dapat menggunakan senjata-senjata hasil daripada latihan-latihan yang telah diberikan dan mereka boleh menggunakan aneka kebolehan-kebolehan yang mereka dapati itu untuk mempertahankan diri mereka, keluarga mereka dan juga masyarakat di dalam kawasan kampung-kampung mereka.

Tuan Yang di-Pertua, penyertaan rakyat dalam usaha hendak mempertahankan keselamatan negara sangat dialu-alukan dan disambut baik oleh rakyat di kawasan Semporna dan juga Lahad Datu. Mereka bersedia memberikan segala kerjasama dengan sepenuhnya pada bila-bila masa sahaja. Saya berharap Kerajaan dapat menimbangkan cadangan ini dengan sebaik-baiknya. Sikap membangun begini adalah sejajar dengan semangat dasar "SEMARAK" yang baru-baru ini telah dilancarkan oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri kita di Kelantan, iaitu rakyat dan Kerajaan saling bekerjasama antara satu dengan lain demi keselamatan dan kestabilan negara.

Timbalan Yang di-Pertua (Dato' Mohamed Amin bin Haji Daud): Yang Berhormat, masa sudah cukup.

Datuk Haji Sakaran bin Dandai: Tuan Yang di-Pertua, sedikit lagi.

Timbalan Yang di-Pertua (Dato' Mohamed Amin bin Haji Daud): Dua minit.

Datuk Haji Sakaran bin Dandai: Tuan Yang di-Pertua, di dalam bidang pendidikan pula, saya suka menyentuh mengenai masalah yang dihadapi oleh pelajar-pelajar di kawasan Balong dalam kawasan pilihanraya Semporna di mana mereka menghadapi masalah untuk melanjutkan pelajaran ke sekolah menengah, kerana mereka terpaksa berjalan ke Sri Tanjung yang jauhnya lebih kurang 10 sampai 20 batu. Saya telah difahamkan bahawa peruntukan untuk mendirikan sebuah sekolah menengah bagi menampung pelajar-pejajar di kawasan Balong telah pun diluluskan oleh Kementerian Pendidikan, tetapi malangnya sehingga sekarang projek tersebut masih belum dilaksanakan. Memandangkan hal ini sukalah saya merayu kepada Yang Berhormat Menteri Pendidikan supaya dapat menyiasat mengenai sebab-sebab kelambatan pembinaan sekolah menengah di kawasan Balong ini walaupun segala perancangan telah dibuat, termasuk kelulusan peruntukan.

Tuan Yang di-Pertua, sebelum saya mengakhiri ucapan saya, sekali lagi saya ingin menyatakan sokongan penuh ke atas pimpinan Yang Amat Berhormat Dato' Seri Dr Mahathir Mohamad sebagai Perdana Menteri Malaysia dan Ketua Barisan Nasional.

Akhirnya, Tuan Yang di-Pertua, saya bagi pihak rakyat di kawasan Semporna khasnya dan negeri Sabah amnya menjunjung kasih mengucapkan setinggi-tinggi penghargaan dan terima kasih di atas Titah Ucapan Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong. Sekian, terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua (Dato' Mohamed Amin bin Haji Daud): Yang Berhormat dari Nibong Tebal.

3,46ptg.

Dr Goh Cheng Teik (Nibong Tebal): Tuan Yang di-Pertua, saya bangun untuk menyokong usul yang

dikemukakan oleh Ahli Yang Berhormat dari Kota Setar. Dalam Titah Ucapan Di-Raja, Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Yang di-Pertuan Agong telah membaharui seruan Baginda kepada rakyat negara ini bagi mengukuhkan perpaduan negara. Pengalaman-pengalaman tahun lalu, tegas Baginda, patut menjadi pengajaran kepada kita semua.

Tuan Yang di-Pertua, Malaysia telah mencapai kemerdekaan selama 3 dekad. Maknanya negara kita kini telah berusia 30 tahun. Sungguhpun kita telah merdeka begitu lama, namun rakyat hari ini masih berpuak-puak sepertimana di zaman sebelum merdeka dahulu. Ini bukanlah sesuatu yang sengaja dihebohkan berlebihan, tetapi adalah hakikat sebenarnya. Tidak perlu diperkatakan sepanjang beberapa tahun ini berbagai usaha besar telah dilakukan oleh Kerajaan, mahupun rakyat untuk menyatupadukan berbagai kaum. Sebagai contoh, Bahasa Melayu telah dipopularkan sebagai bahasa pengantar bagi rakyat Malaysia dari semua keturunan. Perkongsian berbagai kaum dalam perniagaan dan profesion telah dibentuk. Persahabatan tulin di kalangan penuntut-penuntut, rakan-rakan serta jiran-jiran berbagai kaum juga telah dibentuk. Kahwin campur berdasarkan cinta dan kasih sayang sejati antara satu sama lain juga wujud dan sebagainya.

Memang benar usaha-usaha individu dan kolektif telah mempertingkatkan perpaduan antara kaum, malangnya kemajuan masyarakat pelbagai kaum kita adalah umpama permainan "snakes and ladders"—ataupun "ular dan tangga". Sedang usaha-usaha menyatupadukan rakyat berbilang kaum merupakan sebagai tangga keharmonian kaum untuk dipanjat, terdapat pula ular-ular yang sedia menunggu untuk menelan serta menjatuhkannya. Inilah sebabnya

mengapa selepas 3 dekad keharmonian kaum di negara kita masih kurang maju. Siapakah ular-ular ini? Contohnya sabotaj yang dilakukan oleh beberapa orang ahli perniagaan sesuatu kaum terhadap ahli perniagaan dari kaum lain, diskriminasi yang diamalkan oleh beberapa birokrat dari sesuatu kaum terhadap ahli-ahli masyarakat dari keturunan lain serta kata-kata perkauman yang ditulis atau diperkatakan oleh wartawan, penulis, pendidik, mubaligh serta juga ahli-ahli politik.

Izinkan saya bercakap panjang lebar tentang peranan ahli politik. Kita, ahli-ahli politik Malaysia, harus memikirkan bahawa kita adalah pembina negara yang konstruktif. Memang benar kita telah membina banyak tangga bagi keharmonian berbagai kaum. Kita akan terus melakukannya.

Kita mengadakan rumah terbuka kepada kaum lain ketika menyambut hari-hari kebesaran, kita juga melawat ke rumah-rumah mereka apabila mereka menyambut hari kebesaran mereka dan sama-sama merayakannya. Kita memberi bantuan serta pertolongan kepada rakyat dah kaum lain, kita memberi pertolongan kepada semua sedaya-upaya kita.

Dalam ucapan-ucapan kita, kita sering menimbulkan tentang perlunya semua kaum hidup bersama seperti adik-beradik dalam sebuah keluarga bahagia. Sebatiknya kita juga membentuk ular-ular yang menelan keharmonian kaum.

Ketika berucap kepada kaum lain, kita menyuarakan tentang keharmonian pelbagai kaum, tetapi apabila kita berucap kepada orang-orang yang terdiri dari satu kaum yang sama, kita lebih cenderung menekankan tentang kekuatan serta perpaduan kaum kita sendiri. Kadangkala kita memperjuangkan dan mempertahankan hak-hak kaum kita dengan mengeneipkan hak-hak orang

lain. Apabila kita sendirian dengan orang-orang dari kaum kita sendiri sahaja, kita akan terdorong untuk membuat keputusan-keputusan yang berat sebelah dan memihak kepada kaum kita. Paling dahsyat lagi bila diadakan pemilihan dalam parti ataupun pemilihan umum dan kedudukan kita terancam, terang-terang kita akan terdorong untuk bersikap perkauman dalam ucapan dan tindak-tanduk kita. Di waktu sebegini ular-ular dibentuk oleh kita sendiri menjadi ganas, segenas sitedong senduk yang sedang hendak mematak.

Bagaimana boleh kita memenangi permainan snakes and ladders, ular dan tangga, dalam masyarakat Malaysia yang berbilang kaum ini? Jawapannya mudah sahaja. Bina lebih banyak tangga-tangga untuk dipanjat bagi keharmonian kaum dan di samping itu kurangkan pembentukan ular-ular seberapa mungkin. Sebagai menyahut seruan Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong, marilah kita sama-sama berazam untuk menghapuskan sikap talam dua muka dalam tingkahlaku kita. Amalkan sikap berterusterang dan jujur, apapun yang dilakukan atau diucapkan hendaklah tiada berbau perkauman, tidak kira sama ada kaum lain sedang memerhatikan kita ataupun tidak.

Kita teriakkan slogan "Kepimpinan Melalui Teladan" supaya kita dihormati oleh pengundi-pengundi kita, kita sendiri perlu menonjolkan teladan yang baik, jika tidak masyarakat akan memperkatakan bahawa "Lain yang dicakap, lain yang dilakukan".

Tuan Yang di-Pertua, sebelum mengakhiri ucapan saya, saya ingin menyentuh sedikit tentang penahanan di bawah Akta Keselamatan Dalam Negeri baru-baru ini. Oleh kerana ramai dari yang ditahan di bawah Akta Keselamatan Dalam Negeri tahun lalu telah dibebaskan dan masyarakat telah

kembali tenang seperti biasa, saya ingin menyeru kepada Kerajaan agar membebaskan kesemua yang lain yang masih ditahan. Maaf dan lupakan kisah lalu dan marilah kita berusaha sekali lagi untuk mengekal dan memperkukuhkan keharmonian serta perpaduan pelbagai kaum di negara ini.

Dengan ini, dengan segala hormatnya, Tuan Yang di-Pertua, saya menyokong.

Timbalan Yang di-Pertua (Dato' Mohamed Amin bin Haji Daud): Yang Berhormat dari Bachok.

3.57ptg.

Tuan Haji Mohd. Zain bin Abdullah (Bachok): Tuan Yang di-Pertua, terima kasih kerana memberi peluang kepada saya untuk turut serta membahaskan Usul untuk menyembah dan menjunjung kasih kepada Kebawah Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong di atas Titahnya di Dewan yang mulia ini.

Apabila Titah Ucapan yang di Iafazkan oleh Seri Paduka Yang di-Pertuan Agong itu meliputi dan merangkumi segenap bidang iaitu ekonomi, perpaduan, bahasa, pendidikan dan seterusnya mengenai keselamatan dan keamanan negara, ia adalah menunjukkan suatu niat, doa dan harapan yang tinggi dari Seri Paduka bersama-sama pemimpin tertinggi di negara ini untuk melihat dan menyaksikan kesejahteraan dan keharmonian hidup rakyat dari segenap lapisan masyarakat di negara ini.

Tuan Yang di-Pertua, untuk mencapai perpaduan negara program-program mempertingkatkan perpaduan di antara kaum hendaklah diteruskan dari masa ke masa. Sebutan perpaduan memanglah mudah dan sedap bunyinya, tetapi melaksanakan usaha perpaduan amat sulit sekali, ia terpaksa disokong oleh segenap lapisan

masyarakat, oleh setiap kaum atau keturunan dengan penuh jujur dan bertanggungjawab.

Masalah perpaduan adalah masalah menyatukan hati hati terutama hati-hati pelbagai bangsa dan agama di negara kita. Oleh itu ianya menjadi tanggungjawab bersama sama ada Kerajaan dan rakyat seluruhnya.

Jabatan Perpaduan Negara khususnya adalah telah diwujudkan oleh Kerajaan bagi tujuan antara lain ialah untuk mewujudkan perpaduan atau "muhibah" di kalangan semua kaum. Oleh itu pihak Jabatan Perpaduan Negara hendaklah mempertingkatkan serta memperluaskan program-program perpaduan seluas-luasnya melalui aspek-aspek pokok. Kegiatan-kegiatan ke arah mempertingkatkan perpaduan jangka pendek dan jangka panjang hendaklah dilakukan. Ini boleh dilakukan dari Kelas TABIKA, Sekolah, Maktab, Institusi Pengajian Tinggi dan Badan-badan, Jabatan-jabatan dan Agensi-agensi Kerajaan yang lain. Ceramah-ceramah agama yang mudah dan standard di samping menganjurkan Kursus Sivik hendaklah dipergiat dan diteruskan.

Tuan Yang di-Pertua, kita bergembira kerana mendapat tahu bahawa suatu program baru bertujuan memupuk semangat perpaduan di kalangan pelajar-pelajar Sekolah Rendah dan Menengah termasuk Sekolah Rendah Jenis Kebangsaan Cina di seluruh negara akan dilancarkan pada tahun ini. Ini disuarakan sendiri oleh Yang Berhormat Menteri Pendidikan. Yang Berhormat itu selanjutnya menyatakan menerusi program-program itu pelbagai kegiatan termasuk sukan, perkelahan, pertunjukan kebudayaan dan kegiatan-kegiatan lain yang boleh merapatkan hubungan sesama pelajar akan dilaksanakan di semua peringkat.

Kita mengharapkan saranan yang baik dari Yang Berhormat Menteri

Pendidikan itu akan mendapat sambutan dan sokongan yang penuh dari semua pihak termasuk sekolah dan juga Persatuan Ibu Bapa/Guru mudah-mudahan program meningkatkan perpaduan khususnya di kalangan pelajar di seluruh negara akan dicapai.

Tuan Yang di-Pertua, di dalam usaha memperhebatkan semangat cintakan Bahasa Malaysia di kalangan rakyat maka ianya hendaklah digunakan dan bukan hanya tinggal slogan semata-mata. Kalau kita perhatikan sekarang inipun masih terdapat sebahagian daripada pegawai-pegawai tinggi kita kurang menggunakan Bahasa Malaysia semasa bermesyuarat atau semasa berkomunikasi dengan pegawai-pegawai di bawahnya, mereka masih suka menggunakan bahasa penjajah yang sudahpun 30 tahun meninggalkan kita semua.

Para ilmuwan atau pensyarah serta cendekiawan hendaklah memperbanyakkan menulis buku-buku ilmiah ke dalam Bahasa Malaysia bersesuaian dengan Bahasa Malaysia yang sudahpun dijadikan bahasa ilmu.

Tuan Yang di-Pertua, selaras dengan itu juga Kerajaan telah mengisytiharkan tahun 1988 sebagai tahun pembaca di kalangan masyarakat. Kita memang menyokong supaya masyarakat Malaysia akan menjadi masyarakat yang suka membaca, bukan tahun yang membaca. Kita tidak mahu perkara-perkara seperti ini berlalu begitu sahaja. Keberkesanannya hendaklah berlanjutan sehingga tidak ada penghujungnya, sebab membaca atau Iqra' memang suatu arahan yang sungguh lama diperintahkan oleh Allah s.w.t. kepada Nabi Muhammad s.a.w. Oleh itu, kita khususnya sebagai umat Nabi Muhammad hendaklah meneruskan sehingga Kerajaan tidak terlintas lagi hendak mengulangi tahun membaca pada tahun-tahun yang akan datang.

Tuan Yang di-Pertua, mengenai kempen "Gerakan Membaca" dan "Cintailah Bahasa Malaysia" memang mendapat sambutan hangat dan menggalakkan daripada maktab-maktab perguruan di seluruh Malaysia. Baru-baru ini Maktab Perguruan Teknik tidak terkecuali menyahut seruan Kementerian Pendidikan ke arah melahirkan guru-guru yang dapat menguasai Bahasa Melayu dengan baik. Kempen itu bertujuan mewujudkan budaya membaca di kalangan pensyarah dan guru-guru pelatih. Kempen itu juga secara tidak langsung dapat meningkatkan mutu dan memperluaskan penggunaan Bahasa Melayu di kalangan pensyarah dan guru-guru pelatih dengan lebih berkesan. Kempen itu juga memantapkan kedudukan Bahasa Melayu sebagai Bahasa Rasmi, bahasa ilmu dan bahasa perpaduan.

Saya suka mengambil kesempatan di sini mengucapkan setinggi-tinggi tahniah kepada pihak maktab tersebut khususnya kepada Pengetuanya, Encik Nawawi yang telah berjaya melancar dan mengadakan gerakan yang baik itu mudah-mudahan pihak-pihak lain akan mengikut jejak langkah maktab tersebut.

Tuan Yang di-Pertua, usaha-usaha Kerajaan untuk menerapkan nilai-nilai Islam di dalam Perkhidmatan Awam memanglah suatu usaha yang patut dipuji dan disokong sepenuhnya kerana ia merupakan suatu pendekatan yang berkesan ke arah mencapai perkhidmatan yang bersih, cekap dan amanah. Oleh itu, pihak Pusat Islam hendaklah mempertingkatkan usaha untuk memberi kefahaman atau tasawur Islam terutama nilai-nilai Islam yang murni kepada pegawai-pegawai dan kakitangan Kerajaan. Mengenai pegawai-pegawai, tumpuan juga hendaklah diberi kepada pegawai-pegawai Superscale kerana apa yang diketahui bahawa pegawai-pegawai yang menghadiri kursus-kursus atau

ceramah-ceramah agama adalah terdiri daripada pegawai-pegawai yang telah pun berminat untuk mendengar ceramah agama sedangkan pegawai-pegawai yang tidak berminat tidak berpeluang mendengar tentang kebaikan nilai-nilai Islam. Oleh yang demikian, saya sarankan supaya ketua-ketua jabatan juga perlu mencalonkan pegawai-pegawai yang nampaknya kurang berminat ke arah Islam untuk menghadiri kursus atau penerangan-penerangan mengenai Islam anjuran Pusat Islam. Kalau tidak ada arahan yang tegas maka usaha-usaha Kerajaan untuk menerapkan nilai-nilai Islam di dalam pentadbiran adalah kurang berkesan.

Tuan Yang di-Pertua, mengenai ceramah-ceramah agama di jabatan-jabatan Kerajaan, kita dapati di setengah jabatan mengadakan ceramah atau kuliah agama tersebut pada waktu pejabat. Kehadirannya memang menggalakkan. Tetapi di setengah-setengah jabatan, ceramah-nya atau kuliahnya ditetapkan pada waktu rehat, maka kehadiran adalah terdiri daripada golongan kecil atau peringkat bawah sahaja. Pegawai-pegawai yang lain yang lebih tinggi kehadirannya kurang menggalakkan. Saya syorkan supaya diselaraskan kuliah itu hendaklah dijalankan pada waktu pejabat.

(Tuan Yang di-Pertua *mempengerusikan Mesyuarat*)

Tuan Yang di-Pertua, sehubungan dengan itu mengenai kursus kefahaman Islam baru-baru ini yang telah diadakan oleh Pusat Islam.

Dr Eng Seng Chai: (*Bangun*)

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat dari Petaling Jaya, ya.

Dr Eng Seng Chai: Kuorum tidak cukup.

Tuan Yang di-Pertua: Peraturan Mesyuarat 13(1). Setiausaha, sila kira—18, tidak cukup kuorum. Sila bunyikan loceng.

(Loceng dibunyikan: Ahli-ahli dikira, 35 Ahli hadir).

Tuan Haji Mohd. Zain bin Abdullah: Tuan Yang di-Pertua, subungan dengan itu, sewaktu kursus kefahaman Islam baru-baru ini yang telah diadakan oleh Pusat Islam untuk pegawai Kumpulan A, saya diberitahu bahawa kursus tersebut nampaknya tidak berjaya kerana sebilangan kecil sahaja yang hadir dalam kursus itu.

Mengenai isu Palestin memang kita menyokong penuh supaya rakyat Palestin diberi kebebasan untuk menentukan masa depan mereka. Kita menyokong penuh perjuangan rakyat Palestin untuk mengembalikan hak mutlak mereka di bumi Palestin di antaranya dapat menubuhkan Tabung Rakyat Palestin. Dalam pada itu kita jangan lupa, kita juga menyokong perjuangan Mujahiddin Afghanistan untuk mengembalikan tanahairnya dari belunggu Russia dan kuncukuncunya. Oleh itu, satu Tabung Alghanistan juga patut ditubuhkan segera.

Tuan Yang di-Pertua, perkhidmatan yang cekap. Untuk mencapai kecekapan dalam Perkhidmatan Awam Kerajaan, satu dahpada jalannya hendaklah mempercepatkan penyatuan dua Perkhidmatan Awam iaitu di antara Pegawai Tadbiran Am (PTA) dan Pegawai Tadbir dan Diplomatik (PTD). Selagi pihak Kerajaan melenggang-lenggang untuk mencari jalan penyelesaian maka akan berlakulah ketidakadilan serta pilihkasih kepada kedua perkhidmatan pegawai yang mana dari segi senarai tugasnya serta kelulusannya adalah sama tetapi dari segi kenaikan pangkat pegawai Tadbiran Am (PTA) telah diabaikan. Sekian, terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua: Ahli Yang Berhormat dari Petaling Jaya.

4.08 ptg.

Dr Eng Serig Chai (Petaling Jaya): Tuan Yang di-Pertua, saya bangun menjunjung terima kasih juga atas Titah Ucapan Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong dan juga menyampaikan sepatah dua kata.

Tuan Yang di-Pertua, Titah Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong disediakan oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri dan pihak Kerajaan Barisan Nasional. Tetapi dikesali Titah Ucapan Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong telah diperalatkan menjadikan satu seruan kepada rakyat menyokong kepimpinan Perdana Menteri Dato' Seri Dr. Mahathir bin Mohamad sahaja.

Sepatutnya

Tuan Haji Bujang bin Haji Ulis: *(Bangun)*

Tuan Yang di-Pertua: Ada yang bangun.

Tuan Haji Bujang bin Haji Ulis: Saya lupa peraturannya, tetapi Yang Berhormat ini menyentuh mengenai Titah Ucapan Agong. Ini macam mana?

Dr Eng Seng Chai: Saya katakan ucapan ini disediakan oleh pihak Kerajaan Barisan Nasional. Saya tidak akan sentuh hak-hak Agong. Saya akan sentuh hak Kerajaan sahaja.

Sebenarnya Duli-duli Yang Maha Mulia Raja-raja Negeri adalah Raja untuk semua rakyat tanpa kira politik-politik keahlian mereka. Walaupun boleh kita jadi ahli DAP, ahli PAS atau ahli UMNO. Duli-duli Yang Maha Mulia semua Raja-raja adalah Raja untuk semua rakyat dan mengikut Perlembagaan Negara kita

mereka tidak bercampur dalam bidang politik parti-parti. Sebab begitu sudahlah pihak Barisan Nasional mengambil kesempatan melibatkan Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong dan saya suruh Dewan yang mulia ini sepatutnya mengingatkan Yang Amat Berhormat Perdana Menteri memberi amaran kepada Kerajaan Barisan Nasional janganlah bersikap melibatkan Raja-raja dalam bidang politik kebangsaan. Sepatutnya kita memang patut ikut nasihat dan pendapat Perdana Menteri pertama negara kita selaku Bapa Malaysia iaitu Yang Teramat Mulia Tunku Abdul Rahman yang memberi nasihat, sepatutnya semua Raja-raja menjauhi diri mereka daripada politik di negara ini yang sekarang, pada masa ini adalah dalam satu masa pertikaian dan pergolakan yang hebat, sebab Duli-duli Yang Maha Mulia Raja-raja tidak tahu pada satu masa yang akan datang barangkali parti PAS akan jadi Kerajaan, barangkali parti DAP akan jadi Kerajaan, mana tahu barangkali Team "B" akan jadi Kerajaan. Apakah kita akan buat jika Raja-raja hari ini campur dan seru rakyat menyokong kepemimpinan Dato Seri Dr Mahathir sahaja?

Saya akan beri satu petikan, saya quote apa yang diberi oleh seorang statesman yang terkenal iaitu Bismark, dia kata, dengan izin, "The King reigns but does not govern!" Maknanya Raja-raja bersemayam merajai sahaja, tidak perintah. Saya harap nasihat ini akan diambil oleh Kerajaan Barisan Nasional.

Saya beralih kepada perkara politik-politik hari ini. Pada 4hb Februari, 1988 Mahkamah Tinggi telah mengisytiharkan UMNO sebagai parti yang tidak sah, sebagai parti yang haram, mengekori itu memang benar Presiden UMNO pun seorang Presiden UMNO yang tidak sah, macam itu Barisan Nasional yang dianggotai dan dik tuai oleh UMNO

pun satu Barisan Nasional yang tidak sah.

Barisan Nasional ditantik oleh rakyat pada satu ketika sebelum pengisytiharan ini dibuat maka sudahlah pengisytiharan dibuat sekarang, jadikan Barisan Nasional sebagai satu Kerajaan yang tidak sah, yang haram dan sepatutnya mengikut Demokrasi Berparlimen bekas Presiden UMNO, bekas Ketua Barisan Nasional yang ikut tabiat jadi Perdana Menteri sepatutnya dia memulangkan kepada Dewan yang mulia ini untuk mendapat satu undi kepercayaan, keyakinan di mana kepimpinannya boleh disahkan lagi sekali tetapi kita dapatlah banyak perhimpunan raksaksa sahaja di luar Dewan ini di mana ikrar sokongan diberi.

Saya bertanya apakah gunanya? Yang penting satu undi kepercayaan, satu undi keyakinan patut diambil di Dewan yang mulia ini mengikut tradisi-tradisi Parliamentary Democracy. Mengapa pada hari ini kita tidak dapat satu undi kepercayaan dalam Dewan yang mulia ini?

Tahukah pihak Barisan Nasional atau bekas Barisan Nasional perkara ini sudah jadi satu bahan yang ketawa, satu kecemuhan

Tuan Abdul Rahman bin Bakar:
(Bangun)

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat dari Marang bangun. Hendak apa?

Tuan Abdul Rahman bin Bakar:
Minta penjelasan.

Dr Eng Seng Chai: Tidak beri jalan.

Tuan Yang di-Pertua: Tidak beri jalan.

Tuan Abdul Rahman bin Bakar:
Takut.

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat.

Dr Eng Seng Chai: Tarik balik, jangan kata takut.

Tuan Yang di-Pertua: Ya, sila teruskan.

Dr Eng Seng Chai: Adakah hari ini kita amalkan praktik-praktik Demokrasi Berparlimen? Saya harap tidak lama lagi kita akan dapat satu perbuatan undi

Tuan Zubir bin Embong: (*Bangun*)

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat dari Kuala Terengganu bangun.

Dr Eng Seng Chai: Apakah dia hendak?

Tuan Zubir bin Embong: Minta penjelasan.

Dr Eng Seng Chai: Tidak beri, Tuan Yang di-Pertua. Saya harap untuk meningkatkan keyakinan dan kepercayaan orang pelabur-pelabur tempatan dan asing, kita akan dapat satu bekas Perdana Menteri Barisan Nasional yang tidak sah memulang balik kepada Dewan ini dengan secepat mungkin. Adakah kita akan diberi peluang menganggap keputusan pilihanraya kecil Tanjong Puteri adalah satu peringat pertama di mana kita akan percayasesakin lama

Tuan Abdul Rahman bin Bakar: (*Bangun*)

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat dari Marang bangun pula. Minta apa?

Tuan Abdul Rahman bin Bakar: Penjelasan.

Dr Eng Seng Chai: Tidak beri jalan.

Semakin lama semakin kekurangan penyokong-penyokong Barisan Nasional dan semakin kekurangan

keyakinan orang-orang pelabur atas , kepimpinan Perdana Menteri Dato' Seri Dr Mahathir.

Tuan Zubir bin Embong: (*Bangun*)

Tuan Yang di-Pertua: Ya, Yang Berhormat dari Kuala Terengganu bangun.

Dr Eng Seng Chai: Tidak beri jalan, Tuan Yang di-Pertua.

Tuan Yang di-Pertua: Sebab apa bangun?

Tuan Zubir bin Embong: Minta, penjelasan.

Dr Eng Seng Chai: Hari ini tidak beri jalan, semua tidak beri jalan.

Tuan Zubir bin Embong: Dia cepat jawab tidak beri jalan. Takutlah!

Dr Eng Seng Chai: Janganlah kata takut-takut. Apa takut? Nanti you ada peluang.

Tuan Zubir bin Embong: Berani, berilah.

Dr Eng Seng Chai: Tuan Yang di-Pertua, sudah cukup saya sentuh atas hal ini. Saya harap ini akan jadi hal yang bekas Ketua Barisan Nasional yang tidak sah akan buat satu keputusan dalam Dewan ini.

Saya beralih kepada perkara, hal-hal ISA dan Karpal Singh. Pada hari R a b u

Tuan Zubir bin Embong: (*Bangun*)

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat dari Kuala Terengganu bangun pula. Minta apa?

Tuan Zubir bin Embong: Minta penjelasan.

Tuan Yang di-Pertua: Minta penjelasan!

Dr Eng Seng Chai: Saya sudah kata, Tuan Yang di-Pertua, saya tidak beri jalan hari ini. Sebab masa tidak cukup, tidak beri jalan.

Tuan Zubir bin Embong: Tidak beri ttdak apalah. Takut.

Dr Eng Seng Chai: Pada hari Rabu, hari bulan 9, bulan ini kita menyaksi satu perkara yang memalukan maniah negara kita dan juga memalukan maruah Judiciary, dengan izin, negara kita. Selepas Mahkamah Tinggi membebaskan Saudara Ahli Yang Berhormat dari Jelutong dari tahanan ISA, 7 jam kemudian dia ditangkap semula atas tuduhan-tuduhan di bawah Akta Keselamatan Dalam Negeri (ISA). Adakah ini demokrasi?

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat dari Marang bangun.

Tuan Abdul Rahman bin Bakar: Minta penjelasan, Tuan Yang di-Pertua.

Dr Eng Seng Chai: Saya tak beri jalan.

Tuan Abdul Rahman bin Bakar: Mengapa tak beri jalan?

Tuan Yang di-Pertua: Ahli Yang Berhormat, dia tak beri jalan.

Dr Eng Seng Chai: Apakah demokrasi hari ini

Tuan Yang di-Pertua: Ahli-ahli Yang Berhormat dari Kuala Terengganu dan Marang, sila duduk.

Dr Eng Seng Chai: Seorang ahli politik yang terkenal ada mengatakan: "While democracy must have its organization and its controls, its vital breath is individual liberty".

Adakah pada hari ini kita terdapat kebebasan perseorangan? Tidak. Kita pun tidak beri penghormatan

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat dari Arau bangun.

Dr Eng Seng Chai: Saya tidak beri jalan, Tuan Yang di-Pertua. Pada hari ini kita pun tidak beri penghormatan kepada Judiciary kita. kepada keputusan Mahkamah kita. "The execution of laws", dengan izin, Tuan Yang di-Pertua, saya quote juga, dalam satu negara demokrasi, dengan izin, "the execution of laws is more important than the making of them". Ini adalah oleh seorang Presiden Amerika Syarikat, Jefferson dan juga ada dikatakan, dengan izin, "The administration of justice is the firmest pillar of Government". Ini juga disebut oleh President George Washington. Tetapi kita hanya kata-kata sahaja bahawa kita amalkan praktik-praktik demokrasi, tetapi kita tidak i k u t

Tuan Zubir bin Embong: Point of order!

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berbormat dari Petaling Jaya, duduk sekejap.

Dr Eng Seng Chai: Saya tidak beri jalan.

Tuan Zubir bin Embong: Point of order, tak beri jalan juga?

Dr Eng Seng Chai: Kalau point of order, boleh.

Tuan Zubir bin Embong: Point of order 36 (10) (b). Tuan Yang di-Pertua. adalah salah pada peraturan menggunakan perkataan-perkataan yang membangkitkan perasaan melawan kuasa Kerajaan. Pada pandangan saya ucapan Ahli Yang Berhormat dari Petaling Jaya itu adalah seolah-olah mahu menanamkan perasaan supaya bangkit melawan Kerajaan kerana tuduhan-tuduhan seperti tidak demokrasi, tidak menghormati Mahkamah, tidak menghormati hak kebebasan

Dr Eng Seng Chai: Tuan Yang di-Pertua, itu ucapan.

Tuan Zubir bin Embong: Ini hujah saya.

Dr Eng Seng Chai: Sudah buat point of order, sudahlah.

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat dari Petaling Jaya, saya membenarkan dia berucap.

Tuan Zubir bin Embong: Jadi, semua perkataan-perkataan itu seolah-olah menanamkan perasaan untuk membangkitkan perasaan supaya melawan dan menentang Kerajaan dan ini tidak dibenarkan di bawah Peraturan Mesyuarat 36 (10) (b). Saya minta dengan rendah diri supaya Tuan Yang di-Pertua dapat diberikan satu ruling terhadap permintaan saya.

Tuan Yang di-Pertua: Ruling saya ialah perkataan-perkataan ini lazimnya dibenarkan di dalam Parlimen.

Sila, Yang Berhormat dari Petaling Jaya teruskan. (*Tepuk*)

Dr Eng Seng Chai: Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua. Inilah demokrasi. Yang tidak demokrasi adalah pemerintahan dengan kuku besi di mana semua penghormatan kepada pihak Judiciary dan pihak Legislature tidak diberi. Inilah Legislature, berilah penghormatan kepada saya yang sedang berucap. Ada juga dikatakan, "Where law ends, there tyranny begins" and that is by a famous Prime Minister, William Pitt—"Where law ends, there tyranny begins". Adakah ini keadaan sebenar hari ini dengan penahanan 119 orang pemimpin-pemimpin politik dan pemimpin-pemimpin masyarakat?

Tuan Zubir bin Embong: Oleh kerana dia membuat satu quotation

daripada William Pitt,—saya hendak minta penjelasan. Boleh?

Tuan Yang di-Pertua: Minta penjelasan, hendak beri jalan?

Dr Eng Seng Chai: Tak beri.

Tuan Zubir bin Embong: Tak boleh! Jahillah kalau macam itu.

Dr Eng Seng Chai: Jangan cabar-cabar. Nanti you boleh.

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat dari Petaling Jaya, sila teruskan. Masa Yang Berhormat sudah cukup, saya beri dua minit lagi.

Dr Eng Seng Chai: Ada injury time, Tuan Yang di-Pertua. Sudah begitu banyak gangguan. Sebenarnya penahanan pemimpin politik dan pemimpin masyarakat tujuannya adalah mempunyai "undang di sebalik batu" untuk meningkatkan. . . .

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat dari Marang bangun pula.

Dr Eng Seng Chai: Jangan kacaulah!

Tuan Abdul Rahman bin Bakar: Minta penjelasan. Saya merayulah, berilah.

Dr Eng Seng Chai: Saya tidak beri hari ini.

Tuan Abdul Rahman bin Bakar: Merayulah!

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat dari Marang, dia tak beri jalan, sila duduk. Itu peraturan mesyuarat.

Dr Eng Seng Chai: Ada dikatakan dan juga ada maklumat penentang-penentang Kerajaan yang ditahan sekarang tidak diberikan layanan yang sesuai dengan hak-hak kemanusiaan mereka, bilik kecil tertutup semua dinding, makanan tak memuaskan, tak cukup dan lagi di pusat tahanan

polis di Batu, Ipoh, ada bilik dengan revolving mirrors, dengan ada bilik air batu, ice room.

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat dari Arau bangun.

Tuan Shahidan bin Kassim: Saya minta jalan.

Dr Eng Seng Chai: Ada bilik merah, ada bilik hitam dan juga saya, Ketua Pembangkang, Yang Berhormat dari Jelutong.

Tuan Zubir bin Embong: Point of order. Masa 2 minit sudah cukup, Tuan Yang di-Pertua.

Tuan Yang di-Pertua: Sila gulung.

Dr Eng Seng Chai: Saya akan gulung, Tuan Yang di-Pertua. Kita bukannya musuh-musuh dan pengkhianat negara yang kita cintai ini. Kita orang patriotik, kita taat setia kepada negara ini, mengapakah kita dianggap sebagai musuh-musuh negara? (*Tepuk*).

Tuan Abdul Rahman bin Bakar: (*Bangun*)

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat, apa yang bendak minta penerangan.

Tuan Abdul Rahman bin Bakar: Saya hendak minta penjelasan sedikit.

Dr Eng Seng Chai: Tak beri jalan.

Tuan Yang di-Pertua: Dia tak beri jalan.

Dr Eng Seng Chai: Kita berharap Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong akan tubuhkan satu Suruhanjaya Di-Raja untuk siasat.

Tuan Yang di-Pertua: Ya, Marang bangun pula.

Dr Eng Seng Chai: Tak beri jalanlah.

Tuan Abdul Rahman bin Bakar: Tuan Yang di-Pertua, masa sudah cukup.

Dr Eng Seng Chai: untuk siasat perkara itu, Tuan Yang di-Pertua. Saya hendak gulung, saya sekarang sedang gulung.

Tuan Abdul Rahman bin Bakar: Sudah cukup masa, gulung macam mana?

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat dari Marang, itu hak saya.

Dr Eng Seng Chai: Perkaraperkara berkenaan penahanan ISA dan juga layanan-layanan yang diberi kepada orang-orang yang ditahan dalam pusat-pusat tahanan dan juga di Kem Kamunting.

Pada akhirnya saya akan berikan satu lagi quotation—pada hari ini banyak quotation, Tuan Yang di-Pertua—yakin: "Freedom—those who deny freedom to others deserve it not for themselves and under a just God will not long retain it"—ini oleh President Lincoln dan saya harap Tuhan ada mata dan kita akan dapat satu penyelesaian yang adil pada masa yang akan datang. Sekian, terima kasih, Tuan Yang di-Pertua.

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat dari Simunjan.

4.30 ptg.

Tuan Haji Bujang bin Haji Ulis (Simunjan): Tuan Yang di-Pertua, saya mohon bersama-sama mengambil bahagian dalam perbahasan mengenai Ucapan Di-Raja yang disampaikan di Dewan yang mulia ini.

Saya bermula dengan memberitahu Dewan bahawa saya mula-mula menjadi Ahli Dewan Rakyat dalam tahun 1978. Semenjak itu hingga sekarang saya sudah menjadi Wakil Rakyat selama lebih kurang 10 tahun dan banyak macam perkara yang telah

saya harungi, saya rasai sebagai Wakil Rakyat dan banyak pengalaman yang telah saya lalui.

Apa yang ingin saya sentuh mengenai perkara ini ialah mencadangkan sedikit-sebanyak supaya kewujudan Dewan Rakyat dan Wakil Rakyat sebagai sebuah tempat yang boleh digunakan oleh Wakil Rakyat meluahkan perasaan dan hasrat rakyat di samping hasratnya sendiri benar-benar menjadi satu kenyataan. Setelah menjadi Wakil Rakyat begitu lama, saya mendapati bahawa adalah perlu untuk kita mengkaji semula, meneliti akan fungsi Wakil Rakyat akan cara-cara bagaimana Wakil-wakil Rakyat itu diberi untuk meluahkan hasrat rakyat supaya hasrat rakyat itu dapat didengar dengan berkesan dan supaya rakyat yang diwakili oleh Wakil-wakil Rakyat dapat menjadi perkara yang lebih berkesan.

Tuan Yang di-Pertua, apa yang perlu saya rasa ialah untuk kita menentukan sama ada benar-benar Dewan Perundangan seumpama ini adalah satu Dewan Perundangan yang absolute dari segi kuasa, dalam bahasa Inggeris, dengan izin, is it absolutely an independent agency, ataupun independent element in a democratic system ataupun tidak. Kalau tidak, kita perlu mengkaji cara-cara bagaimana menjadikan ianya satu badan yang benar-benar bebas.

Keduanya, adakah kita dengan menjadi Wakil Rakyat di Dewan Rakyat ini, dengan izin, is it absolutely a democratic agency, dalam sistem demokrasi? Saya mengemukakan perkara ini kerana saya rasa kita telah mengamalkan sistem demokrasi begitu lama dan didapati bahawa Peraturan Mesyuarat yang ada menggambarkan perlunya kita mengubahsuai, terutama sekali dengan bertambahnya Ahli-ahli Dewan yang kadangkala, misal kata, masa bercakap terpaksa disekat sedangkan begitu banyak perkara

yang harus diluahkan oleh seorang Wakil Rakyat tetapi pada hari ini misalnya, saya bercakap hanya lebih kurang 10 minit. Gambarkan betapa kurangnya masa untuk Wakil Rakyat seumpama kita ini meluahkan hasrat rakyat, kehendak rakyat supaya didengar oleh pihak yang memimpin kita, supaya dapat apa yang diluahkan ini didengar dan hasrat itu atapun apa yang di-perlukan, dilaksanakan di kawasan-kawasan yang kita wakili.

Tuan Yang di-Pertua, begitu juga soalan-soalan di Parlimen. 10 tahun yang lepas seorang Ahli Parlimen hanya boleh menyoal 20 soalan, ditambah dengan 5 Soalan Bertulis. Sekarang pun begitu juga, sedangkan pertambahan Ahli-ahli Parlimen berlaku. Dahulu tidak sampai 100 ahli—20 soalan dan 5 Soalan Bertulis—boleh. 150 orang Ahli Parlimen—begitu juga. Masa kini 170 orang Ahli Parlimen, soalnya masih 20 dan ditambah 5 lagi sebagai Soalan Bertulis.

Tuan Yang di-Pertua, begitu jugalah apa yang beriak mengenai masa mesyuarat dan juga peluang-peluang yang diberikan untuk menyoal—gambarkanlah. Dahulu saya menjadi Timbalan Menteri, untuk menjawab satu soalan mengambil masa lebih kurang 2 minggu untuk menghubungi jabatan-jabatan Kerajaan di Sarawak, Sabah dan pegawai-pegawai yang bersangkutan bekerja bertungkus-lumus untuk menyediakan jawapan, tiba-tiba masa Soal Jawab, tidak keluar dan yang menyoalpun begitu juga, kecewa. Mungkin harapannya supaya kalau keluar soalan, maka keluarlah gambaraya dalam kaca televisyen. Kepada saya itu tidak perlu, tetapi mungkin ada Wakil rakyat menganggap bahawa itu perlu supaya menunjukkan kepada yang memilih mereka itu bahawa mereka benar-benar bekerja sebagai Wakil Rakyat.

Begitu juga di bidang-bidang meluaskan undang-undang atau Rang Undang-undang di Dewan Rakyat ini. Kita selama ini menggunakan sistem menukarkan, kalau di peringkat Jawatankuasa kita tukarkan menjadikan seluruh Dewan ini sebagai Jawatankuasa. Kenapa tidak, untuk menjadikan satu perbincangan yang terperinci, menjadikan perbincangan Rang Undang-undang ini satu perbincangan yang mendalam, kenapa kita tidak mewujudkan Jawatankuasa tertentu, misalnya Jawatankuasa Luar Negeri, Jawatankuasa Ekonomi dan sebagainya supaya apa yang kita bincangkan itu bukan hanya mengikut apa yang telah dipersetujui oleh pihak Eksekutif, pihak Menteri, pihak Kabinet, tetapi dapat dipertimbangkan oleh Ahli-ahli Dewan Rakyat yang mewakili rakyat di negara kita ini.

Tuan Sim Kwang Yang: (Bangun)

Tuan Yang di-Pertua; Yang Berhormat dari Bandar Kuching minta penjelasan.

Tuan Haji Bujang bin Haji Ulis: Ya.

Tuan Sim Kwang Yang: Tuan Yang di-Pertua, saya ingin Yang Berhormat dari Simunjan untuk menjelaskan sama ada langkah diambil untuk menarik lagi perhatian ke atas peranan Parlimen iaitu menyiarkan perjalanan atau sidang Dewan Rakyat melalui televisyen dan radio secara langsung supaya sekurang-kurangnya rakyat Malaysia boleh memutuskan sama ada mereka suka atau tidak suka, seperti sekarang ini, satu Menteri pun tidak ada, satu Timbalan Menteri sahaja dan dua orang Setiausaha Parlimen. Ini rakyat mungkin boleh memberi tekanan kepada pihak Eksekutif supaya memberi lagi besar tekanan ke atas Parlimen sendiri supaya memainkan peranan yang lebih besar.

Tuan Haji Bujang bin Haji Ulis: Tuan Yang di-Pertua, kalau saya dipohon untuk menjawab, saya rasa

belum sampai masanya. Saya takut nanti, kawan-kawan kita yang dipilih oleh rakyat itu tertidur, kemudian dilihat oleh rakyat di seluruh negara bahawa ada juga Wakil Rakyat yang tertidur. Itu mungkin bukan sebab yang besar tetapi saya rasa.

Tuan Zubir bin Embong: (Bangun)

Tuan Yang di-Pertua: Ahli dari Kuala Terengganu bangun.

Tuan Haji Bujang bin Haji Ulis: Ya, sila.

Tuan Zubir bin Embong: Tuan Yang di-Pertua, penjelasan. Adakah Yang Berhormat dari Simunjan terfikir, agak-agaknyalah, apakah cadangan yang dibuat oleh Yang Berhormat dari Kuching itu mempunyai niat yang lain ataupun dalam peribahasa Melayu, "Ada udang di sebalik batu", kerana dia sudah tidak boleh menggunakan media-media seperti radia, televisyen untuk mempropagandakan politik DAP. Nasib baik Yang Berhormat tidak setuju. Cadangan itu adalah untuk mempergunakan platform dalam Dewan ini sebagai satu cara untuk mempropaganda kepada rakyat jelata yang jahil, yang tidak mengerti apa-apa, politik DAP. Adakah Yang Berhormat dari Simunjan bersetuju? Saya kira bersetuju agaknya.

Tuan Haji Bujang bin Haji Ulis: Saya rasa itu perlu saya kajilah sama ada bersetuju atau tidak, kerana kita ini kadang-kadang terbawa dengan perasaan juga. Cadangan DAP itu saya tidak setuju 100%, masanya belum tiba kerana saya telah berfikir panjang-panjang soal mempamerkan dalam televisyen seperti di Singapura. Saya fikir belum sampai masanya. Minta maaf sahaja saudara saya dari Bandar Kuching.

Kepada saudara saya daripada Kuala Terengganu, saya tidak tahulah hendak menggambarkan dalam isi hati seseorang manusia. Kalau niatnya

jahat, jahatlah—"innamal akmalubinniat". Sabda Rasulullah s.a.w., dengan izin, "tiap-tiap amal perbuatan kita itu adalah disertai dengan niat". Kalau niat kita jahat—jahatlah, niat kita baik, baiklah. Tetapi apa yang saya sarankan ialah untuk memperbaiki keadaan dan sistem yang ada di negara kita ini.

Tuan Yang di-Pertua, saya minta casualty time. Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong telah menyarankan supaya rakyat bersatu-padu. Ini semestinya mendapat sokongan dari seluruh rakyat dan ini selaras dengan menyemaikan nilai-nilai Islam dalam negara kita ini. Kerana Firman Allah s.w.t. yang maksudnya "Hai sekalian manusia, sesungguhnya Aku menjadikan kamu daripada lelaki dan perempuan, kemudian dijadikan kamu itu berkabilah-kabilah, berbangsa-bangsa, berkaum-kaum supaya kamu kenal mengenali di antara satu dengan yang lain. Sesungguhnya yang paling mulia di sisiKu ialah mereka yang paling bertaqwa di antara kamu".

Jadi jelas kepada kita, bahawa ini menghendaki kita bukan hanya di kalangan orang Islam sahaja bersatu-padu tetapi orang Islam dan bukan Islam sama-sama bersatu-padu. Yang mesti kita ingat ialah sesuatu yang kita buat ke arah mewujudkan perpaduan; tidak seharusnya disalahgunakan sehinggakan perpaduan yang kita tuju tetapi perpecahan yang kita perolehi. Dan ini perlu tanggungjawab bukan hanya daripada pihak yang kita pimpin tetapi pihak yang memimpin juga mesti menyedari bahawa ada kalanya kita perlu meneliti dengan lebih mendalam akan tanggungjawab yang telah kita pegang sama ada apa yang telah kita jalankan membawa perpecahan ataupun membawa perpaduan.

Saya sentuh juga mengenai perlunya pihak Kerajaan Persekutuan mengambil kira akan apa yang berlaku diperingkat negeri, di peringkat daerah

sama ada apa yang dilakukan oleh agensi-agensi Kerajaan di sana, Kerajaan Negeri, Jabatan-jabatan Kerajaan selaras dengan hasrat Kerajaan untuk mewujudkan perpaduan di kalangan kaum di negara kita ini dengan harapan supaya kestabilan itu wujud.

Misal kata saya baru-baru ini terdengar Yang Amat Berhormat Ketua Menteri Sarawak mengumumkan bahawa bandar Kuching akan diberi city status. Saya mengalu-alukan pengumuman ini.

Satu lagi pengumuman ialah dengan wujudnya city status itu kata Yang Amat Berhormat Ketua Menteri akan adakan dua orang Datuk Bandar. Seorang mewakili kaum Cina, seorang mewakili kaum Melayu di Petra Jaya. Jadi kalau ada kosong saya mohon satu jawatanlah kalau dapat.

Tetapi saya menyarankan, mengingatkan apakah ini tidak difikirkan akan precedent, dengan izin. Dengan izin lagi, is it not a bad precedent? Yang kita takut kalau sudah jadi precedence nanti di masa yang akan datang kaum Cina minta Ketua Menteri dua. Seorang mewakili kaum Tionghua, seorang mewakili kaum Melayu. Dan seorang lagi minta kaum Iban. Minta satu Ketua Menteri kaum Iban. Jadi, saya takut, saya mintalah kalau dapat Kerajaan Persekutuan mengambil kira apa yang berlaku ini supaya precedent ini tidak menjadi precedent yang tidak baik. Kalau baik, Alhamdulillah. Kalau baik, saya pun hendak minta satu jawatan kalau ada kosong. Tetapi repercussionsnya itu, dengan izin, nanti akan membawa perpecahan kepada kaum, satu minta ini kita layan, satu kaum minta ini, kita layan sehinggakan harapan kita mewujudkan perpaduan akan membawa perpecahan. Semuanya berkecai bak kaca terhempas ke batu.

Tuan Yang di-Pertua, satu lagi perkara yang ingin saya sentuh di sini ialah perpaduan menerusi bahasa. Memang saya sanjung tinggi saranan Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong. Kita harus menghargai akan harapan ini dan berharap semuanya akan berjalan dengan lancar dan licin dan supaya bahasa itu menjadi satu element, satu unsur ke arah menyatu-padukan bangsa, rakyat di negara kita ini. Yang saya ingin sarankan ialah:

- (1) Tidak seharusnya perkara ini dipersoalkan oleh mana-mana pihak. Kerana niat kita melaksanakan dasar bahasa ialah niat suci iaitu untuk menggunakannya sebagai satu alat perpaduan bangsa Malaysia keseluruhannya.
- (2) Kerajaan dalam usahanya untuk menjadikan Bahasa Malaysia ini sebagai alat perpaduan hendaklah tegas dalam melaksanakan dasar ini walaupun bahasa kedua, bahasa Inggeris perlu tetapi janganlah kita merendah-rendahkan, meninggalkan, membelakangkan; Bahasa Malaysia hendaklah dilaksanakan dengan tegas.
- (3) Jauhilah dari amalan oleh pihak Menteri-menteri misal kata, Timbalan-timbalan Menteri, orang-orang besar yang masih lagi mengagungkan bahasa Inggeris di mesyuarat-mesyuarat besar. Misal kata ramai orang suka bercakap bahasa Inggeris kerana seolah-olah kononnya kalau menggunakan bahasa Inggeris kita punya kualiti keelitan kita itu nampak. Jadi lupakan perkara ini. Dalam kita berusaha untuk menjadikan Bahasa Malaysia sebagai satu bahasa rasmi, perpaduan, kita hendaklah jauhkan daripada tabiat semacam ini.
- (4) Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan saya rasa setakat ini belum lagi melaksanakan dengan berkesan akan papan-papan tanda di kedai-kedai yang masih lagi ditulis dalam bahasa-bahasa bukan Bahasa Malaysia. Jadi saya berharap supaya Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan akan bertindak tegas untuk menentukan soal bahasa ini satu soal yang serius dan perlaksanaannya hendaklah berjalan dengan berkesan.
- (5) Kementerian Pendidikan, saya rasa tidak seharusnya berganjak dalam melaksanakan dasar ini supaya tegas. Dan dalam merancang kurikulum, merancang bahan-bahan bacaan hendaklah perkara ini diambil kira dengan serius supaya pelaksanaan Bahasa Malaysia di peringkat sekolah, di peringkat universiti dan lain-lain akan mendapat kejayaan.
- (6) Dalam kita melaksanakan dasar bahasa, jangan lupa bahawa kita harus memperkayakan Bahasa Malaysia. Memperkayakan pertamanya dengan menggunakan bahasa baku yang sekarang diperkatakan oleh Menteri Pendidikan dan Timbalan Menteri. Bahasa baku mungkin mempunyai unsur-unsur bahasa yang sebenar, yang asli dari segi sebutan, ejaan dan sebagainya. Jadi oleh kerana itu jangan lupa asal usulnya. Macam bahasa Arab perlu kita kaji dan tulisan jawi itu jangan kita lupa kerana kadangkala DBP lupa dari mana asalnya ejaan ini. Macam misal — m-i-s-a-l, contohnya, dalam bahasa Arab dia bukan "mim-ya-sim-lam" bukan; tetapi "se". Jadi ada discrepancy dalam sistem itu. Yang kedua, membanyakkan bahasa itu

dengan menokok tambah dengan bahasa-bahasa lain, terutama bahasa-bahasa tempatan semacam bahasa Iban. Di Sarawak sudah digunakan majlis rasmi makan tengah hari sudah digunakan "Merarau". Merarau ertinya makan tengah hari. Dalam bahasa Iban dengan izin, "makai tengah hari" — itu sudah digunakan. Jadi, "berandau" boleh digunakan — ini bahasa Iban. Berandau ertinya bukan duduk atas kerusi tetapi di anjung (balcony), di bentang panjang di rumah orang Iban, mereka duduk "relax" dengan kaki kadang-kadang berlunjur misalnya, berbual-bual dengan kawan-kawan dan sebagainya. Itu berandau. Jadi, banyak lagi perkataan-perkataan, macam makan — "makai", samalah, kita tak bolehlah ubah makan menjadi makai semata-mata kerana kita hendak menggayakan bahasa tetapi bahasa-bahasa sesuai dengan bahasa Bidayah, bahasa Melanau, bahasa Melayu Sarawak perlu kita kaji supaya dapat digunakan untuk memperkayakan Bahasa Malaysia.

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat, saya telah beri "injury time", bolehkah gulung?

Tuan Haji Bujang bin Haji Ulis: Itu sahajalah, Tuan Yang di-Pertua, kalau gulung panjang sangat. Saya menyokong usul ini. Terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat dari Bandau.

4.51 ptg.

Tuan Madatang bin Morejal (Bandau): Tuan Yang di-Pertua, saya bangun untuk menyokong usul sebanyak syukur dan menjunjung kasih Kebawah Duli yang dibawa oleh

rakan saya, Ahli Yang Berhormat dari Kota Setar. Nasihat dan garis panduan yang terkandung dalam Titah Baginda adalah tepat pada masanya.

Tuan Yang di-Pertua, Titah Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong sempena pembukaan Mesyuarat Pertama, Penggal Kedua, Parlimen Ketujuh ini antara lain telah menekankan keselamatan negara pada keseluruhannya.

Saya yakin rakyat jelata dari berbagai lapisan masyarakat di seluruh negeri Sabah adalah bersama saya untuk mengucapkan syabas kepada Kerajaan kerana mengutamakan keselamatan negara dalam senarai tugas dan tanggungjawab yang dipikulnya. Secara jelas menunjukkan bahawa sikap mengutamakan keselamatan rakyat oleh pihak Kerajaan Persekutuan merupakan faktor utama yang mendorong beberapa negeri dalam Malaysia untuk mencapai kemerdekaan daripada jajahan British waktu beberapa dekad yang lampau.

Para pemimpin negeri Sabah dan Sarawak pada ketika itu menyambut seruan untuk menyertai Malaysia kerana antara lain penyertaan mereka akan menjamin keselamatan rakyat jelata di kedua-dua negeri tersebut.

Tuan Yang di-Pertua, saya atas kehendak rakyat yang telah memberi kepercayaan penuh kepada saya untuk mewakili mereka di Dewan yang mulia ini ingin menyampaikan rayuan kepada Kerajaan agar pelaksanaan keselamatan yang telah dijanji itu diteruskan tanpa sebarang syarat. Dengan jelasnya di setiap sidang Parlimen, Dewan ini telah dimaklum oleh Ahli-ahli Yang Berhormat daripada negeri Sabah tentang ancaman keselamatan penduduk tempatan akibat daripada kehadiran para pendatang-pendatang haram daripada Filipina dan Indonesia. Ancaman tersebut didapati dalam berbagai bentuk.

- (1) Adalah didapati bahawa sebahagian besar kes-kes jenayah yang dilaporkan di seluruh negeri Sabah berpunca daripada golongan masyarakat pendatang-pendatang haram ini. Keadaan seperti ini telah berlaku dan berterusan sehingga ke hari ini. Kementerian Dalam Negeri mempunyai maklumat yang lebih terperinci terhadap pilihan rakyat.
- (2) Parti-parti Pembangkang yang tidak bertanggungjawab, tidak berpuas hati dengan keputusan rakyat dalam pilihanraya, telah mempergunakan golongan masyarakat ini untuk mencapai matlamat mereka yang bertujuan untuk menggugat kestabilan Kerajaan Negeri pilihan rakyat.
- (3) Suasana buruk yang melanda negeri Sabah akibat daripada kehadiran mereka ini tepat ditafsirkan sebagai "duri dalam daging" atau "tulang di kerongkong" kerana ini mengakibatkan gambaran buruk kepada para pelancong dan para pelabur dari dalam dan luar negeri.
- (4) Kebadiran masyarakat pendatang-pendatang haram ini akan merumitkan keadaan sosial negara kita amnya dan negeri Sabah khasnya sekiranya tidak dibetulkan dalam dekad ini,

Sejarah mempamerkan bahawa keperbilangan suku kaum, bangsa dan agama di negara ini berpunca daripada ketiadaan kawalan bagi masyarakat-masyarakat asing yang memasuki negara ini di abad yang lampau. Walau bagaimanapun kehadiran mereka di tanahair kita ini telah pun dipersetujui bersama dan diterima sebagai fenomena yang unik bagi negara kita.

Para pemimpin negara seharusnya sedar bahawa keadaan sosial yang unik ini iaitu keadaan berbilang kaum dan

agama sudah mencukupi dan tidak perlu ditambah lagi. Ketiadaan penyelesaian yang terperinci dan segera terhadap masalah pendatang-pendatang haram ini di mana mereka bebas bercampur gaul dengan masyarakat tempatan dan bebas menggunakan kemudahan-kemudahan asas yang disediakan oleh Kerajaan di negeri Sabah bermakna penambahan kepada bilangan kaum yang sedia ada di negara kita ini. Keadaan yang demikian akan merumitkan keadaan sosial negara yang telah pun dilanda oleh masalah-masalah yang ada kaitan dengan keadaan sosia) negara pada ketika ini.

Tuan Yang di-Pertua, saya syorkan kepada Kerajaan Pusat agar menubuhkan sebuah jawatankuasa khas dengan kerjasama Kerajaan Negeri Sabah dan wakil-wakil daripada Kerajaan Filipina untuk mencari penyelesaian terperinci dengan segera terhadap masalah yang dimaksudkan.

Tuan Yang di-Pertua, saya percaya bahawa agama para pendatang haram ini seharusnya tidak menjadi batu penghalang bagi Kerajaan untuk meneruskan usaha penyelesaian masalah. Dalam konteks ini soal agama para pendatang haram seharusnya tidak menjadi syarat bagi pelaksanaan keselamatan rakyat jelata di negeri Sabah. Saya yakin bahawa para pemimpin negara sedar bahawa mengikut sejarah negara ini jaminan keselamatan tersebut dalam konteks Sabah dan Sarawak dipersetujui tanpa sebarang syarat.

Tuan Yang di-Pertua, sempena dengan pcrbahasan Titah Duli Yang Maha Mulia Yang di-Pertuan Agong saya ingin mengutarakan beberapa cadangan dan pandangan kepada Kerajaan ke atas beberapa perkara penting.

Yang pertama adalah berhubung dengan pengiktirafan Kerajaan terhadap beberapa golongan

masyarakat yang bermastautin di negeri Sabah sebagai bumiputera. Mengikut jawapan bertulis oleh Yang Berhormat Encik Kasitah Gaddam, Menteri di Jabatan Perdana Menteri kepada soalan saya pada 17hb November, 1987 iaitu soalan No. 24, beliau telah menjelaskan bahawa di antara kaum-kaum yang diiktirafkan oleh Kerajaan sebagai bumiputera di negeri Sabah termasuklah yang pertama orang asli Filipina, yang kedua orang asli Indonesia dan yang ketiga orang Pulau Kokos.

Tuan Yang di-Pertua, pengiktirafan ketiga-tiga golongan masyarakat ini sebagai bumiputera oleh pihak Kerajaan adalah tidak adil bagi suku kaum asli di negeri Sabah. Ketiga-tiga golongan masyarakat tersebut mempunyai negara usul mereka yang tersendiri Manakala kaum-kaum asli di negeri Sabah tidak ada tempat lain selain daripada negeri Sabah. Mereka dan keturunan mereka telah dilahirkan di negeri tersebut dan di situlah juga mereka akan akhiri riwayat hidup mereka. Dalam pada itu saya syorkan kepada Kerajaan agar menarik balik pengiktirafan dan status bumiputera yang telah diberikan kepada golongan masyarakat yang dimaksudkan.

Kedua, adalah berhubung dengan peranan mass-media di negara ini.

Tuan Yang di-Pertua, media-massa merupakan alat perhubungan utama bagi semua lapisan masyarakat di seluruh dunia. Kewujudan media-massa tersebut seharusnya menimbulkan suasana di mana rakyat jelata sedar terhadap peristiwa-peristiwa yang berlaku di sekelilingnya. Kesedaran adalah pintu utama ke arah pengetahuan dan pengetahuan adalah langkah pertama ke arah jalan yang betul. Saya syorkan kepada Kerajaan agar media-massa yang sedia ada di negara ini diberi kebebasan untuk mengutarakan semua maklumat berhubung dengan

kejadian-kejadian di dalam dan luar negeri tanpa sebarang sekatan. Dalam pada itu, semua pemberita di seluruh negara seharusnya diberi kesempatan untuk menyiarkan maklumat-maklumat dan peristiwa-peristiwa yang mana mereka saksikan sendiri. Saya percaya bahawa sekatan penyiaran maklumat-maklumat daripada pemberita-pemberita itu akan melumpuhkan arus demokrasi di negara ini.

Tuan Yang di-Pertua, kita seharusnya mempelajari pengalaman pahit yang dialami oleh rakyat Argentina sewaktu perang Falklands beberapa tahun kebelakangan ini. Sepanjang peperangan tersebut rakyat Argentina telah dimaklumkan oleh media massa mereka tentang kemenangan yang dicapai oleh pasukan tentera mereka. Pemalsuan maklumat itu telah berterusan sehingga ke saat terakhir di mana pasukan tentera Argentina tewas di tangan pasukan tentera British.

Tuan Yang di-Pertua, negara kita telah merdeka selama lebih kurang 30 tahun yang lalu. Usia tersebut bermakna rakyatnya telah mencapai tahap kematangan yang cukup. Rakyat yang matang boleh mengenalpasti mana yang betul dan buruk dan mana yang palsu dan mana yang tidak. Bagi negeri Sabah, Kerajaan Negeri telah mendaulatkan kebebasan akhbar dan media-media massa yang lain. Contoh yang ketara boleh didapati dalam penerbitan sebuah akhbar tempatan *The Sabah Times*. Di setiap penerbitan akhbar tersebut, Kerajaan Negeri telah dikritik dan dilemparkan dengan berbagai tuduhan liar. Walaupun demikian, rakyat Sabah telah mencapai tahap kematangan di mana mereka boleh kenal mana yang hitam dan putih, mana yang palsu dan yang betul. Saya berpendapat bahawa tuduhan-tuduhan yang diterbitkan oleh *The Sabah Times* itu bertujuan untuk menggugat ketenteraman

rakyat Sabah dan seterusnya menggugat kestabilan Kerajaan Negeri. Ini bermakna penerbitan akhbar itu, iaitu akhbar *The Sabah Times* seharusnya menerima nasib seperti yang menimpa akhbar-akhbar yang beribu pejabat di Semenanjung Malaysia, seperti *The Star* dan lain-lain.

Tuan Yang di-Pertua, saya ingin mengambil kesempatan yang telah diberikan kepada saya ini untuk mencadangkan kepada pihak Kementerian Kewangan agar mengubahsuai proses dan syarat-syarat bagi semua kakitangan Kerajaan untuk memperolehi status berpenecen. Cadangan ini bertujuan untuk mengekalkan produktiviti di kalangan kakitangan Kerajaan. Tidak dapat dinafikan bahawa ada kalangan kakitangan Kerajaan yang menjadi malas, tidak ikut arahan daripada pihak atasan bercampur-gaul dengan politik, tidak mematuhi etika kerja yang betul dan lain-lain kesalahan sesudah memperolehi status berpenecen daripada majikannya. Saya cadangkan agar pihak Kerajaan amnya dan Kementerian Kewangan khasnya hanya memberi status berpenecen kepada semua peringkat kakitangan Kerajaan pada tahun terakhir perkhidmatannya atau tahun terakhir ia dijadualkan untuk bersara.

Tuan Yang di-Pertua, seorang penuntut dihadiahkan dengan sijil diploma atau ijazah pada penghujung tahun ia dijadualkan berlepas dari sekolah atau universitinya. Bagi kakitangan Kerajaan, sijil atau ijazah yang seharusnya diperolehi sepanjang perkhidmatannya adalah status berpenecen. Oleh yang demikian, status berpenecen bagi seorang kakitangan Kerajaan itu seharusnya dianugerahkan di penghujung tahun terakhir ia dijadualkan untuk bersara kerana pada waktu itu majikan dapat tahu beliau layak atau tidak untuk memperolehi status tersebut.

Dengan itu, Tuan Yang di-Pertua, saya akhiri ucapan ini dan saya menyokong usul berbilang syukur menjunjung kasih Kebanyak Duli yang telah dibawa oleh rakan saya Ahli Yang Berhormat dari Kota Setar.

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat dari Sibü.

5.04ptg.

Tuan Tieu Sung Seng (Sibü): Tuan Yang di-Pertua, saya bangun untuk menyokong usul mengucapkan terima kasih kepada Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong di atas Titah Ucapannya yang sangat meyakinkan kepada Dewan ini.

Terlebih dahulu saya bagi pihak rakyat Sibü mengucapkan terima kasih kepada Kerajaan Persekutuan kerana telah meluluskan rancangan untuk membina Lapanganterbang Baru Sibü. Tindakan sedemikian merupakan satu petanda baik yang menunjukkan bahawa Kerajaan sangat menitikberatkan keperluan dan kehendak rakyat. Walau bagaimanapun, Kerajaan hendaklah memastikan dan menjamin bahawa keutamaan diberi kepada orang-orang tempatan bekerja sebagai pekerja-pekerja bukan mahir, separuh mahir, yang berkemahiran dalam bidang pembinaan bagi maksud tersebut.

Tuan Yang di-Pertua, dalam Pasukan Angkatan Tentera Di-Raja Malaysia pula, saya difahamkan bahawa tiada seorang rakyat Sarawak yang dilantik memegang jawatan Jeneral walaupun mereka berkelayakan. Saya berharap semoga perkara ini bukan disebabkan oleh diskriminasi dan dengan segala hormatnya memohon supaya Menteri Pertahanan kita mempertimbangkan semula perkara ini dan melantik sekurang-kurangnya seorang anak jati Sarawak yang berkelayakan menjadi Jeneral. Di Sarawak pula ramai Pegawai Kanan Polis dari keturunan

Cina yang berkhidmat 15 tahun atau lebih dan mempunyai banyak pengalaman telah meletakkan jawatan semata-mata kerana tidak ada harapan bagi tujuan kenaikan pangkat. Keadaan seperti ini adalah disebabkan oleh dasar Kerajaan sekarang. Saya rasa ini adalah satu kerugian besar kepada Pasukan Polis Di-Raja Malaysia kerana seolah-olah membuang aset-aset yang sangat berharga. Sepatutnya Kerajaan memberi mereka petuang kenaikan pangkat memandangkan kekananan pengalaman kelayakan mereka dan sumbangan yang telah mereka berikan.

Tuan Yang di-Pertua, jawatan Pesuruhjaya Polis Sarawak sekarang dipenuhi oleh orang Semenanjung sahaja. Kami, orang Sarawak ingin tahu bilakah jawatan seumpama itu boleh diberikan kepada seorang anak jati Sarawak. Saya yakin jika diberi peluang, kami orang Sarawak boleh menjalankan tugas dengan sebaik mungkin.

Saya merasa kesal kerana saya terpaksa mengemukakan satu aduan terhadap Yang Berhormat Menteri Pendidikan. Pada tanggal 9hb Disember, 1986 saya pernah berjumpa dengan Yang Berhormat Menteri Pendidikan di pejabat beliau di Bangunan Parlimen mengenai permohonan untuk peruntukan kewangan bagi Sekolah Rendah Jenis Kebangsaan Tung Sun, Sibü untuk mendirikan semula bangunan sekolah yang saya sebutkan. Ini adalah disebabkan oleh kerana bangunan itu sudah terlalu lama dan dalam keadaan yang sangat merbahaya sekali. Bangunan tersebut boleh runtuh pada bila-bila masa sahaja. Beberapa naskhah gambar berkenaan dengan bangunan sekolah tersebut telah pun ditunjukkan kepada Yang Berhormat Menteri Pendidikan. Beliau bersetuju dengan perkara yang dibentangkan dan mengakui bahawa bangunan sekolah itu adalah sangat merbahaya

dan seterusnya berjanji akan memberi peruntukan kewangan bagi sekolah tersebut pada awal tahun 1987, tetapi sampai hari ini peruntukan kewangan yang dijanjikan oleh Yang Berhormat Menteri Pendidikan belum lagi diberikan, walaupun tidak kurang daripada 3 pucuk surat mengenai perkara tersebut telah dihantar kepada Yang Berhormat Menteri Pendidikan. Saya memang tidak menghormati seorang Menteri yang bersikap tidak bertanggungjawab dan saya berpendapat bahawa setiap janji yang dipersetujui hendaklah ditunaikan, apa lagi janji-janji itu datangnya daripada seorang Menteri. Perkara ini adalah sangat-sangat dikesali dan saya berharap Yang Berhormat Menteri Pendidikan atau pegawai-pegawai di bawah Kementerian itu tidak akan mengambil tindakan balas dendam terhadap sekolah tersebut, sebaliknya peruntukan kewangan sebanyak \$160,000 sahaja hendaklah diluluskan dengan segera demi kebaikan dan kebajikan murid-murid yang bilangannya melebihi 400 orang.

Saya telah pun difahamkan bahawa pelan-pelan bagi projek pembinaan Hospital Baru Sibü sudah diluluskan. Walau bagaimanapun, saya banyak menerima aduan dan rungutan ketidakpuasan hati daripada rakyat kerana pembinaan hospital baru ini belum lagi dimulakan. Kita harap semoga pembinaan dijalankan secepat mungkin demi keperluan dan kemudahan rakyat Sibü.

Tuan Yang di-Pertua, kekurangan doktor-doktor pakar di Hospital Lau King Hoe, Sibü masih menjadi tandatanya apabila saya diberitahu bahawa terdapat 6 kekosongan jawatan ini yang belum dipenuhi lagi hingga sekarang. Oleh kerana itu pegawai-pegawai perubatan yang kurang pengetahuan dalam bidang kepakaran terpaksa mengambilalih tugas-tugas ini dan pada ketika yang sama terpaksa mengeneipkan tugas

mereka sendiri. Perkara ini sebaliknya menimbulkan masalah kekurangan pegawai-pegawai perubatan pula dan menyebabkan kesesakan sering berlaku di hospital, apabila orang ramai ingin mendapat rawatan daripada mereka. Saya harap Kementerian Kesihatan menyelesaikan masalah ini dengan secepat mungkin dan mencari doktor-doktor pakar bagi mengisi kekosongan jawatan-jawatan itu dengan secepat mungkin.

Semasa saya dirawat di Hospital Lau King Hoe, Sibü juga, saya telah menerima aduan dari para kakitangan di situ. Aduan itu adalah berkenaan dengan kemudahan-kemudahan makanan serta minuman yang semestinya disediakan oleh pihak Kerajaan kepada mereka. Para pekerja dan para jururawat yang bertugas pada waktu malam, iaitu dari pukul 9.00 malam hingga pukul 7.00 pagi cuma disediakan dengan wang 30 sen sahaja untuk minum di Hospital Sibü dan di Hospital Kuching pula sebiji telur sahaja untuk tiap-tiap seorang, manakala di semua hospital di Semenanjung pula mereka lebih bernasib baik kerana disediakan dengan makanan dan minuman yang lebih baik seperti telur, roti dan air Milo ataupun Ovaltine. Saya harap pihak Kementerian Kesihatan tidak mengamalkan diskriminasi dalam perkara ini. Oleh itu, pembetulan segera adalah perlu supaya sentiasa ada keseimbangan dalam hak-hak asasi para kakitangan hospital di seluruh Malaysia.

Tuan Yang di-Pertua, lebih kurang 110 orang dari Sibü yang didapati memiliki visa-visa palsu dalam pasport mereka masih tidak dibenarkan membuat perjalanan keluar negeri oleh pihak Imigresen. Walau bagaimanapun, pihak Polis Sibü sudah mengembalikan pasport-pasport mereka.

Semua orang di Sibü telah sedia maklum bahawa penjenayah yang bertanggungjawab memalsukan pasport-pasport mereka itu telah menyembunyikan diri di Taiwan. Oleh itu, 110 orang yang tertipu itu adalah tidak bersalah dan pihak Imigresen sepatutnya tidak harus bertindak menghalang mereka. Saya menggesa pihak yang berkenaan supaya jangan lagi menghalang mangsa-mangsa yang berkenaan dari membuat perjalanan ke luar negeri.

Kami sebagai Ahli-ahli Parlimen, khususnya dari Sarawak dan Sabah selalu menghadapi kesukaran mendapat tempat duduk yang tepat dalam penerbangan MAS, walaupun semasa sesi Parlimen. Saya memohon supaya Yang Berhormat Menteri Pengangkutan mengeluarkan satu arahan bertulis kepada semua Pejabat MAS supaya keutamaan mendapat tempat duduk dalam penerbangan MAS diberikan kepada Ahli-ahli Parlimen khususnya sebelum, semasa dan sesudah tiap-tiap sesi Parlimen.

Tuan Yang di-Pertua, setakat ini masalah kesesakan lalulintas di Kuala Lumpur semakin lama semakin buruk dan serius. Kuala Lumpur sekarang boleh dibandingkan dengan Bangkok bukan di bidang pelancongan, tetapi perihal kesesakan dan keadaan kacau-bilau lalulintas. Masalah ini sudah memburukkan nama Kuala Lumpur sebagai ibukota Malaysia, keadaan kacau-bilau dan kesesakan lalulintas sekarang menjadi semakin buruk setelah Jalan Bukit Bintang diubahkan kepada Jalan Sehalu, dan ianyapun telah mengakibatkan berbagai kesukaran kepada orang ramai dan banyak rungutan orang ramai, sama ada Dato' Bandar Kuala Lumpur sedar bahawa masalah ini sudah sampai satu tahap yang telah menimbulkan satu isu politik yang serius, apa sebabnya keadaan sebegitu dibiarkan berterusan sahaja?

(Timbalan Yang di-Pertua *mem-pengerusikan Mesyuarat*)

Saya berpendapat bahawa Dato Bandar Kuala Lumpur lebih baik mencari seorang pakar atau sekumpulan pakar yang benar-benar berkemahiran dalam hal lalulintas, untuk mengkaji masalah tersebut dan menyelesaikannya dengan secepat mungkin, sekiranya beliau tidak berkebolehan apa lagi untuk mencari formula penyelesaian.

Tuan Yang di-Pertua, dengan ini saya memohon untuk menyokong Usul yang dibentangkan di sidang ini.

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan D. P. Vijandran): Yang Berhormat dari Lembah Pantai.

5.27ptg.

Tuan Haji Abdul Razak bin Abu Samah (Lembah Pantai): Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua, kerana memberi keizinan kepada saya bagi saya untuk membahas Titah Ucapan Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong yang dicadangkan oleh Yang Berhormat dari Kota Setar pada 8hb Mac, 1988 yang lalu.

Saya bagi pihak pengundi-pengundi dan penduduk di Lembah Pantai dan Wilayah Persekutuan mengucapkan junjung kasih kepada Titah Ucapan Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda baru-baru ini.

Tuan Yang di-Pertua, Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong telah memulakan Titah Ucapan Baginda mengingatkan iaitu perpaduan merupakan satu asas bagi kekuatan negara yang mempunyai berbilang kaum dalam negara Malaysia ini. Baginda menyeru untuk mewujudkan keamanan, kestabilan dan kemakmuran serta membina negara ini, Baginda juga mengingatkan parti-parti politik, khasnya Wakil-wakil

Rakyat yang ada di dalam Dewan yang mulia ini agar bertanggungjawab bersama-sama bagi kepentingan bangsa dan negara dan juga kepentingan rakyat yang diwakili oleh ahli-ahli politik.

Kita masih teringau-ingau di atas Titah Ucapan Duli Yang Maha Mulia bagi mengingatkan kita semua di dalam Dewan yang mulia ini, tetapi malangnya, Tuan Yang di-Pertua, nasihat yang telah diberi oleh Duli Yang Maha Mulia itu, kita mendengar ahli-ahli politik, Ahli-ahli Parlimen khasnya dari parti Pembangkang tidak putus-putus mengungkit itu dan ini. Apa yang telah dibuat oleh pihak Kerajaan semuanya tidak betul dan disamping itu juga ucapan-ucapan sumbang yang kita dengar, yang ditujukan khas kepada Yang Amat Berhormat Perdana Menteri kita, Dato' Seri Dr Mahathir bin Mohamad yang mana Perdana Menteri telah bersungguh-sungguh, beria-ia untuk menyelamatkan negara kita ini daripada huru-hara dan sebagainya supaya tidak berlaku dalam negara Malaysia yang berbilang kaum dan bangsa ini. Tetapi malangnya Wakil-wakil Rakyat yang berkenaan menuduh Perdana Menteri adalah seorang Perdana Menteri yang zalim, kuku besi dan berbagai-bagai lagi tohmahan.

Saya mengharapkan kepada Ahli-ahli Yang Berhormat ini supaya cubalah kendurkan sedikit emosi yang menyakitkan hati rakyat dalam negara kita ini. Kita tidak mahu macam negara-negara lain, bergaduh berbunuh-bunuhan. Tetapi alhamdulillah, dengan adanya Kerajaan kita pada hari ini, kita dapat menjaga kesemuanya. Hal seumpama ini nampaknya pihak-pihak yang berkenaan masih lagi tidak puas-puas menuduh itu dan ini kepada Kerajaan Barisan Nasional.

Kita tidak tahu untuk kepentingan siapakah, untuk diri mereka, untuk

kepentingan parti mereka ataupun untuk kepentingan bangsa mereka. Oleh itu, kita mengharapkan mereka ini supaya kalau sesat di hujung jalan, agar balik ke pangkal jalan demi kepentingan bangsa, negara kita dalam Malaysia ini.

Tuan Yang di-Pertua, kita telah merdeka sejak 1957. Berbagai langkah telah dijalankan oleh Kerajaan sebagai usaha bagi memperbaiki, menempuhi liku-liku, duri dan onak untuk menstabilkan negara kita ini. Syukur kita pada Allah s.w.t. apa yang kita dapat pada hari ini. Kalau dibandingkan dengan negara-negara lain, kita lebih baik, tetapi pihak-pihak yang tertentu masih lagi tidak puas hati apa yang ada diperolehi dalam negara kita ini.

Dari segi ekonomi sebagaimana Titah Ucapan Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong bahawa pertumbuhan ekonomi negara akan melebihi 4% daripada tahun 1988 ini. Kita mengharapkan lebih lagi prestasi eksport akan menggalakkan negara kita ini menempuh kestabilan yang mana kita telah pun menanggung sedikit sebanyak kesusahan dua tiga tahun yang lalu, nampaknya sekarang ini telah beransur baik sedikit. Oleh itu dalam keadaan ini kita mengharapkan juga supaya dari segi ekonomi ini seperti perdagangan kita telah banyak menerima pengaduan-pengaduan dari ahli-ahli perniagaan bahawa pihak bank yang begitu ghairah untuk menyaman, untuk menutup pejabat perniagaan mereka masing-masing kerana tidak dapat bayar hutang mereka. Oleh itu dalam masalah ini kita mengharapkan supaya pihak-pihak bank yang ada ini dapat mengendurkan sedikit supaya mereka yang berniaga ini dapat menjalankan perniagaannya semula dan di samping itu dapat membayar sedikit sebanyak hutangnya. Tidak seperti sekarang ini seolah-olah hendak menjahanamkan perniagaan mereka itu yang

dijalankan oleh pihak bank dan institusi-institusi kewangan yang ada dalam negara kita ini.

Tuan Yang di-Pertua, Duli Yang Maha Mulia juga mengingatkan supaya kita rakyat Malaysia cintakan Bahasa Malaysia. Segala usaha telah dijalankan oleh pihak Kerajaan. Berbagai bulan telah kita adakan, Bulan Bahasa, bulan itu dan sebagainya. Dan di sekolah juga kita telah tumpukan pelajaran pendidikan dan seterusnya. Tetapi malangnya hingga ke hari ini, arahan-arahan itu masih lagi tidak dijalankan oleh terutamanya pihak ahli-ahli perniagaan sama ada di papan-papantanda dan juga di gedung-gedung perusahaan mereka masih lagi terpampang dengan bahasa-bahasa lain manakala papantanda Bahasa Malaysia begitu kecil, kadangkala bahasa asing itu lebih besar lagi daripada Bahasa Malaysia yang kita kehendaki dalam negara kita ini. Seperti kata pepatah Melayu, "di mana bumi dipijak, di situlah langit dijunjung". Dalam masalah ini adalah diharapkan supaya peniaga bukan Melayu itu dapat mengikuti usaha-usaha Kerajaan untuk mendaulatkan Bahasa Malaysia ini.

Di samping itu juga saya mendengar daripada orang-orang yang pergi ke kelab-kelab malam dan disko ataupun pubs dan sebagainya di Wilayah Persekutuan dan tempat-tempat lain, pihak yang punyai kelab ataupun disko-disko ini tidak membenarkan penyanyi-penyanyi Melayu untuk menyanyi lagu Melayu, kerana katanya ia dilarang, nyanyian Melayu tidak standard dan tidak secocok, merugikan sahaja perniagaan mereka. Ini juga salah satu rasa saya pihak-pihak yang berkenaan iaitu pihak Kerajaan, Dewan Bandaraya ataupun Majlis Tempatan, Majlis Daerah dan sebagainya hendaklah bertindak keras terhadap mereka seperti membatalkan lesen mereka, menangguk dan sebagainya.

Dalam masalah yang lain pula Duli Yang Maha Mulia juga mengingatkan pihak kakitangan Kerajaan agar berjimat dalam perbelanjaan mereka. Ini rasa saya pada mata kasar yang saya lihat banyak jabatan-jabatan Kerajaan sama ada Pihak Persekutuan dan pihak Negeri banyak membazirkan wang. Sepatutnya banyak lagi perabot yang boleh dipakai tetapi telah ditukar untuk diganti baru. Datang pegawai yang lain, ganti lain dan sebagainya. Itu yang kecil sahaja, tetapi ada juga yang besar-besar lagi sepatutnya pihak pegawai Kerajaan ini bertimbang rasa dengan keadaan negara kita dalam keadaan kemelesetan ekonomi pada hari ini. Saya bersetuju-sangat di atas Titah Ucapan Duli Yang Maha Mulia itu yang mana saya lihat perkara-perkara yang disebut dan dititahkan itu semuanya benar belaka dalam negara kita ini.

Dalam masalah untuk memperbaiki iklim pelaburan dalam negara kita ini, ini juga disentuh oleh Duli 'Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong. Dalam soal ini, saya mengharapkan kepada pihak Kerajaan Pusat dan Kerajaan Negeri supaya dibanyakkan lagi kawasan-kawasan perindustrian di luar bandar bagi menampung pemuda-pemudi ataupun belia-belie yang ada di luar bandar supaya dapat menyekat mereka itu daripada datang mencurahkan ke dalam bandar yang mana sekarang ini pun di dalam bandar kekurangan pekerjaan.

Saya menyatakan ini bahawa dengan adanya industri-industri yang berdekatan dengan kampung-kampung mereka ini, pihak Kerajaan juga dapat mengelakkan mereka ini duduk di bandar untuk menyewa rumah dan mendirikan rumah tanpa izin dan sebagainya tetapi jika diadakan gudang-gudang industri dan sebagainya di kampung-kampung, mereka ini tidak perlu ke bandar,

mereka boleh bekerja dan balik ke rumah mereka masing-masing.

Di samping itu juga kita lihat sekarang di kampung-kampung boleh dikatakan orang tua-tua sahaja yang tinggal. Sebab itulah keadaan sawah ladang banyak yang terbiar, kerana orang-orang tua ini tidak terdaya lagi untuk mengerjakan sawah ladang dan sebagainya. Dengan adanya industri kecil ini, belia-belie yang bekerja akan dapat balik ke kampungnya. Kemungkinan selepas mereka balik, pukul empat, pukul lima, di belakang rumah mereka boleh menolong ibu-ibu ataupun bapa atau orang tuanya dimana tanah-tanah yang terbiar di kampung akan dapat ditanam dengan sayur, buah-buahan sebagaimana hasrat Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong dalam Titah Ucapannya itu. Dengan ini, saya rasa akan menyenangkan, akan mendapat lebih lagi hasil tanaman dengan jualannya ke pekan dan di samping dapat kita mengelakkan belia-belie dan beliawanis berhijrah ke bandar. Dengan keadaan ini, saya rasa tanah terbiar yang ada di kampung itu dapat diusahakan dengan tanaman-tanaman yang boleh ditanam, dijual di samping mendapat sedikit sebanyak lagi tambahan gaji atau pendapatan mereka masing-masing.

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan D. P. Vijandran): Satu minit tegi.

Tuan Haji Abdul Razak bin Abu Samah: Terima kasih. Kemudahan asas. Tuan Yang di-Pertua, saya mengharapkan di sini juga Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong mengharapkan juga kemudahan asas. Ini juga saya tertarik kerana kemudahan asas ini banyak lagi, sungguhpun kita telah merdeka 30 tahun lebih tetapi banyak lagi kemudahan-kemudahan asas seperti api, air dan seterusnya di kampung-kampung pendalaman kerana saya

pun berasal dari kampung, saudara mara saya berasal dari kampung tetapi banyak lagi di kampung-kampung yang tidak dapat kemudahan-kemudahan asas dengan api, air, telefon jauh sekali dan begitu juga jalan. Oleh itu dalam masalah ini kita mengharapkan supaya jangan di bandar sahaja dipercantikkan, diperbaiki dengan baik tetapi di kampung-kampung harus diperbaiki juga dengan adanya kemudahan-kemudahan asas kerana orang-orang kampung ini juga bertanggungjawab bagi kepentingan, kemenangan parti kita iaitu Barisan Nasional di masa menjalankan pengundian pilihanraya.

Dan di Kuala Lumpur ini juga saya mengharapkan supaya pihak-pihak yang berkenaan juga di tanah-tanah setinggan, saya selalu menyebutkan ini, disebutkan lagi supaya kemudahan-kemudahan asas ini dapat diadakan, umpamanya api dan air di kampung-kampung yang berkehendakkan api dan air di kawasan-kawasan setinggan di Kuala Lumpur ini dan selainnya saya mengharapkan juga ini kita harapkan Jabatan Parit dan Taliair kerana di Kuala Lumpur ini saya rasa hari ini hujan terpaksa sekarang ini sudah ada yang kena banjir di kawasan-kawasan rendah, ini juga kita mengharapkan sungguhpun peruntukan telah pun diberi pada tahun dahulu.

Oleh itu dalam masalah ini kita mengharapkan pihak Jabatan Parit dan Taliair dapat mengerjakan, meluruskan ataupun membaiki sungai-sungai iaitu terutama Sungai Kelang yang ada sekarang ini selalu melempah air menjadikan kawasan-kawasan yang dekat menjadi bah dan di samping itu juga banyak rumah-rumah yang tinggal di tepi-tepi kawasan telah pun banyak jatuh ke dalam sungai dan kehilangan nyawa mungkin berlaku.

Akhirnya, Tuan Yang di-Pertua, berhubung dengan bahasa. Bahasa ini juga kita mengharapkan bahasa baku

akan dijalankan. Dalam bahasa baku ini banyak juga orang-orang kampung dan juga bertanya-tanya apakah bahasa baku, sungguhpun persoalan saya telah buat dalam Parlimen ini tetapi jawapan telah pun ada panjang lebar, saya pun memahami sedikit sebanyak dalam masalah ini, hanya saya mengharapkan apabila bahasa baku ini dijalankan supaya dapat betul supaya tidak menyeleweng tidak bunyinya tidak baik sungguhpun bahasa itu kita pinjam.

Umpamanya bahasa-bahasa sekarang ini kita banyak sangat loghat Kelantan, Kedah dan sebagainya supaya dapat disatukan. Tetapi saya mengharapkan supaya bahasa baku ini kalau boleh diikut balik bahasa Zaaba dahulu kerana senang bagi kita mengikut ini dan sekarang kita lihat dengan bahasa terjemahan atau kata-kata pinjaman. Saya sebut di sini, umpamanya dijawab oleh Menteri iaitu, teknologi, yang dahulunya sepatutnya "gi" katanya sepatutnya "ji" sekarang patut diubahkan "teknologi" bukan "teknoloji". Ini kita mengakui, kita mengikut tetapi yang anihnya ada saya dengar yang tidak sedap sangat umpamanya perkataan bahasa Inggeris yang kita pinjam seperti "carbon dioxide" yang mana diterjemahkan di suratkhbar, dalam radio, saya dengar iaitu karbon dioksida, bunyinya berlainan sangat.

Begitu juga tidak silap saya di Radio di TV pun ada iaitu, floride, dia mengatakan florida. Seolah-olah satu nama city di Amerika Syarikat. Dalam keadaan inilah supaya bahasa ini besok kalau hendak dibetul-betulkan supaya tidak kita susah hendak mencari bahasa-bahasa ini yang benar, kerana nanti kelam-kabut dan begitu juga kita dengar dalam TV apabila membaca Warta Berita berbagai-bagai bahasa yang digunakan, ada yang mengatakan agen, ada yang mengatakan ajen dan sebagainya di kedua-dua saluran TV Malaysia. Akan tetapi dengan adanya bahasa ini, rasa

saya akan mendapat penjelasan yang lebih baik daripada pihak Menteri Pendidikan. kemungkinan dalam jawapan yang akan datang.

Akhirnya saya bercakap mengenai tulisan jawi, Tuan Yang di-Pertua. Tulisan jawi inilah tulisan yang amat berguna kepada umat Islam khususnya orang-orang Melayu yang beragama Islam yang membaca Al-Quran yang mengikuti Hadis dan seterusnya adalah di dalam bahasa jawi, di dalam bahasa Arab yang ada titik bawah dan atas dan bunyinya, kita tidak mahu tulisan jawi, apa yang saya dapat tahu di dalam sekolah sekarang hanya 1,500 minit pelajaran sekolah rendah sekarang ini dalam masa satu minggu 1,500 minit diajar tetapi hanya 30 minit sahaja pelajaran jawi diberi kepada murid-murid. Saya rasa dalam 30 minit ini tidak ada apa yang boleh dibuat dalam masa satu minggu. Itu sebabnya salah satu keadaan ini banyak belia-belia dan beliawanis anak-anak kita yang beragama Islam sampai ke tingkatan menengah tidak dapat membaca tulisan jawi dan di samping itu juga tidak dapat membaca Al-Quran. Oleh itu saya mengharapkan supaya pihak Kerajaan, pihak Pendidikan supaya dapat melebihi tulisan jawi ini daripada 30 minit kepada satu jam ataupun dua jam dalam satu minggu.

Jika dibandingkan, izinkan saya, umpamanya di sekolah rendah ia kata 180 minit agama, 310 minit Bahasa Malaysia, itupun dipotong 30 minit, jadi 280 minit sahaja Bahasa Malaysia dan bahasa Inggehs 300 minit dalam satu minggu dan seterusnya bahasa-bahasa yang lain berjumlah 1,500 minit. Oleh itu dengan keadaan ini saya sekali lagi mengucapkan terima kasih kepada Tuan Yang di-Pertua kerana memberikan saya peluang membuat sedikit ucapan di dalam Dewan ini dan dengan ini, saya menyokong dan mengucapkan sekali lagi terima kasih di atas Titah Ucapan

Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong.

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan D. P. Vijandran): Yang Berhormat dari Sandakan.

5.36 *ptg.*

Tuan Fung Ket .Wing (Sandakan): Tuan Yang di-Pertua, dalam Titah Ucapan Di Raja yang disampaikan di Dewan yang mulia ini, Duli Tuanku telah menyentuh tentang keselamatan negara. Di Sabah bandar-bandar di tepi pantai seperti Semporna, Lahad Datu dan Sandakan seringkali diserang oleh lanun-lanun yang bersenjata dan senjata-senjata yang dirampas daripada mereka adalah senjata-senjata yang paling moden sekali termasuk bom-bom tangan. Kegiatan lanun-lanun ini telah memudaratkan keselamatan Negeri Sabah.

Pada 10hb Mac, 1988 satu rombongan bersenjata telah berlaku di Semporna di mana 3 orang telah dibunuh termasuk seorang anggota polis bernama Parman bin Ahmad dan 5 orang lain tercedera.

Awal bulan ini pihak polis marin di Lahat Datu telah menembak mati 5 daripada 13 orang lanun yang bersenjata dalam satu pertempuran laut dekat Pulau Matakang. Lanun-lanun berkenaan telah bersenjatakan rifel M16 serta rocket launchers. Juga pada awal bulan ini pihak polis marin telah merampas tiga rifel AK-47 dan 437 butir peluru-peluru dari sebuah kapal yang membawa seramai 59 orang asing. Menurut pihak polis, hanya kapten dan lapan daripada penumpang-penumpang ditahan di bawah Akta Keselamatan Dalam Negeri.

Saya telah sering kali membangkitkan dalam Dewan ini mengenai masalah lanun di Sabah dan sekali lagi ingin saya mengingatkan Dewan tentang pembunuhan secara

besar-besaran yang berlaku di Lahad Datu pada 23hb September, 1985 di mana lanun-lanun bersenjata telah menyerang Standard Chartered Bank di situ dan membunuh 5 orang rakyat kira yang tidak berdosa.

Kerajaan kita berkata bahawa perairan Sabah adalah terlalu luas dan adalah amat sukar untuk meronda seluruh kawasan perairan Sabah. Ini adalah satu kenyataan yang amat tidak bertanggungjawab dan demi keselamatan dan kedaulatan negeri Sabah serta untuk melindungi nyawa dan harta benda rakyat kita di Sabah, saya menyeru Kerajaan menguat dan menambahkan perondaan di perairan negeri Sabah untuk melindungi bukan sahaja rakyat kita daripada serangan lanun tetapi juga untuk mencegah banjirir pelarian-pelarian Filipina dan pendatang-pendatang haram Indonesia.

Kami dari DAP juga menggesa Kerajaan membangkitkan soal perondaan bersama dengan Kerajaan Filipina kerana perondaan sedemikian adalah begitu penting demi memastikan keamanan dan ketenteraman.

Pada minggu yang sudah iaitu pada 9hb Mac, 1988 Ahli Parlimen DAP bagi kawasan Jelutong, Saudara Karpal Singh yang ditahan di bawah Akta Keselamatan Dalam Negeri (ISA) pada 27hb Oktober, 1987 telah dibebaskan oleh Mahkamah Tinggi Ipoh akibat permohonan habeas corpus yang dibuatnya. Akan tetapi, amatlah memeranjatkan untuk mengetahui bahawa Saudara Karpal Singh telah ditangkap semula di bawah ISA oleh pihak Polis pada kira-kira jam 7.30 malam di Nibong Tebal pada hari yang sama.

Sekiranya Kerajaan mendapati bahawa keputusan Mahkamah Tinggi Ipoh itu adalah salah, maka ia bolehlah merayu kepada Mahkamah Agung dan bukan sekadar menangkap semula

Ahli dari Jelutong. Akibat penangkapan semula itu, Saudara Karpal Singh terpaksa menjalani sekali lagi kurungan seorang diri selama 60 hari lagi. Sebenarnya Saudara Karpal Singh telah pun menjalani kurungan seorang diri selama 60 hari apabila beliau ditangkap pada 27hb Oktober, 1987.

Pihak Polis sebenarnya telah menyiapkan siasatan mereka berasaskan enam pertuduhan yang dikemukakan terhadapnya dan disebabkan Mahkamah Tinggi Ipoh telah pun mendapati terdapat "mala fide" dalam penahanan Saudara Karpal Singh itu, maka penangkapan dan penahanannya semula di bawah ISA merupakan suatu kezaliman dan penyalahgunaan kuasa.

Penahanan Ketua Pembangkang Parlimen, Saudara Lim Kit Siang dan lain-lain Ahli Parlimen DAP juga merupakan penyalahgunaan kuasa dan telah menerima kritikan dan kecaman dari seluruh dunia.

Malah alasan-alasan yang diberi oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri kepada Ahli-ahli Parlimen dari Parlimen Eropah tidaklah memuaskan serta tidak menyakinkan Ahli-ahli Parlimen dari Parlimen Eropah itu. Juga, jawapan yang diberi oleh Perdana Menteri bahawa mereka ditahan bukan kerana mereka menentang Kerajaan tetapi di sebabkan mereka mencetuskan permusuhan antara kaum juga tidak boleh diterima.

Sekiranya Kerajaan mempunyai apa-apa bukti maka ia hendaklah menghadapkan mereka di mahkamah dan bukan menahan mereka tanpa perbicaraan di bawah ISA. Ini adalah penyalahgunaan kuasa oleh pihak eksekutif.

Peguam Negara telah memberitahu Mahkamah Tinggi, Kuata Lumpur dalam bulan Disember yang lalu

bahawa orang-orang yang ditahan di bawah ISA tidaklah diberi layanan buruk semasa mereka dikurung seorang diri selama 60 hari. Saya minta Peguam Negara agar beliau sendiri mengalami dikurungkan seorang diri itu sebelum beliau menyentuh perkara tersebut.

Penahanan tujuh orang Ahli-ahli Parlimen dan lain-lain orang di bawah ISA adalah semata-mata bertujuan menekan dan melenyapkan suara bantahan serta melemah dan melumpuhkan tenaga pihak Pembangkang. Ini adalah suatu lagi penyalahgunaan kuasa.

Penahanan Ahli-ahli Parlimen dan tokoh-tokoh lain telah menimbulkan kemarahan rakyat terhadap Kerajaan dan jelas akan menjejaskan perpaduan rakyat.

Parti DAP menyeru Perdana Menteri merangkap Menteri Dalam Negeri untuk membebaskan 7 orang Ahli Parlimen DAP dan 41 orang lain yang ditahan di bawah Akta Keselamatan Dalam Negeri ekoran Operasi Lalang yang ditancarkan Disember, 1987 lalu.

5.47 ptg.

Tuan Haji Mohamad bin Abdullah (Maran): Tuan Yang di-Pertua, saya mengambil kesempatan untuk berucap sama berhubung dengan cadangan yang dibawa oleh Wakil Dari Kota Setar mengenai Titah Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong pada minggu lepas.

Di antara perkara yang penting yang ditekankan ialah mengenai perpaduan. Perpaduan adalah merupakan asas bagi kekuatan negara. Dalam usaha untuk menentukan perpaduan ini berterusan, saya merasakan bahawa salah satu ciri yang penting ialah semangat cintakan negara kerana dengan perasaan semangat cintakan negara ini, dari situlah kita akan sentiasa memikirkan

ke arah untuk perpaduan. Bila mana warganegara tidak mempunyai semangat ataupun kurang semangat ataupun tidak cinta dan sayang kepada negara, maka ketika itu walau apa saranan yang kita buat sekalipun tidak akan berjaya.

Apabila warganegara sendiri tidak mempunyai semangat ini, di sinilah beberapa kemungkinan seperti pengkhianatan, penyelewengan, mementingkan diri sendiri dan lain-lain perbuatan yang dianggap jahat akan berlaku, kerana pada mereka yang tidak cinta kepada negara, mereka rela apa sahaja berlaku kepada negara asalkan mereka mendapat kepuasan diri sendiri.

Masalah yang selalu disarankan, supaya manusia ini sentiasa berada di dalam pergaduhan, tidak mempunyai semangat cinta kepada negara dan sebagainya, di antaranya adalah dibawa oleh masyarakat Yahudi kerana setakat ini tidak ada sesuatu malapetaka dunia yang telah berlaku dengan tidak ada campur tangan cerdik pandai dari ahli-ahli kewangan daripada bangsa Yahudi. Mereka mengambil bahagian memulakan perkara ini, menyebabkan dan menghasut atau bersekutu di dalamnya, kemudian mereka mengambil keuntungan daripada kerugian orang lain.

Memang menjadi ajaran mereka supaya mereka mengambil bahagian di mana sahaja di dunia ini kerana mereka berniat untuk menaluki dunia. Sebab itu kalau kita lihat sendiri di Palestin misalnya, mereka telah berpegang teguh kepada kenyataan bahawa kebenaran itu adalah terletak kepada kekuatan. Walau apapun kebenaran yang ditunjukkan oleh orang-orang Palestin, mereka tidak mengindahkan kerana mereka menganggap bahawa kebenaran itu adalah terletak kepada kekuatan mereka. Mereka akan melakukan apa sahaja kezaliman ke atas rakyat

Palestin. Oleh itu, kita mesti berwaspada supaya unsur-unsur yang sedemikian rupa tidak masuk ke negara kita. Orang-orang Yahudi menggunakan berbagai-bagai kelab untuk memasukkan pengaruh mereka, termasuklah Kelab Free Masonary, Lion Club, Rotary Club. Itu semua adalah kelab-kelab yang mereka gunakan bagi mereka mempengaruhi kepada ahli-ahlinya. Di situ mereka akan menjalankan jarum-jarum mereka supaya diadakan kebudayaan kuning dan sebagainya bagi memporak-perandakan penganut-penganut tempatan yang berkenaan.

Orang-orang Yahudi berpegang teguh kepada ajaran tok gurunya yang bernama Talmut. Di antara ajaran yang dibuat oleh orang Yahudi ialah apa sahaja kekayaan dan harta orang yang bukan Yahudi boleh digunakan oleh mereka. Mereka akan mendapatkan harta siapa sahaja dengan apa cara sekalipun. Apa harta yang mereka dapat itu adalah halal kepada mereka. Inilah di antara ajaran-ajaran yang diajar oleh tok guru mereka untuk menakluki dunia ini.

Saya ingin merayu sekali lagi supaya berwaspada daripada unsur-unsur ini kerana unsur-unsur inilah yang menyebabkan kita sendiri walaupun di dalam perpaduan yang baik, dalam bermuafakat kadangkala kita bertelingkah kerana untuk mementingkan diri sendiri. Sebab itu Nabi Besar Muhammad s.a.w. telah berpesan, "apabila manusia ini terlalu cintakan kepada dunia, maka perkara ini akan menjadi pokok melakukan segala kesalahan". Sebagaimana sabdaNya, "hubbudunya raksukullukhatiah"—terlalu cintakan kepada dunia itu merupakan asas melakukan kesalahan. Berbalik kepada ajaran ini memang menghasut kita supaya kita terlalu cinta kepada dunia sehingga kita melupakan kepada sifat-sifat yang terpuji, bertolak ansur dan sebagainya tidak ada lagi kepada kita. Masa itu

yang penting kepada kita ialah apa yang kita fikirkan mahu melakukan, kita mesti lakukan. Maka berlakulah apa yang dikatakan huru hara kepada negara-negara yang berkenaan. Mintalah kita dijauhkan daripada perkara ini supaya negara kita Malaysia yang kita cintai ini tidak akan berlaku

Tuan Peter Paul Dason: (*Bangun*)

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan D. P. Vijandran): Ya!

Tuan Peter Paul Dason: Tuan Yang di-Pertua, kuorum tidak cukup,

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan D. P. Vijandran): Ya, tiada kuorum. Sila bunyikan loceng.

(*Loceng dibunyikan: Ahli-ahli dikira, lebih 26 Ahli hadir.*)

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan D. P. Vijandran): Sudah cukup kuorum. Sila teruskan.

Tuan Haji Mohamad bin Abdullah: Tuan Yang di-Pertua, saya ingin merayu kepada semua warganegara, apatah lagi pemimpin-pemimpin masyarakat supaya sentiasa bersifat tolak—ansur dan sebagainya bagi menentukan kedudukan negara kita sentiasa aman dan perpaduan kita sentiasa kekal.

Tuan Yang di-Pertua, saya ingin menyentuh mengenai bahasa, terutama sekali kegunaan bahasa di mahkamah.

Sebenarnya, pada permulaan, penggunaan Bahasa Kebangsaan bukan sahaja kita menghadapi masalah di peringkat mahkamah tetapi juga di sekolah-sekolah. Memang pada masa dahulu Bahasa Kebangsaan tidak digunakan dengan seluas-luasnya di sekolah-sekolah. Ketika mana kita hendak menggunakan bahasa ini di sekolah-sekolah, kita mewajibkan tiap-tiap guru supaya mengikuti kursus tertentu di Institut

Bahasa supaya mereka dapat menggunakan bahasa itu semasa mereka menyampaikan matapelajaran mereka di sekolah-sekolah yang berkenaan.

Alhamdulillah, sekarang kita telah dapat melihat sendiri hasilnya dengan adanya tindakan sedemikian rupa. Jadi, di sini ingin saya menyarankan apalah menjadi kesalahan kepada kerajaan mengenakan, mewajibkan tiap-tiap Hakim Mahkamah, peguam-peguam, menghadiri kursus bahasa untuk melaksanakan Bahasa Malaysia di mahkamah.

Paling aneh sekali bila mana Hakim Melayu, orang yang bersalah Melayu; orang yang dituduh Melayu; peguam pun Melayu dan Jurubahasapun Melayu tetapi bahasa yang digunakan bukan Bahasa Kebangsaan ataupun Bahasa Malaysia. Yang paling aneh lagi kadangkala Juri yang kita panggil ini tidak memahami bahasa orang putih. Apabila hukuman hendak dijatuhkan, Juri ditanya. Tetapi matangnya, Juri kadangkala tidak dapat menentukan dengan tepat kerana mereka tidak berapa faham dengan bahasa Inggeris. Sebab itu, ada satu kes Mahkamah Tinggi telah tidak menjatuhkan hukuman yang mana para Juri hanya kedapatan 4:5; Hakim telah ragu-ragu untuk menjatuhkan hukuman maka terpaksa kes itu dibicarakan semula dan dipilih Juri-juri yang lain. Saya rasa tidak lain tidak bukan ialah kerana bahasa yang mereka kurang faham. Jadi apalah salahnya semua Hakim dan peguam-peguam kita diberi kursus untuk belajar menggunakan Bahasa Malaysia. Kita jemput Hakim-hakim yang mahir berbahasa Malaysia daripada Indonesia misalnya supaya memberi pertolongan kepada mereka untuk menggunakan bahasa ataupun memberi terjemahan Bahasa Malaysia daripada istilah bahasa Inggeris yang digunakan oleh orang-orang Indonesia yang sekarang ini menggunakan bahasa mereka di mahkamah.

Tuan Yang di-Pertua, perkara lain yang saya hendak sentuh ialah mengenai dengan industri-Industri kecil di kawasan luar bandar. Saya maksudkan kawasan luar bandar ini selain daripada kampung-kampung lama, termasuk jugalah rancangan-rancangan tanah. Kemudahan asas sekarang sudah ada. Jadi yang penting bagi kita, bagi mewujudkan industri ini ialah kemudahan asas. Jadi saya menyarankan kepada Kerajaan kita tentukan jenis-jenis industri kecil di rancangan-rancangan tanah ataupun di kampung-kampung, kita galakkan graduan-graduan yang tidak bekerja dengan Kerajaan sebagai ketua-ketua kumpulan bagi menjayakan industri itu, bersama-sama dengan pelajar-pelajar lain yang tamat daripada sekolah-sekolah mereka untuk menjayakan industri itu. Kita berikan modal yang cukup sebagai pinjaman, kita kenakan faedah yang rendah. Sekiranya industri itu berjalan dengan baik, kita serahkan industri ini kepada mereka secara hakmilik ataupun secara sistem saham sebagaimana FELDA buat kepada peneroka, dengan membayar balik hutang kepada Kerajaan.

Kita sanggup memberikan tanah yang luas kepada peneroka-peneroka dengan tanaman kelapa sawit dan getah. Apa salahnya kita memberikan kawasan industri kecil kepada mereka kerana ini tidak menghendaki kawasan yang luas. Saya percaya kalau sekiranya Kerajaan membuat rancangan yang teratur, perkara ini boleh dilaksanakan dan berjaya.

Selain daripada itu, Tuan Yang di-Pertua, saya ingin mengambil kesempatan mengenai dengan pelancongan. Pelancongan adalah merupakan industri yang menggalakkan di negara kita ketika ini. Saya percaya kalau sekiranya Kerajaan mengambil perhatian berat sudah barang tentu kita akan mendapat tambahan pendapatan bagi negara kita dengan banyak sekali. Kita

mempunyai tempat-tempat lain, tempat-tempat yang menarik untuk menarik pelancong datang ke negara kita. Di antaranya sebagaimana kita mengadakan pelabuhan bebas cukai di Pulau Langkawi.

Di sini saya ingin mencadangkan kepada Kerajaan supaya mengambil Pulau Tioman menjadi pelabuhan bebas cukai bagi menarik pelancong-pelancong datang ke negara kita, bukan sahaja mereka datang ke tempat-tempat seperti di Pulau Langkawi dan sebagainya tetapi apabila kita menjadikan Pulau Tioman sebagai pelabuhan bebas cukai, saya percaya ramai di antara pelancong-pelancong, bukan sahaja pelancong-pelancong di dalam negeri, bahkan pelancong luar negeri juga akan datang. Sekian.

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan D. P. Vijandran): Yang Berhormat dari Pontian.

6.07 ptg.

Tuan Law Lai Heng (Pontian): Tuan Yang di-Pertua, saya bangun bersama-sama membahaskan Usul yang dibawa oleh Yang Berhormat dari Kota Setar atas Menjunjung Kasih Titah Ucapan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong yang telah dilafazkan pada 7hb Mac yang lalu.

Tuan Yang di-Pertua, saya tidak ingin mengambil masa yang panjang, saya hanya membawa satu dua perkara sahaja untuk pertimbangan Kerajaan. Saya datang dari negeri Johor. Satu perkara yang sentiasa dibangkitkan ialah pembinaan, meluaskan atau melebarkan Tambak Johor kerana Tambak Johor merupakan satu tambak masuk ke Malaysia, khasnya ke Semenanjung Malaysia kita. Kerana dalam Titah Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong yang telah menyatakan bahawa pelancongan merupakan satu usaha

atau industri yang baru bagi negara kita dan Menteri yang berkenaan pun telah memberi penjelasan bahawa pendapatan dari pelancongan adalah merupakan yang keempat besar selain daripada yang lain. Oleh sebab itu, saya yang datang dari Johor, khasnya di Johor Bahru saya nampak kerana kalau ikut Penyata yang telah dibentangkan oleh TDC telah menyatakan kebanyakan pelancong datang ke negara kita adalah daripada negara-negara ASEAN. Jadi rakyat negara jiran kita di selatan ini boleh dikatakan merupakan satu bilangan pelancong yang terbesar yang berkunjung ke negeri Johor sehingga ke negeri Pahang dan seterusnya sehingga ke Kota Bharu, Kelantan.

•Jadi tambak yang ada sekarang ini boleh dikatakan sudah begitu tidak memuaskan kerana keselesaan mereka yang berkunjung ke negara kita yang kadangkala kena "queue" berjam-jam, khasnya pada hari kelepasan am. Oleh sebab itu, saya berseru kepada Kerajaan kita kerana dari segi menarik pelancongan ke negara kita saya fikir infrastruktur seumpama ini patut yang akan membawa kebaikan kepada kita dan juga keuntungan. Saya fikir selain daripada siapnya pembinaan Jambatan Pulau Pinang, sudah sampai masanya dari utara kita dapat mengalirkan peruntukan itu ke selatan, khasnya meluaskan Tambak Johor.

Tambak Johor merupakan pintu masuk ke negara kita. Selain daripada pelancongan, kita juga mengendalikan import dan eksport melalui Kompleks Kastam di Johor Bahru. Jadi saya berpendapat begitu penting bagi negara kita meluaskan Tambak Johor. Jika negara jiran kita tidak mahu berkongsi perbelanjaan, saya mengesyorkan kita meluaskan di kawasan sebelah negara kita sahaja pun akan bertambah baik keadaan di Kompleks Kastam dan Imigresen di Johor Bahru itu.

Jadi saya menyeru ini kerana ada dua tiga Kementerian yang berkaitan, khususnya Jabatan Perdana Menteri, Kementerian Kerjaraya, Kementerian Kebudayaan dan Pelancongan serta Kementerian Perdagangan dan Perindustrian dan Kementerian Kewangan yang ada kaitan kerana import-eksport ada dilakukan di Kompleks Kastam sana.

Tuan Yang di-Pertua, saya fikir perkara ini mesti diambil berat kerana dengan meluaskan Tambak itu akan menambahkan lagi peluang-peluang pekerjaan kepada penduduk-penduduk di selatan khususnya di Johor.

Tuan Yang di-Pertua, inilah satu perkara yang patut saya mengutarakan dalam Dewan yang mulia ini, jadi pihak-pihak yang berkenaan khususnya Kerajaan Pusat dapat bekerjasama dengan Kerajaan Negeri kerana pihak Kerajaan Negeri Johor sudah sanggup memberi apa juga pertolongan yang perlu untuk meluaskan Tambak Johor kita. Jadi, saya fikir dengan ini saya dapat menyampaikan hujah-hujah daripada penduduk-penduduk di Johor Bahru khususnya dan rakyat negeri Johor amnya.

Dengan ini, saya menyokong Titah Ucapan Duli Yang Maha Mulia. Sekian, terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan D. P. Vijandran): Yang Berhormat dari Kuala Langat.

6.11 ptg.

Tuan Haji Basri bin Bajuri (Kuala Langat): Tuan Yang di-Pertua, saya ingin mengambil bahagian dalam perbahasan Usul Menjunjung Kasih yang dibawa oleh Ahli Yang Berhormat dari Kota Setar yang telah dibentangkan di Dewan yang mulia ini pada 8hb Mac yang lalu.

Titah Ucapan Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong memang merupakan suatu Titah Ucapan yang lengkap dan

padat serta mencukupi semua bidang. Dengan peruntukan masa yang begitu pendek, saya hanya akan menyentuh beberapa perkara yang saya rasakan perlu dibangkitkan dalam Dewan yang mulia ini.

Masalah perpaduan bagi saya sebenarnya tidaklah seburuk sebagaimana yang digembar-gemburkan oleh pihak-pihak tertentu. Adakalanya di antara mereka ini yang tidak dapat membezakan di antara masalah individu dengan masalah perkauman, antara masalah perselisihan faham dan pendapat dengan masalah-masalah yang dianggap sebagai masalah perkauman.

Tuan Yang di-Pertua, masalah perselisihan faham dan pendapat bukanlah suatu perkara luar biasa tetapi adalah perkara biasa yang berlaku di mana-mana sahaja waima di dalam rumahtangga sekalipun. Dalam hal ini apa yang perlu kita sedari ialah sejauh mana percakapan, perbuatan dan pelakuan kita sendiri menuju ke arah mewujudkan perpaduan atau menuju ke arah perpecahan. Kita tidak mahu berlaku dan kita tidak suka berlaku seperti kata pepatah: belanga kata kualiti hitam, kualiti kata belanga hitam. Jadi, yang mana yang hitam, yang mana yang bukan hitam. Sebenarnya masalah perpaduan akan menjadi serius kalau perkara itu kita menjadikannya serius dan perkara itu tidak menjadi serius kalau kita sendiri tidak menjadikannya serius. Untuk mencapai matlamat ini semua pihak seharusnya mempunyai sikap tolah ansur, sikap bertimbang rasa dan sikap tidak menaruh buruk sangka pada orangyanglain.

Tuan Yang di-Pertua, dalam usaha Kerajaan mencapai matlamat Dasar Ekonomi Baru kita dapat melihat bahawa pembangunan negara telah berkembang begitu pesat, lebih-lebih lagi pembangunan infrastruktur di luar bandar. Kita tidak menafikan akan

kepentingan pembangunan tersebut dilaksanakan dan diberikan keutamaan. Pembangunan tersebut mempunyai matlamat membasmi kemiskinan yang bukan sahaja dimaksudkan kemiskinan dari segi ekonomi tetapi juga ialah kemiskinan dari segi mental dan daya pemikiran.

Setelah hampir 18 tahun rancangan tersebut dilaksanakan, namun masih terdapat ketidak selarian pencapaian di antara pembangunan fizikal dengan mental. Masih terdapat banyak kemudahan-kemudahan asas yang tidak digunakan dengan sepenuhnya.

Saya suka mengambil satu contoh. Misalnya jika dibanding di antara bangunan atau infrastruktur sesebuah sekolah dengan kemudahan-kemudahan lain seperti guru, latihan perguruan dan sebagainya kita bandingkan dengan pencapaian pelajaran yang didapati oleh murid-murid, janya jauh berbeza.

Kalau 30 tahun yang lalu jarang sekali kita melihat bangunan sekolah-sekolah yang dibuat daripada batu tetapi hari ini rata-rata bangunan sekolah batu tetapi dari segi pencapaiannya kalau 30 tahun yang lalu barangkali murid-murid yang lulus dalam SPM lebih kurang 50%, hari ini tidak jauh bezanya. Tuan Yang di-Pertua, oleh yang demikian suatu program khas yang menyeluruh saya rasa perlulah dirancang untuk memastikan bahawa pembangunan infrastruktur di luar bandar selari dengan pembangunan pemikiran atau mental penduduk-penduduk luar bandar.

Tuan Yang di-Pertua, sebagai contoh yang lain hari ini semua agensi-agensi dan Jabatan-jabatan Kerajaan telah berusaha bertungkus-lumus untuk mempertingkatkan produktiviti sama ada produktiviti di kalangan anggota-anggota Kerajaan atau orang-orang perseorangan. Namun demikian, masih terdapat kelemahan dan kekurangan di sana sini.

Masalah produktiviti yang rendah di kalangan petani misalnya banyak dikaitkan dengan masalah sikap. Masalah pencapaian yang rendah terhadap pelajar-pelajar dan penuntut-penuntut dikaitkan juga dengan masalah sikap, sama ada sikap guru, sikap murid atau sikap ibu-bapa sendiri. Masalah pengangguran yang begitu ketara ada juga dikaitkan dengan sikap.

Masalah kegagalan peniaga-peniaga terutama di kalangan bumiputra juga banyak dikaitkan dengan sikap. Dengan hal yang demikian saya berpendapat bahawa salah satu faktor yang "common" ini merupakan faktor sikap. Jadi, saya percaya matlamat Dasar Ekonomi Baru tidak akan tercapai sepenuhnya jika matlamat kita untuk mengubah sikap semua pihak, semua lapisan dalam masyarakat kita, kita tidak beri keutamaan dan tidak dapat kita capai. Oleh yang demikian, satu program yang menyeluruh harus diadakan di semua peringkat supaya produktiviti dapat dipertingkat dan dalam hubungan ini Jabatan-jabatan Kerajaan dapat dan boleh memainkan peranan yang berkesan jika setiap anggotanya dapat menyakinkan dan ditanamkan semangat serta sikap supaya lebih mengutamakan tugas dari gaji-

Tuan Yang di-Pertua, mengenai keselamatan dan ketenteraman negara, saya ingin merakamkan ucapan setinggi-tinggi tahniah dan penghargaan saya di atas segala kejayaan pihak Kerajaan dalam membendung semua kegiatan yang mengancam ketenteraman dan keselamatan negara lebih-lebih lagi dalam situasi menjelang 1 hb November, 1987 yang lalu. Begitu juga dengan kejayaan Angkatan Tentera kita mengekalkan keselamatan negara tidak kurang juga kejayaan Pasukan Polis kita dalam membanteras jenayah dan juga pengedaran najis dadah. Walau bagaimanapun, sekali-sekala terbaca juga kita di dalam akhbar ada

kes-kes anggota polis atau tentera yang terlibat dalam pengedaran dan penagihan dadah. Walaupun bilangannya kecil, mungkin boleh dibilang dengan jari, namun ia tidak boleh dipandang ringan kerana kita tidak tahu sebenarnya berapa ramaikah anggota polis dan tentera yang terlibat dalam masalah penagihan dan pengedaran dadah. Kita juga tidak dapat mengesan tentang nisbah di antara anggota yang dapat dikesan dengan anggota yang tidak dapat dikesan.

Fenomena ini harus dipandang berat supaya anggota polis dan tentera benar-benar bersih dari dadah kerana jika anggota polis atau tentera sendiri yang terlibat maka amat susahlah bagi pihak lain untuk mengesannya. Maklumlah, dadah tidak mengenal Polis dan Tentera, seperti juga undang-undang tidak mengenal manusia. tidak mengenal Polis, tidak mengenal Tentera, namun harus kita tidak lupa bahawa pelaksana undang-undang itu adalah manusia yang mempunyai perasaan, mempunyai sentimen. Mereka juga mempunyai nafsu, mereka juga mahu wang, mereka juga mahu senang dan mereka juga ada berbagai-bagai masalah. Memandangkan masalah sindiket pengedaran dadah itu mempunyai rangkaian yang begitu meluas serta teratur, saya yakin lambat-laun, jika kita tidak memberi perhatian yang berat akan ada anggota tentera dan polis kita yang akan terperangkap dengan jerangkap yang mereka pasang.

Tuan Yang di-Pertua, mengenai siswazah penganggur saya mengucapkan terima kasih di atas usaha-usaha gigih Kerajaan dalam mengatasi masalah berkaitan. Saya akui bahawa masalah siswazah menganggur adalah satu masalah yang serius. Walaupun begitu kita tidak seharusnya "panic" atau gusar kerana mereka adalah terdiri dari golongan yang telah dibekalkan dengan ilmu

yang sudah memadai walaupun tidak mencukupi untuk mereka berdikari. Sabagaimana yang kita maklum bahawa matlamat Kerajaan membekalkan ilmu kepada mereka bukanlah semata-mata untuk menjadikan mereka ini pemakan gaji tetapi yang lebih penting ialah kita mahukan mereka menjadi pengusaha yang boleh mewujudkan pekerjaan. Oleh yang demikian pada pendapat saya penekanan yang lebih harus diberikan ke arah pendedahan di dalam bidang dan perusahaan serta bimbingan dan dorongan ke arah itu, bukan semata-mata mencari mereka pekerjaan. Saya percaya jika mereka mendapat dorongan, galakan serta bimbingan yang baik, mereka bukan sahaja tidak akan menjadi penganggur bahkan mereka akan dapat menolong Kerajaan mengurangkan bilangan pengangguran di mana perusahaan mereka akan dapat mewujudkan peluang-peluang pekerjaan, sama ada di dalam sektor pertanian, perkilangan dan sebagainya.

Dalam hubungan ini juga kita tidak harus lupa bahawa bilangan penganggur yang bukan siswazah, iaitu "school leavers", dengan izin, sama ada yang lulus atau gagal dalam SRP atau SPM adalah jauh lebih besar bilangannya dari siswazah menganggur. Mereka adalah golongan yang lebih malang dari siswazah menganggur. Golongan inilah yang sepatutnya diberi lebih perhatian kerana dari segi umur mereka lebih muda, dari segi pendidikan mereka lebih rendah, mungkin juga dari segi kematangan mental mereka masih rendah, lebih-lebih lagi mereka tidak mempunyai kemahiran. Oleh yang demikian sukalah saya menyarankan supaya Kerajaan mengadakan program khas bagi mendedahkan, mendorong dan membimbing golongan ini ke arah ilmu perusahaan dan perniagaan serta kemahiran vokasional.

Sebenarnya negara kita masih memerlukan ramai tenaga mahir atau tenaga separuh mahir. Kita masih memerlukan ramai penanam sayur, kita masih memerlukan ramai pengusaha dusun buah-buahan, ramai tukang-tukang seperti tukang jahit, tukang kimpal, tukang kayu, tukang cat dan sebagainya. Untuk memenuhi keperluan tersebut pendidikan ke arah universiti tidak diperlukan.

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan D. P. Vijandran): Yang Berhormat, satu minit lagi.

Tuan Haji Basri bin Bajuri: Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua, Kerajaan memang ada sekolah vokasional, sekolah teknik dan politeknik serta IKM, tetapi soalnya sejauh manakah sekolah-sekolah yang saya sebutkan ini mencukupi. Ekoran dari kemelesetan ekonomi ramai juga pekerja-pekerja yang telah diberhentikan kerja. Ini juga satu aspek yang perlu diberi perhatian. Sebenarnya peluang-peluang pekerjaan masih banyak boleh diwujudkan, iaitu melalui mewujudkan lebih ramai lagi pengusaha-pengusaha dan peniaga-peniaga.

Akhir sekali, Tuan Yang di-Pertua, menyentuh mengenai pendidikan saya ingin menyentuh mengenai pendidikan pra-sekolah. Hari ini kesedaran tentang pentingnya pendidikan yang teratur diberikan kepada anak-anak sebelum umur persekolahan memang telah dirasai memandangkan pada masa ini tiada institusi yang ditubuhkan oleh Kerajaan bagi memberikan latihan formal kepada guru-guru TABIKA atau TADIKAs, kecuali anjuran Kementerian Pembangunan Negara dan Luar Bandar, maka saya suka mencadangkan supaya Kementerian Pendidikan mewujudkan satu institusi yang berbentuk sama ada maktab atau sekolah atau apa sekalipun khusus

bagi melatih bakal-bakal guru TABIKA atau TADIKAs. Ini adalah bagi memastikan semua guru-guru TADIKAs mendapat latihan yang sempurna dan ini boleh menambahkan lagi bilangan tenaga separa ikhtisas.

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan D. P. Vijandran): Yang Berhormat

Tuan Haji Basri bin Bajuri: yang boleh mewujudkan peluang pekerjaan di mana mereka boleh membuka kelas-kelas TADIKAs mereka sendiri.

Dengan ini, saya mohon menyokong.

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan D. P. Vijandran): Yang Berhormat dari Arau.

6.28 ptg.

Tuan Shahidan bin Kassim (Arau): Tuan Yang di-Pertua yang dikasihi, saya bangun untuk membahaskan Usul menyembah dan menjunjung kasih kepada Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong semasa bertitah di Dewan yang mulia ini.

Tuan Yang di-Pertua, yang pertama sekali oleh kerana masa tidak ada, saya hendak menyokong semua ucapan kawan-kawan saya terutamanya kawan saya dari Kuala Terengganu dan juga sebahagian dari ucapan Ahli dari Gopeng.

Tuan Yang di-Pertua, saya hendak menyentuh satu perkara penting yang perlu ditekankan di sini, iaitu saya hendak tuju kepada Kementerian Kemajuan Tanah dan Kemajuan Wilayah, khusus kepada Jabatan

Ukur, terutamanya Bahagian Pemetaan. Saya hendak sentuh di sini iaitu apakah kriteria dan juga konsep yang dipakai semasa kita membuat pemetaan. Saya terpaksa sentuh perkara ini oleh kerana semasa peta baru dikeluarkan terdapat, walaupun perkara ini tidak patut dihebohkan tetapi saya terpaksa hebohkan, sebab sudah banyak orang tahu oleh kerana peta.

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan D. P. Vijandran): Yang Berhormat, sila duduk! Yang Berhormat boleh sambung esok.

Ahli-ahli Yang Berhormat, mesyuarat ditangguhkan hingga pukul 2.30 petang esok.

—
Dewan ditangguhkan pada pukul 6.30 petang.